



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI PERAK TAHUN 2007



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KANDUNGAN	i
KATA PENDAHULUAN	iii
INTI SARI LAPORAN	vii
BAHAGIAN I : PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007	
Pendahuluan	1
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007	2
Penarafan Indeks Akauntabiliti Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak	2
BAHAGIAN II : ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Analisis Kewangan	4
Rumusan Dan Syor Audit	30
BAHAGIAN III : RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI PERAK	
Kemajuan Pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9)	31
BAHAGIAN IV : PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI	34
BAHAGIAN V : PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI KERAJAAN/AGENSI NEGERI	50
BAHAGIAN VI : PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN MAJLIS AGAMA ISLAM	
Pendahuluan	95
Pengauditan Penyata Kewangan	95
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	95

PERKARA	MUKA SURAT
Persijilan Penyata Kewangan	96
Pembentangan Penyata Kewangan	97
Prestasi Kewangan	98
BAHAGIAN VII : TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERAK TAHUN 2006	102
BAHAGIAN VIII : PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI	115
PENUTUP	118
LAMPIRAN	
I Sijil Ketua Audit Negara	119
II Lembaran Imbangan	120
III Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	121
IV Penyata Akaun Memorandum	122
V Penyata Akaun Hasil Disatukan	123
VI Nota Kepada Akaun Awam	124
VII Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan Agensi Kerajaan	128
GLOSARI AKRONIM	129

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perak. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 2 kaedah pengauditan seperti berikut:

1.1 Pengauditan Penyata Kewangan

Untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

1.2 Pelaksanaan Penarafan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan Jabatan

Mulai tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti bertujuan untuk membuat penilaian secara objektif terhadap pengauditan pengurusan kewangan Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri bagi mengukur dan menambah baik kawalan pengurusan kewangan yang cemerlang. Indeks Akauntabiliti diberi berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit, aset, pinjaman, pelaburan dan penyediaan Penyata Kewangan. Dengan pelaksanaan Indeks Akauntabiliti ini boleh membantu mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik. Selain itu, budaya “membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul” bukan sahaja dapat mempertingkatkan kecemerlangan pengurusan kewangan Jabatan malah aspek integriti, keutuhan dan akauntabiliti yang ditekankan oleh Kerajaan akan dapat dicapai.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Tahun 2007 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di beberapa Jabatan/Agensi Negeri/Syarikat Subsidiari Agensi Negeri sepanjang tahun 2007. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2007, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri. Pengauditan tersebut melibatkan pemeriksaan terhadap 6,894 baucar bayaran bernilai RM166.33 juta, sebanyak 1,391 penyata pemungut bernilai RM19.61 juta dan 231 baucar jurnal bernilai RM269.61 juta.

3. Pengauditan Syarikat Kerajaan - Memandangkan penglibatan Kerajaan atau Agensi Kerajaan dalam Syarikat Kerajaan/swasta melalui pegangan ekuiti dan pemberian pinjaman/geran melibatkan jumlah kewangan yang besar dan meningkat dari tahun ke setahun, pengauditan terhadap Syarikat Kerajaan amatlah penting untuk menentukan wang awam yang terlibat digunakan dengan cara yang cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan. Jabatan Audit Negara telah mendapat perintah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menjalankan pengauditan terhadap Syarikat Kerajaan berkenaan selaras dengan peruntukan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pada 19 November 2003. Pada tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan terhadap Syarikat Ladang Lekir Sdn. Bhd., iaitu Syarikat Susidiari Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak.

4. Laporan ini disediakan 8 Bahagian seperti berikut:

- | | |
|----------------------|--|
| BAHAGIAN I | - Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007 |
| BAHAGIAN II | - Analisis Kewangan Kerajaan Negeri |
| BAHAGIAN III | - Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri |
| BAHAGIAN IV | - Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri |
| BAHAGIAN V | - Pengurusan Syarikat Subsidiari Kerajaan/Agensi Negeri |
| BAHAGIAN VI | - Penyerahan, Pengesahan Dan Pembentangan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Dan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak |
| BAHAGIAN VII | - Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak |
| BAHAGIAN VIII | - Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri |

5. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting untuk menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan keselesaan hidup rakyat sesebuah negeri. Secara tidak langsung ianya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

6. Pada pendapat saya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri dan tahap pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Subsidiari Kerajaan Negeri boleh ditingkatkan sekiranya semua pihak yang terlibat mempunyai 5 perkara yang diringkaskan sebagai **SIKAP** iaitu:

- i. **SUPERVISION** – Penyeliaan yang rapi diberi kepada kerja yang diserahkan kepada pegawai bawahan. Ketua Jabatan perlu memastikan garis panduan yang jelas dan terperinci disediakan sebagai rujukan pegawai/kakitangan menjalankan tugas mereka. Kakitangan perlu melaporkan kemajuan kerja mereka secara berkala.
 - ii. **INTEREST** – Setiap pegawai/kakitangan melaksanakan tugas mereka dengan penuh minat dan dedikasi. Tidak ada sikap sambil lewa.
 - iii. **KNOWLEDGE** – Setiap pegawai/kakitangan mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang tugas masing-masing. Bagi tujuan ini, program latihan yang berterusan perlu dilaksanakan secara berterusan.
 - iv. **ATTITUDE** – Setiap pegawai/kakitangan melaksanakan tugas masing-masing dengan penuh tanggungjawab, jujur dan amanah (*sence of responsibility*).
 - v. **PROCEDURE** – Prosedur kerja yang lengkap dan jelas diwujudkan serta dipatuhi.
7. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Subsidiari Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menyampaikan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia.

Putrajaya

19 Jun 2008

INTI SARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi tahun berakhir 2007 telah dapat disahkan kerana semua butiran di Lembaran Imbang dan juga Penyata Akaun Memorandum telah disertakan dengan dokumen sokongan yang mencukupi. Pada keseluruhannya Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak menunjukkan suatu gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tempoh berakhir 31 Disember 2007.

BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

2. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perak pada 31 Disember 2007 adalah stabil walaupun mengalami penurunan dalam Kumpulan Wang. Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri mengalami penurunan sejumlah RM22.44 juta atau 2.9% menjadi RM765.57 juta pada tahun 2007 berbanding RM788.01 juta pada tahun 2006. Hasil Kerajaan Negeri yang berjumlah RM538.76 juta meningkat sejumlah RM50.23 juta atau 10.3% berbanding tahun 2006 yang berjumlah RM488.53 juta. Perbelanjaan mengurus yang dilakukan turut meningkat sejumlah RM54.26 juta atau 10.6% menjadi RM566.37 juta berbanding RM512.11 juta pada tahun 2006. Kerajaan Negeri perlu berusaha lebih gigih meningkatkan hasil dan mengamalkan perbelanjaan berhemat bagi mengurangkan defisit perbelanjaan.

BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

3. Pada tahun 2007, sebanyak 383 projek telah dilulus untuk dilaksanakan oleh 10 jabatan. Pada keseluruhannya, pelaksanaan projek adalah baik di mana sebanyak 308 projek atau 80.4% berjaya dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut sejumlah 239 projek telah disiapkan sepenuhnya, 69 projek sedang dilaksanakan. Manakala 75 projek masih belum dimulakan lagi. Sejumlah RM388.48 juta atau 83% daripada RM468.06 juta yang diperuntukkan telah dibelanjakan oleh kesemua jabatan berkenaan.

BAHAGIAN IV - PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

4. Jabatan Audit Negara mula melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berasaskan Indeks Akauntabiliti pada tahun 2007. Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti ini selaras dengan saranan Kerajaan Malaysia agar satu sistem pengukuran berasaskan "Star Rating" diwujudkan bagi menilai prestasi jabatan dan agensi Kerajaan. Indeks

Akauntabiliti telah dilaksanakan dengan memberi penarafan bintang terhadap jabatan dan agensi yang dipilih. Penilaian Indeks Akauntabiliti dibuat terhadap Kawalan Pengurusan, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah/Deposit, Pengurusan Pelaburan dan Pengurusan Pinjaman dan Pengurusan Aset. Bagi tahun 2007 sebanyak 9 jabatan dan agensi telah dipilih bagi pelaksanaan Indeks Akauntabiliti seperti berikut:

- a) Jabatan Agama Islam Perak
- b) Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
- c) Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Kangsar
- d) Pejabat Daerah Dan Tanah Perak Tengah
- e) Majlis Perbandaran Kuala Kangsar
- f) Majlis Daerah Gerik
- g) Perbadanan Kemajuan Negeri Perak
- h) Kolej Islam Darul Ridzuan
- i) Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak

Pada keseluruhannya tahap pengurusan kewangan jabatan dan agensi yang diaudit adalah baik dan diberi penarafan 3 bintang kecuali bagi Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah, Kolej Islam Darul Ridzuan dan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak yang memperoleh tahap memuaskan dan diberi penarafan 2 bintang. Kelemahan yang dibangkitkan terutamanya pengurusan aset dan penyelenggaraan rekod boleh diperbaiki dengan komitmen pihak pengurusan dalam pengurusan kewangan dan latihan berterusan kepada kakitangan.

BAHAGIAN V - PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI KERAJAAN/AGENSI NEGERI

5. Secara keseluruhannya pengurusan syarikat Ladang Lekir Sdn. Bhd. adalah memuaskan. Keuntungan selepas cukai syarikat meningkat daripada RM 2.27 juta pada tahun 2006 menjadi RM28.63 juta pada tahun 2007. Pelaburan dalam anak syarikat iaitu P.T. Pinang Witmas Sejati di Palembang Indonesia adalah berisiko sederhana dan memberi keuntungan kepada syarikat. Secara keseluruhannya syarikat berpotensi untuk terus maju dalam bidang perladangan.

BAHAGIAN VI - PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN MAJLIS AGAMA ISLAM

6. Penyerahan penyata kewangan bagi Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak menunjukkan kemajuan kerana sehingga 30 Mei 2008, kesemua Agensi telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir

31 Disember 2006. Selain itu dua Agensi telah mengemukakan Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007 iaitu Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Negeri Perak dan Tabung Kumpulan Wang Kebajikan dan Pendidikan Yayasan Perak. Penyata kewangan kesemua 15 Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006 telah diterima dan selesai diaudit. Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007 bagi Majlis Daerah Gerik telah diterima dan disahkan pada 8 Mei 2008. Penyata Kewangan bagi 9 daripada 15 Badan Berkanun Negeri perlu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Manakala bagi Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Anak Melayu Perak, Kumpulan Wang Biasiswa Rakyat Negeri Perak (Bukan Melayu), Amanah Agama Khairat Sultan Idris, Kuala Kangsar, Majlis Sukan Negeri Perak, Tabung Kumpulan Wang Kebajikan dan Pelajaran Yayasan Perak serta Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak tidak dibentangkan di Dewan Undangan Negeri kerana tidak diperuntukkan oleh Enakmen masing-masing. Selain itu, kesemua 15 Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan tahun 2005 telah dibentangkan semasa sidang Dewan Undangan Negeri manakala bagi Penyata Kewangan tahun 2006 belum dibentangkan.

BAHAGIAN VII - TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERAK

7. Pada tahun 2007 tindakan susulan telah dibuat terhadap 6 Jabatan dan Agensi Kerajaan bagi memastikan tindakan pembetulan yang telah diambil oleh Jabatan dan Agensi berkenaan terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2006. Tindakan pembetulan secara menyeluruh telah diambil oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Perak terhadap perkara yang telah dibangkitkan. Jabatan/Agensi lain masih belum melaksanakan tindakan pembetulan terhadap beberapa perkara yang telah dibangkitkan. Tindakan segera dan komitmen Agensi berkenaan perlu bagi memastikan pengurusan kewangan Agensi dapat diperbaiki bagi meningkatkan akauntabiliti Agensi tersebut.

BAHAGIAN VIII - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

8. Pada tahun 2007, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri (Jawatankuasa) telah bermesyuarat sebanyak 5 kali untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2000 hingga 2004. Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2000 dan 2001 telah pun dibentang dalam Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat, Dewan Undangan Negeri Perak yang bersidang pada 22 Ogos 2007. Memandangkan prestasi Jawatankuasa yang lemah kerana Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2002 hingga 2006 masih belum dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri, adalah wajar takwim mesyuarat Jawatankuasa ditetapkan dengan

lebih kerap lagi. Ini membolehkan Jawatankuasa membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini bagi memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri secara lebih berkesan dan relevan.

BAHAGIAN I
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

1. PENDAHULUAN

1.1 Seksyen 16(1) Akta Prosedur Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957.

1.2 Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 kepada Jabatan Audit Negara pada **2 April 2008**. Penyata tersebut melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2007 berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Akaun Awam.

1.2.1 Lembaran Imbangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.2.2 Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan bayaran bagi tahun 2007. Terimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

1.2.3 Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Tunggakan Hasil. Manakala tanggungan Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

1.3 Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

1.4 Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2007. Pemerhatian Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Negeri melalui surat pengurusan sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan.

2. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan Piawaian Pengauditan yang diluluskan. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Kewangan. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi tahun 2007 selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Akaun adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran V**.

3. PENARAFAN INDEKS AKAUNTABILITI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERAK

Selain memberi pendapat mengenai kedudukan benar dan saksama terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Jabatan Audit telah membuat penilaian secara objektif terhadap elemen-elemen dalam pengesahan penyata kewangan sebagai *Key Performance Indicator* (KPI) sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri di tahap sangat baik, baik, memuaskan dan tidak memuaskan. Penilaian terhadap Penyata Kewangan meliputi peringkat interim dan muktamad.

3.1 PERINGKAT INTERIM

Pada peringkat interim, penilaian telah dijalankan terhadap kawalan terimaan, kawalan pembayaran, baucar jurnal dan penyata bulanan Sistem Perakaunan Kerajaan Negeri (SPEKS). Elemen-elemen yang dinilai adalah seperti berikut:

3.1.1 Kawalan Terimaan

Di bawah kawalan terimaan penilaian telah dijalankan terhadap penyerahan akaun tunai bulanan, pemprosesan penyata pemungut, pengesahan penyata penyesuaian hasil dan penyata penyesuaian bank (akaun terimaan).

3.1.2 Kawalan Pembayaran

Bagi kawalan pembayaran pula, penilaian telah dilaksanakan terhadap baucar bayaran, penyata penyesuaian bank (akaun bayaran), pengesahan penyata penyesuaian perbelanjaan, kawalan cek/stok cek, cek terbatal, *Electronic Fund Tranfer (EFT)* dan bank draf.

3.1.3 Baucar Jurnal

Penilaian terhadap kawalan dalaman, sistem, penyediaan dan pemprosesan baucar jurnal.

3.1.4 Penyata Bulanan SPEKS

Penyata bulanan SPEKS yang dikeluarkan berkaitan dengan wang tunai, akaun perbelanjaan, akaun hasil dan akaun amanah telah dinilai di bawah kawalan ini.

3.2 PERINGKAT MUKTAMAD

Di peringkat muktamad penilaian telah dijalankan terhadap Penyata Wang Tunai, Penyata Pelaburan, Penyata Akaun Hasil Disatukan, Penyata Akaun Pinjaman Disatukan, Penyata Akaun Amanah Disatukan, Penyata Akaun Memorandum dan persempahan Penyata Kewangan.

Pada pendapat Audit, hasil penilaian mendapati Indeks Akauntabiliti Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi tahun kewangan 2007 adalah pada tahap baik dengan penarafan 3 bintang.

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4. ANALISIS KEWANGAN

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2007, juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Analisis berkaitan meliputi Penyata Wang Tunai, Penyata Pelaburan, Penyata Hasil Disatukan, Penyata Akaun Pinjaman Disatukan, Penyata Akaun Amanah Disatukan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Akaun Awam.

4.1 KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4.1.1 Mengikut Lembaran Imbangan, jumlah Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2007 adalah RM765.57 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai sejumlah RM75.12 juta dan pelaburan sejumlah RM690.45 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Negeri Perak bagi tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan
Bagi Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	535.08	507.48	(27.60)	(5.2)
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	135.15	102.05	(33.10)	(24.5)
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	117.78	156.04	38.26	32.5
	<i>i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	131.86	167.09	35.23	26.7
	<i>ii) Kumpulan Wang Pembangunan</i>	(128.12)	(195.23)	(67.11)	(52.4)
	<i>iii) Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	56.38	120.73	64.35	114.1
	<i>iv) Deposit</i>	57.66	63.45	5.79	10.0
Jumlah		788.01	765.57	(22.44)	(2.8)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

4.1.2 Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2007

Bil.	Butiran	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	595.21	595.75	558.66	535.08	507.48
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	79.24	91.55	46.23	135.15	102.05
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	76.82	83.07	107.32	117.78	156.04
	<i>i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	131.72	83.52	119.22	131.86	167.09
	<i>ii) Kumpulan Wang Pembangunan</i>	(189.58)	(130.27)	(120.57)	(128.12)	(195.23)
	<i>iii) Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	65.58	63.61	52.45	56.38	120.73
	<i>iv) Deposit</i>	69.10	66.21	56.22	57.66	63.45
Jumlah		751.27	770.37	712.21	788.01	765.57

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

4.1.3 Analisis Audit mendapati Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri telah mengalami penurunan sejumlah RM22.44 juta atau 2.9% iaitu daripada RM788.01 juta pada tahun 2006 menjadi RM765.57 juta pada tahun 2007. Penurunan ini antara lain disebabkan oleh peningkatan defisit perbelanjaan mengurus kepada RM27.61 juta atau 5.12% pada tahun 2007 berbanding defisit berjumlah RM23.58 juta atau 4.8% pada tahun 2006.

4.2 WANG TUNAI

4.2.1 Wang Tunai merupakan sebahagian daripada komponen yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan sebagai aset Kerajaan Negeri yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan. Wang tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Tangan pula terdiri daripada Panjar Wang Runcit serta Panjar Wang Runcit Khas. Baki Wang Tunai pada tahun 2007 berjumlah RM75.12 juta berbanding sejumlah RM94.98 juta pada tahun 2006.

4.2.2 Analisis perbandingan kedudukan wang tunai bagi tahun 2007 dan tahun 2006 menunjukkan penurunan berjumlah RM19.86 juta atau 20.9% kepada RM75.12 juta berbanding RM94.98 juta pada tahun 2006 akibat penurunan yang ketara Wang Tunai Dalam Perjalanan. Analisis perbandingan kedudukan wang tunai bagi tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 3**.

Jadual 3
Baki Wang Tunai Bagi Tahun 2006 Dan 2007


Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/(Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	77.10	70.74	(6.36)	(8.2)
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	17.52	4.02	(13.50)	(77.1)
3.	Panjar Wang Runcit	0.36	0.36	0.00	0.0
	Jumlah	94.98	75.12	(19.86)	(20.9)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

4.2.3 Analisis terhadap baki wang tunai mendapat penurunan wang tunai berjumlah RM19.86 juta antara lain disebabkan oleh pengeluaran pinjaman kepada Lembaga Air Perak bagi membiayai projek bekalan air tahun 2007 berjumlah RM143.10 juta berbanding pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM110 juta. Selain itu, penurunan disebabkan pinjaman sejumlah RM58 juta bagi pembinaan Kolej Islam Darul Ridzuan dan Ibu Pejabat Perhutanan Negeri tidak mendapat kelulusan dari Kerajaan Persekutuan di mana kos tersebut telah dikenakan kepada perbelanjaan langsung.

4.2.4 Baki wang tunai bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Carta 1**.

Carta 1
Kedudukan Wang Tunai Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak


4.2.5 Analisis trend mendapat baki wang tunai dalam bank bagi tempoh 2003 hingga 2007 mengalami penurunan ketara daripada RM725.14 juta pada tahun 2004 kepada RM7.32 juta pada tahun 2005. Ini adalah kerana pelarasan terhadap deposit simpanan

tetap di bank yang diambil kira dalam Penyata Tunai dan dipindahkan ke dalam Penyata Pelaburan selaras dengan kehendak Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK) 2 yang berkuat kuasa mulai tahun 2005.

4.3 PELABURAN

Pada tahun 2007, pelaburan Kerajaan Negeri dalam bentuk Simpanan Tetap dan Saham di cawangan bank perdagangan dan institusi kewangan bernilai RM690.45 juta. Pelaburan ini terdiri daripada deposit dalam Negeri berjumlah RM648.90 juta dalam bentuk Simpanan Tetap dan sejumlah RM41.55 juta dalam bentuk pelaburan saham di 4 buah syarikat. Jumlah pelaburan ini menurun sejumlah RM2.58 juta atau 0.4% berbanding sejumlah RM693.03 juta pada tahun 2006. Penurunan ini adalah disebabkan Simpanan Tetap yang dicairkan untuk kegunaan pengurusan Kerajaan Negeri. Kedudukan pelaburan simpanan tetap dan saham bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Carta 2**.

Carta 2
Kedudukan Trend Pelaburan Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

4.3.1 Pelaburan saham Kerajaan Negeri berjumlah RM41.55 juta tidak berubah sejak tahun 1999. Analisis trend 5 tahun dari tahun 2003 hingga 2007 mendapati pelaburan Kerajaan Negeri meningkat pada tahun 2005 menjadi RM702.22 juta. Perubahan ketara ini disebabkan pelarasan terhadap deposit simpanan tetap di bank yang diambil kira dalam Penyata Tunai telah dipindahkan ke dalam Penyata Pelaburan selaras dengan PPK 2 yang berkuat kuasa pada tahun 2005. Jumlah pelaburan menyusut pada tahun 2006 dengan penurunan sejumlah RM9.19 juta kepada RM693.03 juta dan terus menurun kepada RM690.45 juta pada tahun 2007. Penurunan ini adalah disebabkan pencairan simpanan tetap bagi menampung defisit perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri.

4.4 AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urus niaga penerimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Acara Kewangan 1957.

4.4.1 Hasil

Kerajaan Negeri Perak memungut 3 jenis hasil yang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada keseluruhannya hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2007 berjumlah RM538.76 juta iaitu meningkat sejumlah RM50.23 juta atau 10.3% berbanding tahun 2006 berjumlah RM488.53 juta. Jumlah hasil mengikut 3 kategori adalah seperti di **Jadual 4**.


Jadual 4
Pungutan Hasil Bagi Tahun 2006 Dan 2007

Bil.	Kategori Hasil	Tahun		Lebihan/ (Kurangan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	192.29	195.48	3.19	1.7
2.	Hasil Bukan Cukai	193.10	221.87	28.77	14.9
3.	Terimaan Bukan Hasil	103.14	121.41	18.27	17.7
Jumlah		488.53	538.76	50.23	10.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

Hasil Kerajaan Negeri merupakan sumber utama yang akan digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Bagi tempoh 2003 hingga 2007, penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri adalah daripada Cukai Tanah, Terimaan Daripada Agensi Kerajaan, Perolehan dari Jualan Barang-barang, Lesen dan Permit serta hasil Perhutanan. Analisis terhadap trend 5 butiran penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah di **Carta 3**.

Carta 3
Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri
Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

Pada tahun 2007 sebanyak 107 butiran menunjukkan peningkatan berjumlah RM82.89 juta manakala sebanyak 73 butiran hasil mengalami penurunan berjumlah RM32.66 juta.

- a) Peningkatan butiran hasil yang ketara bagi tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 5**.

Jadual 5
Peningkatan Hasil Ketara Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006

Bil.	Butiran Hasil	Pungutan Hasil (Tahun)		Peningkatan (RM Juta)	Peratus (%)	Punca Peningkatan
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)			
1.	Lain-lain Terimaan Daripada Agensi Kerajaan	0.61	34.72	34.11	5,591.8	Bantuan Geran bagi membantu bayaran kenaikan gaji pokok dan elaun bantuan sara hidup kakitangan awam
2.	Bayaran Balik Pinjaman Yang Diberi Kepada Badan Berkanun	3.34	5.64	2.30	68.9	Bayaran balik oleh Lembaga Air Perak dan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak
3.	Cukai Tanah Tuggakan	14.61	22.29	7.68	52.6	Bayaran tunggakan Cukai Tanah Milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan penubuhan pasukan petugas untuk meningkatkan kutipan
Jumlah		18.56	62.65	44.09	237.6	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

b) Penurunan hasil yang ketara tahun 2007 berbanding 2006 adalah seperti di **Jadual 6**.

Jadual 6
Penurunan Hasil Ketara Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006

Bil.	Butiran Hasil	Pungutan Hasil (Tahun)		Penurunan (RM Juta)	Peratus (%)	Punca Penurunan
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)			
1.	Geran Keseimbangan	21.71	0.00	(21.71)	(100)	Geran tersebut disalurkan terus kepada Pihak Berkua Tempatan mulai tahun 2007
2.	Royalti Ke Atas Bijih Timah Padat	0.75	0.0005	(0.75)	(99.9)	Harga bijih timah yang melebihi RM35.73 tidak dikenakan royalti
3.	Faedah Atas Pinjaman Kepada Badan Berkanun	1.96	0.64	(1.32)	(67.3)	Pada tahun 2006 terdapat pelarasan faedah dipermodalkan bagi pinjaman menampung perbelanjaan Operasi dan Modal Perak College Of Medicine Sdn. Bhd. sejumlah RM1.27 juta
Jumlah		24.42	0.64	(23.78)	(97.4)	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

4.4.2 Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan tanggungan dan perbelanjaan bekalan yang diperuntukkan oleh undang-undang mengikut Perkara 98, Perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan. Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri secara keseluruhannya meningkat sejumlah RM54.26 juta atau 10.6% berbanding RM512.11 juta bagi tahun 2006 menjadi RM566.37 juta pada tahun 2007. Perbelanjaan ini terdiri daripada 5 kategori iaitu Emolumen, Perkhidmatan Dan Bekalan, Aset, Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap dan Pelbagai Perbelanjaan. Kedudukan perbelanjaan mengurus mengikut kategori bagi tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 7**.

Jadual 7
Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2006 Dan 2007

Bil.	Maksud Perbelanjaan	Tahun		Peningkatan/ (Pengurangan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	Peratus (%)
1.	Emolumen	164.84	176.94	12.10	7.3
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	132.78	144.19	11.41	8.6
3.	Aset	15.00	18.37	3.37	22.5
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	186.96	215.76	28.80	15.4
5.	Perbelanjaan Lain	12.53	11.11	(1.42)	(11.3)
Jumlah		512.11	566.37	54.26	10.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

- a) Analisis Audit menunjukkan peningkatan dan penurunan butiran perbelanjaan yang ketara seperti di **Jadual 8**.


Jadual 8
Peningkatan/ (Penurunan) Perbelanjaan Ketara Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Perbelanjaan (Tahun)		Peningkatan / (Penurunan) (RM Juta)	Peratus (%)	Punca Peningkatan/ (Penurunan)
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)			
1.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap- Pemberian Dalam Negeri	113.90	123.20	9.30	8.2	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan meningkat
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan- Penyelenggaraan Kemudahan Pengairan	18.13	21.96	3.83	21.1	Kerja penyelenggaraan terusan oleh JPS
3.	Emolumen- Gaji Kakitangan Awam	22.14	24.89	2.75	12.4	Pelarasan Gaji 2007
4.	Aset- Pembaikan Kemudahan Jalan Raya	-	1.00	1.00	100	Kerja penyelenggaraan jalan dan cerun oleh JKR
5.	Perbelanjaan Lain- Pulang Balik Dan Hapus Kira	11.95	10.41	(1.54)	(12.9)	Penurunan Pulangan Balik Hasil
Jumlah		166.12	181.46	15.34	9.2	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

- b) Trend perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun mulai tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Carta 4**.

Carta 4
Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri
Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2007



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

- c) Analisis trend mendapati peratus kadar peningkatan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri meningkat setiap tahun. Peratus kadar peningkatan perbelanjaan mengurus meningkat daripada 2.6% pada tahun 2004 kepada 10.6% pada tahun 2007.

4.5 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut kehendak Seksyen 7(b), Akta Prosedur Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaun semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, bayaran balik pinjaman dan pindahan penerimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan atau Akaun Hasil Disatukan.

- 4.5.1** Pada akhir tahun 2007, Kerajaan Negeri hanya menerima pinjaman bagi projek Bekalan Air sejumlah RM110 juta dan pinjaman ini telah diakaunkan dalam Akaun Pinjaman Disatukan. Kedudukan Akaun Pinjaman Disatukan bagi tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 9**.

Jadual 9
Akaun Pinjaman Disatukan Bagi Tahun 2006 Dan 2007

Pinjaman	Tahun		Peningkatan/(Penurunan)	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	Peratus(%)
Baki 1 Januari	46.23	135.14	88.91	192.3
Terimaan	197.50	110.00	(87.50)	(44.3)
Bayaran	108.59	143.10	34.51	31.8
Baki Pada 31 Disember	135.14	102.04	(33.10)	(24.5)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

- 4.5.2** Baki akaun ini menurun sejumlah RM33.10 juta atau 24.5% kepada RM102.04 juta pada tahun 2007 berbanding sejumlah RM135.14 juta pada tahun 2006. Penurunan ini disebabkan oleh pengeluaran pinjaman kepada Lembaga Air Perak sejumlah RM143.10 juta bagi membiayai projek bekalan air. Kerajaan Negeri telah menerima 10 pinjaman baru berjumlah RM48.23 juta pada tahun 2007. Baki pinjaman berjumlah RM102.04 juta masih belum disalurkan kepada Lembaga Air Perak kerana perjanjian masih belum ditandatangani. Menurut Piawaian Perakaunan Kerajaan Bilangan 5, baki wang di dalam Akaun Pinjaman Disatukan hendaklah dipindahkan ke Kumpulanwang Pembangunan. Semakan Audit mendapati baki Akaun Pinjaman Disatukan tidak dipindahkan ke Kumpulanwang Pembangunan.

- 4.5.3** Kedudukan baki Akaun Pinjaman Disatukan bagi tempoh 5 tahun iaitu tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 10**.

Jadual 10
Kedudukan Baki Akaun Pinjaman Disatukan
Bagi Tahun 2003 Hingga 2007

Bil.	Pinjaman	Baki Pinjaman				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Rancangan Bekalan Air	79.29	91.55	46.23	135.14	102.04
	Jumlah	79.29	91.55	46.23	135.14	102.04

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

4.5.4 Pada akhir tahun 2007 bayaran balik termasuk faedah kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM28.65 juta telah dibuat bagi 65 pinjaman mengikut jadual bayaran balik manakala tiada bayaran balik dibuat terhadap 28 pinjaman yang lain.

4.6 AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(c) Akta Prosedur Kewangan 1957 dan terbahagi kepada tiga kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Awam dan Deposit. Akaun ini menguruskan semua wang yang diterima tertakluk kepada amanah dan digunakan mengikut terma-terma amanah tersebut.

4.6.1 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri dari kumpulan wang amanah yang ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 (disemak 1972) untuk maksud tertentu. Kumpulan Wang ini bercorak kumpulan wang pusingan yang mana pembayaran dari kumpulan wang ini tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri.

a) Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1966 (Akta 70) dan diperakaunkan dalam Penyata Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber kewangan bagi kumpulan wang ini adalah terdiri daripada caruman Akaun Hasil, penerimaan daripada Kerajaan Persekutuan dan Akaun Pinjaman. Kumpulan Wang Pembangunan ini hanya boleh dibelanjakan bagi maksud yang ditentukan oleh Akta tersebut. Penerimaan kumpulan wang ini bagi tahun 2007 berjumlah RM162.52 juta iaitu penerimaan caruman daripada Akaun Hasil berjumlah RM122 juta, Kerajaan Persekutuan berjumlah RM29.07 juta dan penerimaan pelbagai berjumlah RM11.45 juta. Manakala perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2007 adalah berjumlah RM229.63 juta berbanding RM158.86 juta pada tahun 2006 iaitu peningkatan berjumlah RM70.77 juta atau 44.5%. Baki defisit terkumpul Kumpulan

Wang Pembangunan pada akhir tahun 2006 berjumlah RM128.12 juta meningkat menjadi defisit RM195.23 juta pada akhir tahun 2007 akibat pertambahan defisit tahun semasa berjumlah RM67.11 juta. Perbandingan baki defisit bagi tahun 2007 berbanding 2006 adalah seperti di **Jadual 11**.

Jadual 11
Baki Kumpulan Wang Pembangunan
Bagi Tahun 2006 dan 2007

Tahun	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Baki 1 Januari	(120.57)	(128.12)
Penerimaan	151.31	162.52
Perbelanjaan	158.86	229.63
Lebihan/(Defisit)	(7.55)	(67.11)
Baki 31 Disember	(128.12)	(195.23)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

Pada tahun 2007, tiga Jabatan/Pejabat telah mengalami penurunan perbelanjaan pembangunan berbanding tahun 2006 iaitu Jabatan Kehakiman Syariah, Kerajaan Tempatan dan Perumahan Awam dan Pejabat Pembangunan dengan perbelanjaan masing-masing berjumlah RM0.24 juta, RM2.13 juta dan RM27.83 juta. Antara sebab penurunan perbelanjaan adalah kerana masing-masing menerima peruntukan kurang berbanding tahun 2006 kerana terdapat projek masih belum mula, tangguh dan bagi Program Perumahan Rakyat, projek belum mendapat kelulusan daripada Kementerian. Tiga Jabatan/Pejabat lain telah mengalami peningkatan perbelanjaan pembangunan iaitu Pejabat Kewangan Negeri, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Perhutanan dengan perbelanjaan masing-masing berjumlah RM86.63 juta, RM65.75 juta dan RM15.93 juta. Peningkatan ini terutamanya disebabkan penambahan peruntukan berbanding tahun 2006 bagi melaksanakan projek pembinaan Kolej Islam Perak, pembinaan jambatan baru dan pembinaan bangunan pentadbiran Jabatan Perhutanan Negeri. Kedudukan perbelanjaan pembangunan mengikut Jabatan/Pejabat bagi tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 12**.

Jadual 12
Perbelanjaan Pembangunan Bagi Tahun 2006 Dan 2007

Bil	Jabatan/Pejabat	Tahun		Peningkatan/ (Pengurangan) (RM Juta)
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	
1.	Jabatan Kehakiman Syariah	0.31	0.24	(0.07)
2.	Kerajaan Tempatan & Perumahan Awam	4.32	2.13	(2.19)
	Pejabat Pembangunan	30.07	27.83	(2.24)
4.	Jabatan Perhutanan	9.88	15.93	6.05
5.	Jabatan Kerja Raya	59.01	65.75	6.74
6.	Pejabat Kewangan Negeri	33.99	86.63	52.64

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

b) Kumpulan Wang Luar Jangka

Perkara 103 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bagi mewujudkan Kumpulan Wang Luar Jangka bagi maksud memenuhi keperluan perbelanjaan yang segera dan luar jangka. Pada akhir tahun 2007, baki Kumpulan Wang ini berjumlah RM11 juta bersamaan dengan baki akhir tahun 2006. Peruntukan Kumpulan Wang ini tidak digunakan kerana tiada perbelanjaan luar jangka yang perlu dikeluarkan pada tahun 2007.

c) Akaun Kena Bayar

Akaun ini diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan Kerajaan Negeri terhadap pelbagai bekalan dan perkhidmatan pada akhir tahun yang perlu dijelaskan pada awal tahun berikutnya. Pada akhir tahun 2007 baki akaun ini meningkat menjadi RM58.90 juta berbanding RM33.33 juta pada tahun 2006. Mengikut analisis Audit, peningkatan sejumlah RM25.57 juta adalah tidak selaras dengan Pekeliling Kewangan Negeri Perak Bil. 6 tahun 2007 yang menghendaki PTJ mempercepatkan urusan penyerahan baucar bayaran ke Bendahari Negeri menjelang akhir tahun. Semakan Audit mendapati 17 Jabatan menunjukkan peningkatan antara 0.9% hingga melebihi 100% manakala 10 Jabatan menurun antara 4.4% hingga 87.9%. Peningkatan paling ketara adalah di Pejabat Kewangan Negeri (PKN) di mana terdapat baucar bayaran Akaun Kena Bayar (AKB) bagi melaraskan resit berjumlah RM20.35 juta daripada Akauntan Negara bagi penerimaan Pinjaman Lembaga Air Perak yang telah diambil kira dua kali. Pelarasan ini telah mengakibatkan peningkatan AKB yang tinggi iaitu sejumlah RM25.23 juta atau 997.2% berbanding RM2.53 juta pada tahun 2006.

Selain itu, perbelanjaan AKB adalah disebabkan perbelanjaan di bawah AP 58(a) seperti tunggakan bil perubatan dan juga tunggakan bil-bil utiliti yang lewat dikemukakan ke PKN. Butiran perbelanjaan AKB antara tahun 2006 dan 2007 bagi 5 Jabatan yang menunjukkan peningkatan tertinggi adalah seperti di **Jadual 13**.

Jadual 13
Akaun Kena Bayar Mengikut Jabatan Tahun 2006 Dan 2007

Bil.	Jabatan	Tahun 2006	Tahun 2007	Peningkatan/(Penurunan)	Peratus (%)
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	
1.	Pejabat Kewangan Negeri	2.53	27.76	25.23	997.2
2.	Jabatan Perhutanan	0.49	1.90	1.41	287.8
3.	Pejabat Daerah Kinta Batu Gajah	0.44	1.24	0.80	181.8
4.	Pejabat Daerah Sri Iskandar	0.23	0.71	0.48	208.7
5.	Pejabat Tanah Dan Galian	0.23	0.61	0.38	165.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

Peningkatan perbelanjaan Akaun Kena Bayar paling ketara bagi 5 jabatan mengikut kategori perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 14**.

Jadual 14
Butiran Perbelanjaan Bagi Jabatan Bagi Tahun 2007

Bil.	Jabatan	Perbelanjaan (RM Juta)						
		Emolumen (RM Juta)	Perkhidmatan Dan Bekalan (RM Juta)	Aset (RM Juta)	Bayaran Tetap (RM Juta)	Perbelanjaan Lain (RM Juta)	Amanah (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
1.	Pejabat Kewangan Negeri	-	1.56	5.60	0.06	0.19	20.35	27.76
2.	Jabatan Perhutanan	0.11	0.58	1.21	-	-	-	1.90
3.	Jabatan Pertanian	0.01	1.05	0.80	0.01	-	-	1.87
4.	Pejabat Daerah Kinta Batu Gajah	0.03	0.65	0.53	0.03	-	-	1.24
5.	Pejabat Daerah Sri Iskandar	-	0.12	0.42	0.17	-	-	0.71
Jumlah		0.15	3.96	8.56	0.27	0.19	20.35	33.48

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

d) Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Perak

Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Perak diwujudkan mengikut Seksyen 10(2), Akta Prosedur Kewangan 1957 bagi pembiayaan penyelenggaraan jalan raya yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pada tahun 2007, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pemberian penyelenggaraan jalan raya sejumlah RM141.89 juta di mana telah dibelanjakan sejumlah RM90.03 juta. Jumlah penerimaan penyelenggaraan jalan raya telah meningkat sejumlah RM48.92 juta atau 52.6% berbanding sejumlah RM92.97 juta pada

tahun 2006. Baki pada akhir tahun ini berjumlah RM55.88 juta berbanding sejumlah RM4.02 juta pada tahun 2006. Jumlah penerimaan dan perbelanjaan bagi tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 15**.

Jadual 15
Jumlah Penerimaan, Perbelanjaan Dan Baki Akaun
Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya Bagi Tahun 2003 Hingga 2007

Tahun	Baki Pada 1 Januari (RM Juta)	Penerimaan Dari Kerajaan Persekutuan (RM Juta)	Perbelanjaan Semasa (RM Juta)	Baki Akaun Pada 31 Disember (RM Juta)
2003	60.29	79.90	125.52	14.67
2004	14.67	87.00	81.23	20.44
2005	20.44	87.68	105.07	3.05
2006	3.05	92.97	92.00	4.02
2007	4.02	141.89	90.03	55.88

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

4.6.2 Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957 iaitu terdiri daripada Kumpulan Wang Khas yang dipegang oleh Kerajaan Negeri dan wang amanah yang diterima bagi maksud tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri. Sebanyak 30 Akaun Amanah diwujudkan iaitu terdiri daripada 22 Akaun Amanah yang masih aktif, 1 Akaun Amanah telah ditutup, 4 Akaun Amanah yang tidak bergerak dan 3 Akaun Amanah baru diwujudkan iaitu Akaun Amanah Elaun Ketua Kampung Baru, Akaun Amanah Bayaran Royalti (PINS) dan Akaun Amanah Bantuan Khas Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2007, baki Kumpulan Wang Amanah Awam berjumlah RM120.73 juta berbanding RM56.38 juta pada tahun 2006. Peningkatan baki RM64.35 juta disebabkan kewujudan Akaun Amanah baru dan peningkatan baki Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya yang meningkat sejumlah RM51.86 juta menjadi RM55.88 juta berbanding RM4.02 juta pada tahun 2006.

a) Akaun Amanah Yang Tidak Aktif

Empat Akaun Amanah berbaki RM3.77 juta didapati tidak aktif antara 1 hingga 4 tahun. Tindakan penutupan akaun hendaklah diambil segera selaras dengan Arahan Amanah iaitu bakinya dikreditkan ke akaun hasil. Kumpulan wang yang tidak aktif pada tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 16**.

Jadual 16
Akaun Amanah Yang Tidak Aktif

Kumpulan Wang/Akaun Amanah Awam	Baki Pada 31 Disember		Tidak Aktif Sejak Tahun
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	
Kumpulan Wang Biasiswa Rendah Melayu	0.47	0.47	2005
Akaun Amanah Tabung Nelayan Persisiran Pantai Lekir	0.30	0.30	2005
Akaun Amanah Tabung Festival Taman 2004	0.0005	0.0005	2005
Tabung Amanah Repositori	3.00	3.00	2004
Jumlah	3.77	3.77	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

b) Penyerahan Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Akaun Amanah

Mengikut Pekeliling Kewangan Negeri Perak Bil. 6 Tahun 2007 dan Arahan Amanah yang berkenaan, pusat tanggungjawab yang menyelenggarakan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah hendaklah menyedia Penyata Penerimaan dan Pembayaran bagi Akaun Amanah berkenaan pada 31 Disember 2007 dan mengemukakan ke Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Audit Negara, Cawangan Negeri Perak pada akhir bulan Mac 2008. Sehingga 31 Mac 2008, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Akaun Amanah Kumpulan Wang Taman Negeri Perak berakhir pada 31 Disember 2007 tidak dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara.

c) Kumpulan Wang Pembangunan Hutan


Kumpulan Wang Pembangunan Hutan diwujudkan mengikut Seksyen 56 Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) dan Seksyen 9(3) Akta Prosedur Kewangan 1957, bertujuan untuk melaksanakan pelbagai projek seperti menyedia, melaksana dan mengkaji semula rancangan pengurusan hutan negeri. Pada tahun 2007, baki Kumpulan Wang ini menurun sejumrah RM6.30 juta kepada RM24.70 juta berbanding RM31 juta pada tahun 2006. Penurunan ini disebabkan perbelanjaan sejumlah RM4.50 juta bagi pembinaan bangunan Jabatan Perhutanan Negeri. Perbelanjaan ini tidak mematuhi Arahan Amanah yang ditetapkan. Baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan Hutan bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Jadual 17** dan **Carta 5**.

Jadual 17
Baki Kumpulan Wang Pembangunan Hutan
Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2007

Tahun	Baki Pada 31 Disember (RM Juta)	Peningkatan/ (Pengurangan) (RM Juta)
2003	30.34	2.51
2004	31.94	1.60
2005	33.18	1.24
2006	31.00	(2.18)
2007	24.70	(6.30)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

Carta 5
Baki Kumpulan Wang Pembangunan Hutan Bagi Tempoh 5 Tahun



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

d) Akaun Amanah Pengurusan SPEKS

Akaun Amanah Pengurusan SPEKS diwujudkan bertujuan untuk menerima dan melaksanakan perakaunan wang pemberian daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan lain-lain sumbangan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS). Pada tahun 2007, baki Akaun Amanah ini menurun sejumlah RM0.03 juta kepada RM0.28 juta berbanding RM0.31 juta pada tahun 2006. Penurunan baki adalah disebabkan tiada penerimaan wang pada tahun 2007 dan sejumlah RM0.03 juta telah dibelanjakan.

e) Akaun Amanah Latihan Dan Kursus Anggota Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Akaun Amanah Latihan Dan Kursus Anggota PBT diwujudkan bertujuan untuk menerima semua sumbangan daripada Pihak Berkuasa Tempatan Perak Darul Ridzuan dan sumber-sumber lain kewangan untuk melaksanakan Kursus Induksi bagi anggota Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak Darul Ridzuan. Pada tahun 2007, sejumlah RM0.07 juta telah diterima dan sejumlah RM0.09 juta telah dibelanjakan. Baki Akaun Amanah ini menurun sejumlah RM0.02 juta kepada RM0.04 juta pada tahun 2007 berbanding RM0.06 juta pada tahun 2006.

f) Akaun Amanah Ujian Khas Memasuki Perkhidmatan Awam (SPA)

Akaun Amanah Ujian Khas Memasuki Perkhidmatan Awam (SPA) bertujuan untuk memperakarkan segala sumbangan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia dan pembayaran seperti membiayai sewaan dewan dan elau pengawasan peperiksaan bagi ujian khas memasuki perkhidmatan awam Malaysia. Pada tahun 2007, sejumlah RM0.1 juta telah diterima dan sejumlah RM0.08 juta telah dibelanjakan. Baki Akaun Amanah meningkat sejumlah RM0.02 juta menjadi RM0.04 juta berbanding RM0.02 juta pada tahun 2006.

g) Akaun Amanah Program Latihan Khidmat Negara

Penubuhan Akaun Amanah ini bertujuan untuk memperakaun segala sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan sumber-sumber lain kewangan serta perbelanjaan dalam melaksanakan aktiviti, acara dan program yang di rancang untuk Program Latihan Khidmat Negara. Pada tahun 2007, peruntukan diterima daripada Kementerian Pertahanan Malaysia berjumlah RM0.21 juta dan perbelanjaan berjumlah RM0.13 juta menyebabkan baki akhir meningkat RM0.32 juta berbanding RM0.25 juta pada tahun 2006.

h) Perbandingan Baki Akaun Amanah Awam

Analisis mendapati baki 3 Akaun Amanah Awam menurun disebabkan pembayaran dibuat tidak selaras dengan Arahan Amanah mengakibatkan perbelanjaan melebihi pendapatan dan 2 Akaun Amanah Awam meningkat disebabkan penerimaan tambahan peruntukan daripada Kementerian Pertahanan Malaysia dan Suruhan Jaya Perkhidmatan Awam Malaysia seperti di **Jadual 18**.

Jadual 18
Peningkatan/ (Penurunan) Baki Akaun Amanah Awam
Pada Tahun 2006 Berbanding 2007

Bil.	Akaun Amanah Awam	Baki Terkumpul (RM Juta)		Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)	Peratus Peningkatan/ (Penurunan) (%)
		2006	2007		
1.	Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	31.00	24.70	(6.3)	(20.3)
2.	Akaun Amanah Pengurusan SPEKS	0.31	0.28	(0.03)	(9.7)
3.	Akaun Amanah Latihan Dan Kursus Anggota Pihak Berkuaasa Tempatan (PBT)	0.06	0.04	(0.02)	(33.3)
4.	Akaun Amanah Ujian Khas Memasuki Perkhidmatan Awam (SPA)	0.02	0.04	0.02	100
5.	Akaun Amanah Program Latihan Khidmat Negara	0.25	0.32	0.07	28

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

4.6.3 Akaun Deposit

Deposit adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang tertentu atau perjanjian yang dipegang untuk satu jangka masa tertentu. Wang deposit akan dibayar balik setelah maksudnya tercapai atau dijadikan hasil apabila pendeposit tidak dapat dikenal pasti dan tidak dituntut. Deposit Perumahan Awam Kos Rendah mengalami penurunan sejumlah RM0.05 juta pada tahun 2007 menjadikannya berjumlah RM3.34 juta berbanding RM3.39 juta pada tahun 2006 seperti di **Jadual 19**.


Jadual 19
Perbandingan Baki Terkumpul Akaun Deposit
Bagi Tahun 2006 Dan Tahun 2007

Jenis Deposit	Baki Terkumpul				
	Tahun 2003 (RM Juta)	Tahun 2004 (RM Juta)	Tahun 2005 (RM Juta)	Tahun 2006 (RM Juta)	Tahun 2007 (RM Juta)
Deposit Am	65.48	62.71	52.77	54.27	60.11
Deposit Perumahan Awam Kos Rendah	3.62	3.49	3.45	3.39	3.34
Jumlah	69.10	66.20	56.22	57.66	63.45

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

- a) Baki Akaun Deposit bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Carta 6**.

Carta 6
Baki Deposit Bagi Tempoh 5 Tahun



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

Pada akhir tahun 2007, baki akaun deposit berjumlah RM63.45 juta berbanding pada tahun 2006 berjumlah RM57.66 juta iaitu peningkatan sejumlah RM5.79 juta atau 10%. Sebanyak 35 akaun deposit berjumlah RM0.50 juta didapati tidak bergerak. Adalah disyorkan agar pewartaan dibuat setelah dikenal pasti telah melebihi tempoh setahun dan tidak diperlukan lagi serta mengambil tindakan seterusnya untuk dimasukkan ke Akaun Hasil. Deposit Am meningkat sejumlah RM5.84 juta menjadi RM60.11 juta pada tahun 2007 berbanding RM54.27 juta pada tahun 2006. Dua Deposit Perumahan Awam Kos Rendah telah diwujudkan pada tahun 2007.

4.7 PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

Semua penerimaan dan pembayaran wang tunai ditunjukkan dalam Penyata Penerimaan Dan Pembayaran. Penerimaan wang tunai terdiri daripada penerimaan hasil, pinjaman, modal dan penerimaan lain. Bayaran wang tunai terdiri daripada perbelanjaan mengurus, pembangunan, pengeluaran pinjaman dan bayaran lain. Baki wang tunai pada tahun 2007, berjumlah RM75.12 juta iaitu menurun sejumlah RM19.86 juta berbanding RM94.98 juta pada tahun 2006. Kedudukan penerimaan wang tunai dari segi hasil, pinjaman, modal dan amanah bagi tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 20**. Pembayaran wang tunai bagi

perbelanjaan mengurus, pembangunan, lain-lain bayaran amanah pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 21**.

Jadual 20
Kedudukan Penerimaan Wang Tunai Pada Tahun 2006 Dan 2007

Jenis Penerimaan	Penerimaan Wang Tunai		Peningkatan/(Penurunan)	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	Peratus (%)
Baki bawa ke hadapan	9.99	94.98	84.99	850.8
Hasil	488.53	538.76	50.23	10.3
Pinjaman	197.50	110.00	(87.50)	(44.3)
Modal	38.30	40.52	2.22	5.8
Amanah	140.21	229.95	89.74	64.0
Jumlah	874.53	1,014.21	139.68	16.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

Jadual 21
Kedudukan Pembayaran Wang Tunai
Pada Tahun 2006 dan 2007

Jenis Pembayaran	Pembayaran Wang Tunai	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Mengurus	512.11	566.37
Pembangunan	158.86	229.63
Pinjaman	108.58	143.10
Jumlah	779.55	939.10

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

4.8 Penyata Akaun Memorandum menunjukkan baki aset dan tanggungan Kerajaan yang boleh dilupuskan atau perlu dilunaskan pada masa akan datang yang tidak dinyatakan dalam Lembaran Imbangan.

4.8.1 Pinjaman Boleh Dituntut

Penyata Pinjaman Boleh Dituntut menunjukkan baki pinjaman oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri dan Badan-badan Lain telah meningkat sejumlah RM140.65 juta atau 27.6% menjadi RM650.64 juta berbanding baki pinjaman pada tahun 2006 yang berjumlah RM509.99 juta. Punca utama peningkatan ini adalah disebabkan pemberian tambahan pinjaman berperingkat kepada Lembaga Air Perak sejumlah RM143.10 juta yang biayai oleh Akaun Pinjaman Disatukan dan Majlis Daerah Kinta Barat sejumlah RM2.76 juta di biayai oleh Kumpulan Wang Amanah Disatukan. Selain daripada itu Kerajaan Negeri juga mengeluarkan pinjaman baru kepada Majlis Perbandaran Teluk

Intan dan Majlis Daerah Tanjung Malim masing-masing berjumlah RM0.79 juta dan RM0.5 juta.

a) Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan Negeri

Semakan Audit mendapati bayaran balik pinjaman yang perlu dijelaskan oleh Agensi kepada Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2007 termasuk faedah adalah berjumlah RM17.24 juta. Daripada jumlah ini hanya sejumlah RM7.72 juta atau 44.8% bayaran balik pinjaman dijelaskan oleh 6 Agensi. Dua Agensi yang gagal menyelesaikan bayaran balik adalah terdiri daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Yayasan Perak masing-masing berjumlah RM3.05 juta dan RM6.47 juta. Surat peringatan telah dikeluarkan kepada agensi terlibat namun Kerajaan Negeri masih gagal untuk mendapatkan bayaran balik tersebut. Kedudukan bayaran balik pinjaman adalah seperti di **Jadual 22**.

Jadual 22
Kedudukan Bayaran Balik Pinjaman Agensi

Nama Agensi	Bayaran Patut Terima (RM Juta)	Terimaan Sebenar (RM Juta)	Baki Tunggakan Pada 31.12.2007 (RM Juta)
Yayasan Perak	6.47	-	6.47
Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	2.54	2.54	-
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	3.05	-	3.05
Majlis Daerah Perak Tengah	0.13	0.13	-
Majlis Daerah Kinta Selatan	0.71	0.71	-
Majlis Daerah Tanjung Malim	0.10	0.10	-
Majlis Perbandaran Manjung	0.96	0.96	-
Lembaga Air Perak	3.28	3.28	
Jumlah	17.24	7.72	9.52

Sumber : Rekod Pejabat Kewangan Negeri

b) Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan Persekutuan (Pinjaman Boleh Dituntut)

Pada tahun 1999, Kerajaan Negeri menerima pinjaman dari Kerajaan Persekutuan dan telah memberikan pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Perak bagi membiayai Projek Pembangunan Industri Kecil Dan Sederhana dan Projek Pusat Perkhidmatan Automobil Ipoh, masing-masing berjumlah RM5.18 juta dan RM3.98 juta. Pada tahun 2007 Kerajaan Negeri membuat keputusan untuk menjadualkan semula pembayaran hutang Perbadanan di mana tarikh bayaran balik pinjaman tersebut akan bermula pada awal Mac 2009. Butiran hutang berserta faedah yang telah dijelaskan oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan tanpa bayaran balik daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Perak adalah seperti di **Jadual 23**.

Jadual 23
Pinjaman Yang Belum Dijelaskan Oleh Agensi

Jenis Pinjaman	Tahun Pinjaman Diterima	Tahun Tamat Ansuran	Jumlah Pinjaman Yang Belum Dijelaskan Oleh Agensi (RM Juta)
Projek Pembangunan Industri Kecil Dan Sederhana	1998-1999	2004	5.77
Pusat Perkhidmatan Perusahaan Automobil	1999	2001	4.08
Jumlah			9.85

Sumber : Rekod Pejabat Kewangan Negeri Perak

c) Peningkatan Pinjaman Boleh Dituntut

Setiap tahun Kerajaan Negeri memberi pinjaman kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri dan Agensi lain untuk membiayai pelbagai projek. Pinjaman ini meningkat setiap tahun dan kedudukan baki pinjaman bagi tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 24**.

Jadual 24
Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2007

Agensi	Tahun				
	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Pihak Berkuasa Tempatan	17.78	26.59	24.88	25.16	28.24
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	16.63	16.63	16.63	15.35	15.35
Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	11.79	11.49	9.41	7.24	4.99
Yayasan Perak	19.18	18.93	7.83	7.80	7.80
Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	25.10	24.37	14.09	5.00	5.00
Majlis Agama Islam	0.39	-	-	-	-
Lembaga Air Perak	130.46	222.38	341.88	449.43	589.25
Jumlah		221.33	320.39	414.72	509.98
Jumlah		221.33	320.39	414.72	509.98
Jumlah		221.33	320.39	414.72	509.98

Sumber : Rekod Pejabat Kewangan Negeri

4.8.2 Hutang Awam

Kerajaan Negeri dari masa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Pada akhir tahun 2007, baki hutang Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM760.47 juta berbanding RM677.02 juta pada tahun 2006, iaitu meningkat sejumlah RM83.45 juta atau 12.3%. Peningkatan hutang ini adalah disebabkan pinjaman baru daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM48.23 juta dan penerimaan pinjaman secara berperingkat berjumlah RM61.77 juta untuk Projek Bekalan Air. Pada tahun 2007 Kerajaan Negeri telah menjelaskan hutang awam berjumlah RM28.65 juta termasuk faedah mengikut tempoh yang telah ditetapkan dalam jadual bayaran balik pinjaman. Kedudukan hutang awam Kerajaan Negeri adalah seperti di **Jadual 25**.

Jadual 25
Hutang Awam Kerajaan Negeri

Bil.	Jenis Hutang	Tahun		Peningkatan/ (Pengurangan) (RM Juta)
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	
1.	Rancangan Perumahan Awam	52.31	46.02	(6.29)
2.	Rancangan Pembangunan Perusahaan	8.17	7.22	(0.95)
3.	Rancangan Pembinaan Kedai dan Lain	32.94	30.94	(2.00)
4.	Projek Skim Pertapanan Kemudahan	1.91	1.81	(0.10)
5.	Projek Bekalan Air	581.69	674.48	92.79
Jumlah		677.02	760.47	83.45

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

Analisis terhadap penyata hutang awam berakhir 31 Disember 2007 menunjukkan bahawa pinjaman bagi Projek Perumahan Awam Kos Rendah Lenggong Fasa II yang telah ditandatangani pada November 1981 dengan kos pinjaman berjumlah RM0.49 juta telah selesai dibayar ansuran akhirnya pada bulan Mac 2007. Pembayaran telah dibuat mengikut tempoh yang telah ditetapkan dalam jadual bayaran balik.

a) Pinjaman Daripada Kerajaan Persekutuan


Kerajaan Negeri menerima pinjaman setiap tahun daripada Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan Projek Bekalan Air di Negeri Perak. Pada tahun 2007, pinjaman baru yang diterima adalah RM48.23 juta dan pinjaman berperingkat adalah RM61.77 juta dan dimasukkan ke dalam Akaun Pinjaman Disatukan. Baki terkumpul pinjaman untuk keseluruhan projek pembangunan negeri adalah berjumlah RM760.47 juta seperti di **Jadual 26**. Perbandingan baki pinjaman mengikut projek bagi tempoh tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Carta 7**.

Jadual 26
Hutang Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 5 Tahun

Bil.	Jenis Hutang	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Rancangan Perumahan Awam	60.44	61.61	58.56	52.31	46.02
2.	Rancangan Pembangunan Perusahaan	11.66	9.95	9.08	8.17	7.22
3.	Rancangan Pembinaan Kedai dan Lain-lain	41.33	38.31	35.24	32.94	30.94
4.	Projek Skim Pertapakan Kemudahan	2.21	2.11	2.01	1.91	1.81
5.	Projek Bekalan Air	209.75	314.57	387.47	581.69	674.48
Jumlah		325.39	426.55	492.36	677.02	760.47

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

Carta 7
Hutang Kerajaan Negeri Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2007



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

4.8.3 Tunggakan Hasil

Berdasarkan penyata tunggakan hasil yang dikemukakan oleh pemungut hasil, pada tahun 2007, tunggakan hasil bagi 157 pemungut berjumlah RM202.16 juta meningkat sejumlah RM8.54 juta atau 4.4% berbanding tunggakan pada tahun 2006 berjumlah RM193.62 juta. Bagaimanapun, tunggakan terbesar adalah tunggakan cukai tanah berjumlah RM169.25 juta atau 83.7%. Semakan Audit mendapati 10 Pejabat telah menunjukkan peningkatan

tunggakan hasil antara RM0.002 juta hingga RM7.94 juta. Antara sebab peningkatan tunggakan ini adalah keengganan pembayar cukai menjelaskan tunggakan cukai tanah mereka dan kurangnya penguatkuasaan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Butiran tunggakan hasil tahun semasa berbanding tahun lepas adalah seperti di **Jadual 27**.


Jadual 27
Tunggakan Hasil Pada Tahun 2006 Dan 2007

Bil.	Kategori Hasil	Tahun		Lebihan/ (Kurangan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	Peratus (%)
1.	Cukai Tanah	161.18	169.25	8.07	5.0
2.	Ansuran Sewa Beli Rancangan Perumahan Awam	26.67	26.78	0.11	0.4
3.	Hasil-hasil Lain	5.77	6.13	0.36	6.2
	Jumlah	193.62	202.16	8.54	4.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

Analisis trend tunggakan hasil Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun iaitu tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Carta 8**.

Carta 8
Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2007



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perak adalah stabil walaupun mengalami pengurangan tunai dan deposit. Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2007 dengan baki wang awam berjumlah RM765.57 juta menurun sejumrah RM22.44 juta atau 3% berbanding RM788.01 juta pada tahun 2006. Kerajaan Negeri perlu mengekalkan perbelanjaan secara berhemat dan mengurangkan defisit perbelanjaan tanpa menjaskas mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi Negeri. Selain itu, tindakan yang lebih berkesan perlu diambil untuk mengutip tunggakan hasil kerana jumlah tunggakan hasil pada tahun 2007 berjumlah RM202.16 juta meningkat sejumrah RM8.54 juta atau 4.41% berbanding tahun 2006 berjumlah RM193.62 juta. Tindakan lebih tegas perlu diambil bagi menuntut tunggakan pinjaman daripada Yayasan Perak dan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak yang berjumlah RM9.52 juta.

BAHAGIAN III RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

6. KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RANCANGAN MALAYSIA KE SEMBILAN

6.1 Pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9) Negeri Perak untuk tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2006. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Perak. Ia adalah signifikan ke arah menggerakkan Negeri Perak mencapai status negeri maju pada tahun 2015.

6.2 Bagi menjayakan RMK-9 sejumlah siling peruntukan telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM1.31 bilion. Peruntukan ini telah diagihkan kepada 10 Jabatan/Pejabat. Pada tahun 2007 jumlah peruntukan yang diluluskan adalah RM249.91 juta. Dua daripada 10 Jabatan/Pejabat yang menerima peruntukan tertinggi adalah Pejabat Kewangan Negeri bagi menjalankan projek pelbagai berjumlah RM98.85 juta atau 39.6% dan Jabatan Kerja Raya berjumlah RM66 juta atau 26.4%.

6.2.1 Pada akhir tahun 2007 sebanyak 383 projek telah dirancang untuk dilaksanakan oleh 10 Jabatan/Pejabat. Semakan Audit menunjukkan terdapat 5 Jabatan/Pejabat menguruskan 20 dan lebih bilangan projek yang keseluruhan kos projek dianggarkan bernilai RM614.9 juta iaitu Jabatan Kerja Raya, Pejabat Pembangunan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Kerajaan Tempatan dan Perumahan Awam serta Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Pada keseluruhannya sebanyak 308 projek atau 80.4% daripada 383 projek yang diluluskan telah dilaksanakan. Sejumlah RM388.48 juta atau 83% telah dibelanjakan oleh 10 Jabatan/Pejabat setakat Disember 2007 daripada RM468.06 juta peruntukan yang diluluskan. Status pelaksanaan projek adalah seperti di **Jadual 28**.

Jadual 28
Status Pelaksanaan Projek RMK-9

Bil.	Status Projek	Bilangan	Jabatan/ Agensi Terlibat	Peratus (%)
1.	Projek Telah Siap	239	7	62.4
2.	Projek Mendahului Jadual	1	1	0.3
3.	Projek Mengikut Jadual	65	6	17.0
4.	Projek Lewat Dari Jadual	3	1	0.7
5.	Projek Belum Mula	75	4	19.6
Jumlah		383		100

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak

6.2.2 Secara keseluruhannya, kebanyakan Jabatan/Pejabat telah mencapai prestasi perbelanjaan yang baik. Tujuh Jabatan/Pejabat telah mencapai prestasi perbelanjaan melebihi 80% manakala satu Jabatan iaitu Jabatan Kehakiman Syariah membelanjakan RM0.55 juta atau 11% daripada peruntukan yang diluluskan berjumlah RM5 juta. Pada keseluruhannya pencapaian prestasi perbelanjaan adalah berjumlah RM388.48 juta atau 83% dari keseluruhan peruntukan yang diluluskan berjumlah RM468.06 juta. Berikut adalah prestasi perbelanjaan pembangunan di bawah RMK-9 seperti di **Jadual 29**.

Jadual 29
Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMK-9
Sehingga 31 Disember 2007

Bil.	Jabatan	Peruntukan Yang Diluluskan RMK-9 Sehingga Tahun 2007 (RM Juta)	Perbelanjaan Sehingga 31 Disember 2007 (RM Juta)	Peratus Pencapaian (%)
1.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	10.66	10.62	99.6
2.	Jabatan Perhutanan	26.00	25.81	99.3
3.	Perkhidmatan Masyarakat dan Luar Bandar (Pejabat Pembangunan)	61.00	57.89	94.9
4.	Jabatan Kerja Raya	126.00	124.76	99.0
5.	Jabatan Pertanian	14.40	14.20	98.6
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran	17.80	17.16	96.4
7.	Jabatan Agama Islam	11.45	10.42	91.0
8.	Pelbagai Projek (Pejabat Kewangan Negeri)	184.98	120.62	65.2
9.	Kerajaan Tempatan dan Perumahan Awam	10.77	6.45	59.9
10.	Jabatan Kehakiman Syariah	5.00	0.55	11.0
Jumlah		468.06	388.48	83.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak

6.2.3 Sejumlah 308 daripada 383 projek yang dirancang telah berjaya dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut sejumlah 239 projek telah disiapkan sepenuhnya, 69 projek sedang dilaksanakan. Manakala 75 projek masih belum dimulakan lagi kerana terdapat projek tertangguh, masih dalam perancangan dan ketiadaan peruntukan. Berikut adalah prestasi pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2007 seperti di **Jadual 30**.

Jadual 30
Status Pelaksanaan Projek RMK-9 Setakat 31 Disember 2007

Bil.	Maksud Pembangunan	Sedang Dilaksanakan	Dahulu Jadual	Lewat Jadual	Belum Mula	Siap Sebenar	Jumlah
1.	Jabatan Kerja Raya	16	1	3	64	36	120
2.	Perkhidmatan Masyarakat dan Luar Bandar (Pejabat Pembangunan)	10	-	-	-	73	83
3.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	20	-	-	-	-	20
4.	Jabatan Pertanian	10	-	-	-	-	10
5.	Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Awam	-	-	-	-	87	87
6.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	-	-	-	-	14	14
7.	Jabatan Perhutanan	-	-	-	-	27	27
8.	Jabatan Agama Islam	3	-	-	5	1	9
9.	Jabatan Kehakiman Syariah	-	-	-	3	1	4
10.	Pelbagai Projek (Pejabat Kewangan Negeri)	6	-	-	3	-	9
Jumlah		65	1	3	75	239	383

Sumber: Rekod Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak

BAHAGIAN IV
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI NEGERI

7. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

7.1 Seksyen 15(A) Akta Acara Kewangan, 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

7.2 Selaras dengan perkara 106 dan 107 Perlumbagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

7.3 Bagi memenuhi kehendak undang-undang yang tersebut di atas, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri untuk menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Berdasarkan kepada pengauditan tersebut, didapati bahawa masih ada Jabatan/Agensi Negeri yang tidak serius dalam meningkatkan prestasi pengurusan kewangan walaupun telah diberi teguran oleh Jabatan Audit Negara berulang kali. Ini dapat digambarkan daripada kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan setiap tahun yang mana ia adalah berkisar kepada isu-isu yang sama.

7.4 Sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Jabatan/Agensi Negeri agar lebih gigih memperbaiki, mempertingkat dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing pada masa akan datang, Jabatan Audit Negara telah memutuskan untuk melaksanakan sistem penarafan berdasarkan indeks akauntabiliti. Jabatan/Agensi Negeri yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai aras/*role model* kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain.

7.5 Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi 6 aspek kawalan utama diberikan markah. Aspek tersebut ialah kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan deposit serta pengurusan aset, inventori dan stor. Bagi Agensi Negeri kawalan tambahan iaitu terhadap pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan pengurusan penyata kewangan turut dinilai. Secara umumnya,

sesuatu Jabatan/Agenzi Negeri diberi tahap prestasi pengurusan kewangan berdasarkan markah keseluruhan seperti di **Jadual 31**.

Jadual 31
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Markah Keseluruhan	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	
70 - 89	Baik	
50 - 69	Memuaskan	
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	

8. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agenzi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menentukan sama ada:

- a) Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- b) Wujudnya sistem kawalan dalam yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan serta pengurusan akaun amanah, aset dan inventori, pelaburan serta pinjaman.
- c) Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- d) Rekod-rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

9. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

9.1 Pengauditan telah dijalankan di Jabatan Kerja Raya Negeri, Jabatan Agama Islam, Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Kangsar, Pejabat Daerah Dan Tanah Seri Iskandar, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, Kolej Islam Darul Ridzuan, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, Majlis Daerah Gerik dan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak. Bagi tahun 2007, hanya 9 Jabatan/Agenzi Negeri telah diaudit disebabkan oleh kekangan kakitangan.

9.2 Pengauditan telah dijalankan dengan memberi tumpuan terhadap 6 aspek kawalan utama iaitu kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan deposit serta pengurusan aset, inventori dan stor. Bagi Agenzi Negeri kawalan tambahan iaitu terhadap pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan pengurusan penyata kewangan turut diaudit.

9.3 Bagi menilai tahap kawalan yang telah diwujudkan bagi setiap aspek kawalan utama yang tersebut di atas, pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2007 di Jabatan/Agenzi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2006 dan 2007 bagi menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agenzi Negeri secara menyeluruh.

10. PENEMUAN AUDIT

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 4 Jabatan Negeri, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, Kolej Islam Darul Ridzuan, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, Majlis Daerah Gerik dan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut 9 jenis kawalan yang mana berkaitan seperti berikut:

10.1 KAWALAN PENGURUSAN

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanannya jawatankuasa yang diwujudkan dan Unit Audit Dalam serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

a) Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan pematuhan terhadap peraturan seperti berikut atau peraturan yang telah ditetapkan oleh Agensi Negeri.

- i)** Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini seperitimana yang ditetapkan di dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991.
- ii)** Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab juga perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2) Akta Acara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- iii)** Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.

- iv) Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeliling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi membangunkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

b) Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- ii) Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- iii) Pemeriksaan mengejut (sepertimana yang ditetapkan di bawah Arahan Perbendaharaan 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.
- iv) Garis Panduan Pengurusan Kewangan Dan Akaun dan Dokumen Kualiti yang disediakan oleh Agensi Negeri adalah lengkap dan kemas kini.

c) Keberkesanan Jawatankuasa Yang Diwujudkan Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan, garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan jawatankuasa-jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan telah juga mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan pengurus dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

i) Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun agensi-agensi Kerajaan. Sepertimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan seorang Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa dilantik; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

ii) Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 dan Siri 2 No. 1 Tahun 2000, Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) hendaklah ditubuhkan di peringkat Kerajaan/Jabatan/Agensi Negeri bagi tujuan mewujudkan pentadbiran Kerajaan/Jabatan/Agensi Negeri dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta berintegriti. Antara lainnya, Ketua Jabatan hendaklah melantik ahli-ahli jawatankuasa dan mempengerusikan mesyuarat berkenaan; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan; menyediakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap untuk dikemukakan kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

iii) Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004 yang juga diguna pakai oleh Kerajaan Negeri menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri untuk membantu Ketua Jabatan memantapkan prestasi pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD adalah bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada pengurusan atasan/Lembaga Pengarah, melaksanakan kerja pengauditan mengikut perancangan dan laporan dibentangkan di peringkat Jawatankuasa Audit. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan/Agensi adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

d) Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberi kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga dikehendaki memberi pengiktirafan kepada

kakitangannya yang cemerlang dan sebaliknya mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

10.2 KAWALAN BAJET

Bagi menentukan sama ada Kementerian/Jabatan telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan/prestasi bajet dan pelaporan mengenainya seperti berikut:

a) Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Jabatan/Agensi Negeri dikeluarkan melalui Pekeliling Perbendaharaan Negeri Johor Bilangan 2 Tahun 2006 (Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Bajet Tahun 2007 – 2008). Selain itu, Arahan Perbendaharaan 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan; ketepatan anggaran yang disediakan; prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan Negeri serta pematuhan tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

b) Pengagihan Peruntukan

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2007 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

c) Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat dalam tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Perbendaharaan Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diuruskan dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran

yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

d) Pemantauan Kemajuan/Prestasi Bajet

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II/kaedah lain yang diterima pakai; impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

e) Pelaporan

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program Dan Prestasi. Laporan-laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri/Bendahari Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pegawai Kewangan Negeri/Bendahari Negeri/Akauntan Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan-laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

10.3 KAWALAN TERIMAAN

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

a) Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap borang-borang hasil seperti buku resit adalah penting untuk memastikan ia tidak disalahgunakan.

b) Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawainya yang dipertanggungjawabkan dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri bagi penerimaan wang iaitu dari segi

kebenaran/kelulusan menerima wang, ciri-ciri keselamatan semasa menerima kutipan, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

c) Kemasukan Pungutan Ke Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank; kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya; semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

d) Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri; ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai yang diselenggarakan oleh Jabatan Negeri. Bagi Agensi Negeri yang mempunyai Garis Panduan Pengurusan Kewangan Dan Akaun atau Dokumen Kualiti, semakan Audit juga telah dijalankan terhadap pematuhan terhadap peraturan kawalan perakaunan terimaan/hasil yang telah ditetapkan.

e) Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara bagi menyelenggarakan dan melaporkan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 1986 dan beberapa Arahan Perbendaharaan. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini; penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

10.4 KAWALAN PERBELANJAAN

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

a) Perakaunan

Semakan Audit telah dibuat untuk menentukan sejauh mana Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri mengikut peraturan yang ditetapkan di dalam Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan atau peraturan kewangan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri.

b) Pengurusan Perolehan

Setiap tahun, Jabatan/Agenzi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan sejauh mana pengurusan perolehan Jabatan/Agenzi Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit telah dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

c) Pengurusan Bayaran

Semakan Audit telah dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran; kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas; penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil; bayaran pukal serta panjar wang runcit.

10.5 PENGURUSAN KUMPULAN WANG AMANAH/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT

Pengurusan dan kawalan terhadap kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap perkara seperti berikut:

a) Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah

Tatacara pengurusan akaun amanah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 18 Tahun 2001. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah di Jabatan/Agenzi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

b) Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agenzi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut atau peraturan yang telah ditetapkan oleh Agensi Negeri berkaitan:

- i) Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 dan 8 Tahun 1993.
- ii) Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1992.
- iii) Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1993.

- iv) Pendahuluan pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 13 Tahun 1990.

c) Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui Arahan Perbendaharaan 156 hingga 163. Manakala Agensi Negeri yang mempunyai peraturan kewangan dan perakaunan sendiri, pengurusan akaun deposit perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

10.6 PENGURUSAN ASET, INVENTORI DAN STOR

Aset dan inventori yang diperoleh untuk kegunaan pejabat perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran dan penyalahgunaannya. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri berhubung dengan perkara-perkara seperti berikut:

a) Kawalan Umum

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut juga diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal juga hendaklah melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

b) Penerimaan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diperoleh. Antara lainnya, tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum pengesahan penerimaannya. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, sesalinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disahkan dan direkodkan dalam Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disediakan, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat

pembekal. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraannya.

c) Pendaftaran

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan aset perlu daidaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut juga perlu dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan dan nombor siri pendaftaran.

d) Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan-peraturan seperti berikut yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi:

- i) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan aset diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset juga perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.
- ii) Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya satu kali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri di mana berkenaan.
- iii) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang bertanggungjawab meluluskan kegunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api.
- iv) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1996 pula menetapkan penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.

- v) Selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 6 Tahun 1999, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.
- vi) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1999 menetapkan kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

e) Penyenggaraan Aset

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini; jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang; penyenggaraan direkod dengan betul dan lengkap; program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 adalah berkaitan.
- ii) Kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual manakala kos penyenggaraan dan pemberian perlu direkod dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

f) Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan di tandatangan. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- ii) Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrikal dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset itu disahkan oleh 2 pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.

- iii) Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan ia dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disedia dan dikemukakan kepada pihak yang meluluskannya. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

g) Kehilangan Dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat menyedia Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- ii) Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh lantikan jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Laporan Awal dihantar.

10.7 PENGURUSAN PELABURAN

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi satu tempoh untuk memperoleh kadar pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi Negeri. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

10.8 PENGURUSAN PINJAMAN

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam,

penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.


10.9 PENYATA KEWANGAN

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2007 menghendaki Agensi Negeri mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 April setiap tahun. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak juga mengarahkan supaya Penyata Kewangan Tahunan Agensi Negeri dan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak disediakan dan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam sebelum 30 April mulai Penyata Kewangan tahun 2007. Ini membolehkan penyata kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di semua Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai prestasi Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.

11. TAHP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan mendapati prestasi pengurusan kewangan di Jabatan Kerja Raya Negeri, Jabatan Agama Islam, Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Kangsar, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dan Majlis Daerah Gerik adalah pada tahap baik dengan diberi penarafan 3 bintang manakala Pejabat Daerah Dan Tanah Seri Iskandar, Kolej Islam Darul Ridzuan dan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak mencapai tahap memuaskan dengan diberi penarafan 2 bintang. Tahap prestasi pengurusan kewangan keseluruhan Jabatan/Agenzi Negeri yang diaudit adalah seperti di **Carta 9**.

Carta 9
Tahap Prestasi Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan
Jabatan/Agensi Negeri Bagi Tahun 2007



12. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara umumnya, prestasi pengurusan kewangan di 6 Jabatan/Agensi Negeri pada tahap baik. Manakala 3 Jabatan/Agensi Negeri mencapai tahap memuaskan. Prestasi Jabatan/Agensi yang tidak dapat mencapai tahap sangat baik atau cemerlang masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, bahkan juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, pertimbangan perlu diberi kepada perkara-perkara berikut:

- Di peringkat Jabatan/Agensi Negeri, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) antara lainnya telah dipertanggungjawabkan untuk membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit. Bagaimanapun, didapati JPKA tidak berupaya untuk membincangkan isu-isu tersebut secara mendalam dan lebih fokus kerana Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004 telah menetapkan pelbagai perkara yang perlu dibincangkan oleh jawatankuasa ini.
- Pegawai Pengawal hendaklah memastikan jawatankuasa-jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan dengan mematuhi Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan yang dikeluarkan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991.

- c) Memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan adalah terhad kepada beberapa pusat tanggungjawab (PTJ) sahaja, Pegawai Kewangan Negeri disarankan supaya mengarahkan atau bekerjasama dengan Unit Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri menjalankan pengauditan di Jabatan/Agensi Negeri lain atau Pegawai Pengawal patut mengarahkan Unit Audit Dalamnya menjalankan pengauditan di PTJ-PTJ yang lain untuk memastikan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di pejabat berkenaan. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Unit Audit Dalam bekerjasama dengan Jabatan Audit Negara untuk melaksanakan pengauditan bagi tujuan memberi penarafan kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri yang berkenaan.
- d) Pegawai Pengawal perlu memastikan UAD berfungsi dengan lebih cekap dan berkesan. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan Unit Audit Dalamnya mempunyai kakitangan yang mencukupi dari segi bilangan, gred dan kepakaran. UAD hendaklah diberi kebebasan untuk melaksanakan pengauditan dan melaporkan penemuannya. Setiap proses kerja pengauditan mesti mempunyai mekanisme yang boleh menjamin kualiti dan integritinya.
- e) Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands on* dalam urusan tersebut.
- f) Tindakan surcaj dikenakan terhadap mereka yang gagal memungut hasil/ membuat bayaran tidak teratur. Surcaj juga patut diambil terhadap Ketua Jabatan/Bahagian yang gagal mengambil tindakan terhadap pegawai bawahan yang gagal melaksanakan tanggungjawab mereka.

BAHAGIAN V
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI KERAJAAN / AGENSI NEGERI

PERBADANAN PEMBANGUNAN PERTANIAN NEGERI PERAK

SYARIKAT LADANG LEKIR SDN. BHD.

13. PENDAHULUAN

13.1 Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, pengauditan terhadap syarikat berkenaan hanya boleh dijalankan setelah mendapat perintah daripada Yang di-Pertuan Agong. Sehubungan itu, Yang di-Pertuan Agong telah mengeluarkan perintah kepada Ketua Audit Negara pada 29 Januari 2004 supaya menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat berkenaan.

13.2 Warta Kerajaan Seri Paduka Baginda Jilid 48 No.3 yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sebuah syarikat milikan penuh Kerajaan Negeri Perak dan 22 buah syarikat yang dimiliki oleh 3 Agensi Kerajaan Negeri Perak. Pada tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah memilih untuk mengaudit Syarikat Ladang Lekir Sdn. Bhd. iaitu syarikat yang dimiliki oleh Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak.


14. LATAR BELAKANG

14.1 Syarikat Ladang Lekir Sdn. Bhd. (LLSB) adalah salah satu subsidiari milik penuh Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perbadanan) ditubuhkan sebagai Syarikat Sendirian Berhad pada 20 Ogos 1976 di bawah Akta Syarikat 1965. Sehingga akhir tahun 2007, LLSB mempunyai modal dibenarkan berjumlah RM25 juta dan modal berbayar berjumlah RM22 juta.

14.2 Syarikat LLSB adalah terdiri daripada 2 buah ladang kelapa sawit yang diurus dan dimiliki sepenuhnya iaitu Ladang Gelong Gajah dan Ladang Sungai Selinsing. LLSB juga memiliki 2 buah syarikat subsidiari milik penuh iaitu Dinding Oil Palm Industries Sdn. Bhd. dan Lawan Kuda Tropical Fish Industry Sdn. Bhd. Selain itu, LLSB turut membuat pelaburan dalam sebuah syarikat yang berdaftar di Indonesia iaitu PT Pinang Witmas Sejati melalui pegangan saham berjumlah 60%. Selain Syarikat Lawan Kuda Tropical Fish Industry yang menjalankan aktiviti penternakan ikan hiasan, Kumpulan LLSB menumpukan

kepada aktiviti perladangan kelapa sawit. Struktur Korporat Syarikat LLSB adalah seperti di **Carta 10**.

Carta 10
Struktur Korporat Syarikat Ladang Lekir Sdn. Bhd.



Sumber: Rekod Ladang Lekir Sdn. Bhd.

15. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada Syarikat Ladang Lekir Sdn. Bhd. telah diurus dengan teratur serta selaras dengan objektif penubuhannya.

16. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

16.1 SKOP

Skop pengauditan meliputi aspek latar belakang syarikat, pengurusan organisasi, jawatankuasa yang ditubuhkan, sistem dan prosedur dan pengurusan kewangan serta operasi/aktiviti syarikat bagi tahun 2005 hingga 2007. Manakala analisis kewangan adalah berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2004 hingga 2007.

16.2 KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan meneliti Memorandum & Artikel (M&A) Syarikat, Akta Syarikat 1965, Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Buruh 1955, standard yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB), minit mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah (ALP), fail kesetiausahaan, rekod serta dokumen yang berkaitan dengan pengurusan LLSB. Selain itu, temu bual dan perbincangan juga diadakan dengan pegawai LLSB yang terlibat serta lawatan ke ladang-ladang milik LLSB termasuk ladang PT. Pinang Witmas Sejati di Palembang, Sumatera Selatan, Indonesia.

17. PENEMUAN

17.1 TADBIR URUS KORPORAT

Tadbir Urus Korporat adalah merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Tadbir Urus Korporat merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat dan pengurusan risiko. Tadbir Urus Korporat yang baik akan dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab.

17.1.1 Dasar LLSB

LLSB ditubuhkan sebagai sebuah Syarikat Subsidiari Perbadanan pada tahun 1976 dengan tujuan menjadi penggerak utama pertumbuhan industri pertanian Negeri Perak terutamanya dalam bidang perladangan kelapa sawit dan pemprosesan minyak sawit. Selain itu, LLSB juga berperanan menceburi bidang perniagaan secara usaha sama dengan mana-mana syarikat atau individu yang berminat untuk menyertai dan memajukan bidang perladangan. Bagaimanapun, LLSB sebagai syarikat milik penuh Perbadanan perlu memiliki ekuiti yang melebihi 50% bagi tujuan menjamin keputusan yang dibuat dalam menjalankan urusan syarikat adalah selaras dengan Dasar Kerajaan serta memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara.

Selain terlibat dalam aktiviti perladangan kelapa sawit, LLSB telah menyertai ekuiti dalam Syarikat Dinding Oil Palm Industries Sdn. Bhd. pada tahun 1995 bagi merealisasikan usaha pemilikan kilang minyak kelapa sawit. LLSB juga seterusnya telah mempelbagaikan aktivitinya dengan membuat pelaburan dalam bidang penternakan ikan hiasan secara komersial melalui Syarikat Lawan Kuda Tropical Fish Industry Sdn. Bhd. Pada tahun 1995, LLSB telah membuat satu pelaburan secara usaha sama di Indonesia dalam bidang perladangan kelapa sawit melalui Syarikat PT. Pinang Witmas Sejati.

Pada pendapat Audit, perjalanan Syarikat adalah selaras dengan dasar yang telah ditetapkan.

17.1.2 Undang - Undang Dan Peraturan

Undang-Undang dan peraturan adalah merujuk kepada garis panduan dan prosedur kerja yang diwujudkan oleh Syarikat. Garis panduan dan prosedur kerja merupakan dokumen utama menerangkan secara lengkap setiap operasi yang dijalankan oleh syarikat. Ianya bertujuan menyeragamkan urusan dan operasi harian sebuah syarikat serta dijadikan asas rujukan pegawaiannya. Garis panduan yang lengkap akan menjelaskan proses kerja, peraturan, pegawai yang bertanggungjawab dan hubungan kerja antara pegawai.

Semakan Audit terhadap garis panduan dan prosedur kerja yang disediakan mendapati LLSB telah menerima pakai 5 garis panduan yang terdiri daripada Prosedur Kewangan,

Garis Panduan Sebut Harga dan Tender, Polisi Ladang Teknikal, Polisi Ladang Non-Teknikal dan Standard Perkhidmatan Kakitangan. Semakan terhadap garis panduan dan prosedur yang disediakan mendapati perkara seperti berikut:

a) Prosedur Kewangan

Prosedur Kewangan LLSB disediakan sebagai panduan terhadap pengurusan kewangan di mana ianya merangkumi perkara seperti bajet, harta tetap, laporan pemeriksaan, pelupusan dan pemindahan harta tetap, panjar wang runcit, pengendalian stor dan stok, proses belian, proses jualan, hasil serta bayaran. Ianya mula berkuat kuasa pada 16 Ogos 2002. Bagaimanapun, perkara berkaitan penyediaan penyata kewangan tahunan tidak dinyatakan dalam prosedur ini.

b) Polisi Ladang Teknikal

Polisi Ladang Teknikal mula diguna pakai oleh LLSB pada 22 Februari 2000. Ia merupakan panduan operasi pengendalian ladang. Polisi tersebut merangkumi perkara seperti pembukaan kawasan, proses penanaman semula, penyediaan benih di tapak semaian, penyenggaraan kawasan, kawalan terhadap perosak tanaman, penyakit tanaman dan penuaian buah tandan segar. Semakan Audit mendapati polisi tersebut disediakan oleh Perbadanan dan telah mengikut spesifikasi piawaian *Palm Oil Registration And Licensing Authority (PORLA)*, Lembaga Racun Makhluk Perosak serta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia.

c) Polisi Ladang Non-Teknikal

LLSB menerima pakai Polisi Ladang Non -Teknikal yang disediakan oleh Perbadanan bagi tujuan operasi ladang yang bukan teknikal seperti pengendalian harta tetap, laporan pemeriksaan, penyerahan tugas, wang panjar runcit, stor dan stok, belian, jualan, bayaran, kutipan, tanggungjawab pengurus/pegawai penjaga/konduktor dan penyelia, rekod dan laporan, sebut harga/tender serta cagaran keselamatan. Ianya telah mula berkuat kuasa pada 22 Februari 2000. Semakan Audit mendapati garis panduan yang disediakan oleh Perbadanan terhadap proses belian, jualan, bayaran dan kutipan telah mengambil kira ciri-ciri kawalan dalaman. Namun, garis panduan ini perlu di beri penambahbaikan bagi menjelaskan peranan, pemberian autoriti, pengagihan dan pengasingan tugas secara jelas yang merujuk kepada struktur organisasi ladang LLSB.

d) Standard Perkhidmatan Kakitangan

LLSB telah menerima pakai Standard Perkhidmatan Eksekutif dan Kakitangan (*Executives' and Staff Standard Terms Of Services For Perak SADC Group Of Companies*) sebagai garis panduan yang meliputi perkara berkaitan pelantikan, terma perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh LLSB kepada kakitangannya. Standard perkhidmatan ini telah disemak semula dan mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2006. Semakan Audit mendapati garis panduan yang

disediakan oleh LLSB telah mengambil kira aspek gaji dan kenaikan, cuti, faedah perubatan, elaun dan bonus, penamatan perkhidmatan serta etika kerja.

Pada pendapat Audit, garis panduan/prosedur kerja yang disediakan oleh LLSB adalah memuaskan. Bagaimanapun, garis panduan dan prosedur kerja yang disediakan perlu dikaji semula dari masa ke semasa bagi penambahbaikan serta memastikan ianya kekal relevan.

17.1.3 Kawalan Pengurusan Syarikat

Perancangan adalah penting dalam memastikan pengurusan syarikat LLSB dapat dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya. Semakan Audit terhadap kawalan pengurusan syarikat mendapati perkara berikut:

a) Struktur Organisasi

Sehingga 31 Disember 2007, Syarikat LLSB mempunyai sejumlah 2,131 kakitangan yang terdiri daripada 294 orang pegawai dan kakitangan sokongan manakala bakinya seramai 1,837 orang adalah pekerja ladang. Bilangan kakitangan mengikut ladang dan syarikat subsidiari adalah seperti di **Jadual 32**.


Jadual 32
Kedudukan Kakitangan Mengikut Ladang Dan Syarikat

Bil.	Kumpulan LLSB	Bilangan Kakitangan
1.	Ibu Pejabat LLSB	8
2.	Ladang Gelong Gajah	97
3.	Ladang Sungai Selinsing	96
4.	Dinding Oil Palm Industries Sdn. Bhd.	0
5.	Lawan Kuda Tropical Fish Industry Sdn. Bhd.	0
6.	PT Pinang Witmas Sejati	1,930
Jumlah		2,131

Sumber: Rekod Ladang Lekir Sdn. Bhd.

Struktur Organisasi Syarikat LLSB terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian Akaun, Bahagian Pentadbiran/Kontrak dan Bahagian Perladangan. Pengurusan LLSB dikawal oleh Lembaga Pengarah yang bertanggungjawab terus kepada Lembaga Pengarah Perbadanan. Pengurusan LLSB diketuai oleh seorang Penggerusi dan dibantu oleh 2 orang pengurus iaitu Pengurus Pentadbiran dan Projek dan Pengurus Akaun. Carta Organisasi LLSB adalah seperti di **Carta 11**.

Carta 11
Struktur Organisasi Syarikat Ladang Lekir Sdn. Bhd.



Sumber: Rekod Ladang Lekir Sdn. Bhd.

i) Bahagian Pentadbiran Dan Kontrak

Bahagian ini diketuai oleh seorang Pengurus Pentadbiran dan Projek serta dibantu oleh seorang Ketua Kerani, seorang Kerani Am dan seorang Pemandu. Bahagian ini bertanggungjawab terhadap pengurusan Sumber Manusia di Ibu Pejabat dan 2 ladang LLSB iaitu Ladang Sungai Selinsing dan Ladang Gelong Gajah serta semua urusan tawaran kerja kontrak di 2 ladang tersebut.

ii) Bahagian Akaun

Bahagian Akaun diketuai oleh seorang Pengurus Akaun dan dibantu oleh 3 orang Kerani Akaun yang bertanggungjawab ke atas semua hal berkaitan kewangan seperti hasil, pendapatan, urusan pembayaran serta penyediaan akaun tahunan.

iii) Bahagian Perladangan

Bahagian ini diketuai oleh seorang Pengurus Pentadbiran dan Projek serta dibantu oleh 2 orang pengurus ladang.

- **Struktur Organisasi Ladang Sungai Selinsing**

Struktur organisasi di Ladang Sungai Selinsing dikawal oleh seorang Pengurus Ladang dan dibantu oleh 2 orang Penyelia Ladang dan 2 orang Kerani Am. Penyelia ladang ditugaskan untuk menyelia mandur, pemandu, pekerja harian termasuk buruh Indonesia. Ladang Sungai Selinsing mempunyai 31 orang buruh Indonesia.

- **Struktur Organisasi Ladang Gelong Gajah**

Struktur organisasi di Ladang Gelong Gajah dikawal oleh seorang Pengurus Ladang. Pengurusan ladang dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Ladang. Bahagian Pentadbiran mempunyai 3 orang kerani yang menjaga kewangan, stor dan pentadbiran. Bahagian Ladang mempunyai 2 orang penyelia yang ditugaskan untuk menjaga kerja penyenggaraan dan penuaian. Selain itu, bahagian ladang juga dibantu oleh

2 orang pemandu traktor, 4 orang mandur dan pekerja harian termasuk buruh Indonesia.

Semakan Audit mendapati tidak terdapat perubahan pada struktur organisasi LLSB bagi tempoh 2005 hingga 2007. Struktur organisasi LLSB memberikan kuasa kepada pengurus bahagian untuk mendapat akses kepada Pengurusan LLSB bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas dengan lebih berkesan.

Pada pandangan Audit, struktur organisasi syarikat LLSB adalah baik.

b) Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah merupakan badan eksekutif tertinggi dalam organisasi Syarikat untuk melaksanakan tanggungjawab melalui kuasa yang diperuntukkan oleh Memorandum & Artikel (M&A) dan Akta Syarikat 1965. Artikel 112 hingga 113, M&A memperuntukkan kuasa Lembaga Pengarah untuk menguruskan Syarikat dari segi pentadbiran, kewangan, operasi, pemasaran dan undang-undang syarikat. Di samping itu, Lembaga Pengarah LLSB juga bertanggungjawab kepada Perbadanan sebagai Syarikat induk dari segi pelaporan aktiviti dan prestasi kewangan serta melaksanakan arahan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pengurusan atasan Perbadanan. Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara menyeluruh terhadap tadbir urus korporat, arah tuju syarikat serta pengawalan LLSB.

i) Peranan Ahli Lembaga Pengarah

Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Semakan 2007) menggariskan peranan, tanggungjawab serta keahlian lembaga pengarah bagi memastikan setiap ahli lembaga pengarah mempunyai profesionalisme, integriti, kepakaran dan pengalaman dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Antara peranan utama yang dinyatakan adalah seperti berikut:

- Mengkaji dan menyediakan Pelan Rancangan Strategik dan Korporat
- Mengawasi dan menilai perjalanan Syarikat bagi memastikan ia diurus dengan sempurna
- Mengenal pasti risiko dan tindakan terhadap pengurusan risiko
- Menyediakan pelan peralihan tugas termasuk pelantikan kakitangan, skim gaji, imbuhan, bayaran bonus serta pelantikan dan penamatan pegawai kanan
- Menyedia dan mengkaji polisi pelaburan
- Menilai integriti sistem kawalan dalam termasuk penerimaan dan pematuhan terhadap peraturan, pekeliling dan garis panduan yang digunakan.

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1985, telah memberikan satu garis panduan mengenai pelantikan dan peranan pegawai Kerajaan sebagai pengerusi, ketua

eksekutif dan ahli lembaga pengarah perbadanan awam, syarikat Kerajaan dan syarikat kepentingan Kerajaan.

Selain itu, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 berkaitan Arahan-arahan Bagi Meningkatkan Kualiti Perancangan dan Kawalan Ke Atas Pengurusan Syarikat-syarikat Kerajaan juga menjelaskan kawalan-kawalan yang perlu dilaksanakan oleh Lembaga Pengarah seperti berikut:

- Menentukan dengan jelas perkara yang perlu dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk mendapatkan kelulusan berbanding perkara yang hanya perlu dibentangkan untuk makluman sahaja.
- Membuat penilaian yang mendalam terhadap analisis mengenai laporan prestasi kewangan sekurang-kurangnya 4 kali setahun.
- Menentukan dasar dan operasi yang munasabah selaras dengan penubuhannya.

Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah LLSB telah menjalankan tugas-tugas dan peranannya seperti yang ditetapkan. Bagaimanapun, LLSB tidak menyediakan secara bertulis peranan dan tanggungjawab ahli Lembaga Pengarah dengan jelas.

ii) Keahlian Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah LLSB dianggotai oleh 5 orang ahli yang terdiri daripada Pengarah Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif. Dua daripadanya merupakan pengarah eksekutif iaitu Pemangku Pengurus Besar Perbadanan sebagai Pengerusi dan seorang pengurus kanan anak syarikat Perbadanan. Manakala tiga daripadanya adalah pengarah bukan eksekutif yang terdiri daripada wakil Kerajaan Negeri iaitu Y. B. Dato Haji Hamdi B. Haji Abu Bakar, Y.B. Dato' Hasbullah B. Osman dan Y.B. Datuk Ahamad B. Pakeh Adam. Keahlian Lembaga Pengarah LLSB adalah seperti di **Jadual 33**.

Jadual 33
Senarai Ahli Lembaga Pengarah

Bil.	Nama	Jawatan Dalam Kerajaan	Jawatan
1.	Y. Bhg Dato' Haji Mohd Niza B. Mohd Ghazali	Pengurus Besar Perbadanan Pertanian Negeri Perak (Bersara pada 01.09.2006)	Pengerusi
2.	Tuan Haji Nor Asri B. Abdullah	Pemangku Pengurus Besar Perbadanan Pertanian Negeri Perak (Dilantik pada 01.09.2006)	Pengerusi
3.	Y. B. Dato Haji Hamdi B. Haji Abu Bakar	Wakil Rakyat	Pengarah
4.	Y.B. Dato' Hasbullah B. Osman	Wakil Rakyat	Pengarah
5.	Y.B. Datuk Ahamad B. Pakeh Adam	Wakil Rakyat	Pengarah
6.	En. Haris B. Abu Kasim.	Pengurus	Pengarah

Sumber: Rekod Ladang Lekir Sdn. Bhd.

Semakan Audit mendapati pihak LLSB telah mematuhi garis panduan mengenai pelantikan pegawai awam dalam Syarikat Kerajaan.

iii) Mesyuarat Lembaga Pengarah

Sepanjang tahun 2005 hingga 2007, Lembaga Pengarah LLSB telah bermesyuarat sebanyak 6 kali dan kehadiran ahli lembaga pengarah bagi mesyuarat yang diadakan adalah seperti di **Jadual 34**.

Jadual 34

Kehadiran Ahli Lembaga Pengarah Bagi Tempoh 2005 Hingga 2007

Bil.	Pengarah	Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah		
		2005	2006	2007
1.	Y. Bhg Dato' Haji Mohd Niza B. Mohd Ghazali	2/2	1/1	-
2.	Tuan Haji Nor Asri B. Abdullah	2/2	2/2	2/2
3.	Y. B. Dato Haji Hamdi B. Haji Abu Bakar	1/2	0/2	1/2
4.	Y.B. Dato' Hasbullah B. Osman	2/2	2/2	2/2
5.	Y.B. Datuk Ahamad B. Pakeh Adam	2/2	2/2	2/2
6.	En. Haris B. Abu Kasim (Dilantik pada 1 September 2006)	-	1/1	2/2

Sumber: Rekod Ladang Lekir Sdn. Bhd.

Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat adalah seperti berikut:

- Prestasi kewangan Syarikat LLSB yang terdiri daripada Ladang Gelong Gajah, Ladang Sungai Selinsing, Gopeng Fishing Resort, Lawan Kuda Tropical Fish Industri dan PT Pinang Witmas Sejati
- Cadangan anggaran belanjawan dan kelulusan belanjawan tahunan
- Pemberian ganjaran, manfaat dan penambahbaikan kepada Skim Perkhidmatan Eksekutif dan Kakitangan LLSB
- Pelantikan Ahli Jawatankuasa Tender dan Tatatertib Syarikat
- Pelantikan Pengerusi dan Jawatankuasa, Juruaudit dan Setiausaha Syarikat
- Kuasa menandatangani cek dan dokumen kewangan LLSB
- Menetapkan kadar bayaran elau Pengarah
- Membuat keputusan berkaitan pelaburan syarikat

Semakan Audit terhadap minit mesyuarat mendapati Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah telah dilaksanakan dengan berkesan. Ini dapat dilihat melalui agenda yang dibincangkan dan kesinambungan perkara yang dibangkitkan serta tindakan susulan yang diambil. Semua perkara yang dibincangkan adalah berkaitan dengan kepentingan dan objektif penubuhan Syarikat.

iv) Mesyuarat Agung Tahunan (AGM)

Selain itu, mengikut Seksyen 143, Akta Syarikat 1965, Syarikat hendaklah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan setiap tahun dan tidak lebih daripada 15

bulan selepas mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan yang lepas. Subseksyen 143 (2) selanjutnya menyatakan bahawa permohonan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan boleh dibuat oleh Syarikat. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Agung Tahun 2005 telah diadakan pada 30 Jun 2005 dan bagi tahun 2006 mesyuarat telah diadakan pada 30 Disember 2006. Manakala bagi tahun 2007 Mesyuarat Agung Tahunan telah diadakan pada 30 September 2007.

v) Manfaat Yang Diterima Oleh Lembaga Pengarah

Mengikut Seksyen 98 Memorandum & Artikel LLSB, Ahli Lembaga Pengarah boleh menerima elaun berdasarkan jumlah yang dipersetujui dalam mesyuarat. Elaun yang dibayar kepada Pengarah terdiri daripada imbuhan tahunan dan elaun kehadiran mesyuarat. Jumlah ganjaran yang dibayar kepada Ahli Lembaga Pengarah bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 35**.

Jadual 35
Elaun Ahli Lembaga Pengarah

Bil.	Perkara	2005 (RM)	2006 (RM)	2007 (RM)
1.	Elaun Kepada Pengarah	4,993	1,000	1,100
2.	Imbuhan Lembaga Pengarah	65,917	169,000	117,000
Jumlah		70,910	170,000	118,000

Sumber: Rekod Ladang Lekir Sdn. Bhd.

Pada pendapat Audit, elaun yang diterima oleh Ahli Lembaga Pengarah adalah baik dan berdasarkan kelulusan yang telah dibuat dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah.

c) Pengerusi

Pengerusi memainkan peranan penting bagi pengendalian sesebuah Syarikat. Tugas Pengerusi bukan sahaja menentukan operasi Syarikat berjalan dengan baik malah menentukan objektif Syarikat tercapai. Pengerusi bertanggungjawab memastikan urusan pentadbiran Syarikat termasuk penerapan polisi dan keputusan Lembaga Pengarah dilaksanakan dengan cekap. Semakan Audit mendapati pengurusan LLSB diketuai oleh Pengerusi Lembaga Pengarah LLSB iaitu Tuan Haji Nor Asri B. Abdullah yang bertanggungjawab terus kepada Lembaga Pengarah Perbadanan. Beliau merupakan graduan Universiti Pertanian Malaysia dalam bidang Sains Pertanian. Dilantik sebagai Pegawai Pertanian Gred G3 di Perbadanan pada tahun 1993. Berkuat kuasa pada 1 September 2006, beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Pemangku Pengurus Besar Perbadanan dan sekali gus menjawat jawatan Pengerusi Lembaga Pengarah LLSB.

d) Setiausaha Syarikat

Selaras dengan kehendak Seksyen 139(1), 139A dan 139B, Akta Syarikat 1965 yang menetapkan setiap Syarikat hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya satu Setiausaha yang terdiri daripada ahli badan Profesional yang berlesen dan perlu

dinamakan dalam memorandum atau artikel syarikat. Antara peranan yang ditetapkan untuk Setiausaha Syarikat adalah seperti berikut:

- i) Mengendalikan dan menyelaras Mesyuarat Agong, Lembaga Pengarah dan Pengurusan.
- ii) Menyediakan notis, agenda mesyuarat, mencatat minit dan resolusi pekeliling
- iii) Mematuhi garis panduan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Badan Berkanun berkaitan.
- iv) Menasihati Lembaga Pengarah berhubung Akta Undang-undang Syarikat serta hal perundangan yang berkaitan.
- v) Menyimpan fail, minit mesyuarat, laporan dan dokumen perundangan dan dokumen lain yang berkaitan secara teratur serta menjaga kerahsiaannya.

Semakan Audit mendapati, LLSB telah melantik NZ Management Services Sdn. Bhd. pada 20 Jun 2005 sebagai Setiausaha Syarikat sehingga kini. Tugas dan tanggungjawab yang dilakukan oleh Setiausaha Syarikat yang dilantik telah dilaksanakan dengan sempurna seperti yang ditetapkan. Selain itu, didapati segala rekod Syarikat telah disimpan dengan baik dan kemas kini.

Pada pendapat Audit, pelantikan Setiausaha Syarikat adalah baik dan selaras dengan kehendak Seksyen 139A, Akta Syarikat.

e) Jawatankuasa Lain Yang Diwujudkan

Bagi memantapkan sistem kawalan dalaman Syarikat yang meliputi kawalan kewangan, kawalan operasi, pengurusan risiko serta pematuhan terhadap sistem kawalan dalaman yang dirangka, beberapa jawatankuasa lain juga ditubuhkan. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

i) Jawatankuasa Pelaburan

Jawatankuasa Pelaburan membantu Lembaga Pengarah mengawasi polisi serta menasihati Lembaga Pengarah berkaitan keputusan pelaburan Syarikat. Anggota bagi Jawatankuasa ini mestilah terdiri daripada individu yang berkemahiran, berpengalaman dan berpengetahuan luas di bidang pelaburan Syarikat.

Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Pelaburan LLSB telah ditubuhkan pada 1 Jun 2007 setelah keputusan dibuat melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1 Tahun 2007 yang telah diadakan pada 31 Mei 2007. Ahli bagi jawatankuasa ini terdiri daripada tiga orang Ahli Lembaga Pengarah serta seorang Pengurus Kewangan LLSB. Antara peranan yang ditetapkan bagi Jawatankuasa ini adalah untuk memberikan cadangan berkaitan pelaburan baru syarikat, jual beli saham yang di senaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur dan mempelbagaikan aktiviti syarikat.

Semakan Audit selanjutnya mendapati sehingga ke tarikh pengauditan selesai Jawatankuasa ini masih belum mengadakan mesyuarat.

ii) Jawatankuasa Tatatertib Syarikat

Jawatankuasa Tatatertib berperanan membantu Ahli Lembaga Pengarah melaksanakan siasatan dalaman dan menangani masalah disiplin di kalangan pegawai dan kakitangan LLSB sebelum sesuatu tindakan dan hukuman tatatertib termasuk surcaj dikenakan. Semakan Audit mendapati, Jawatankuasa Tatatertib Syarikat LLSB telah ditubuhkan melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 2 Tahun 2006 yang telah diadakan pada 6 Disember 2006. Semakan Audit juga mendapati tiada kes tatatertib atau surcaj dikenakan ke atas mana-mana pegawai LLSB.

iii) Jawatankuasa Tawaran Dan Urus Setia Temu Duga Tender

Semakan Audit mendapati penubuhan Jawatankuasa Tender Syarikat LLSB adalah melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 2 Tahun 2006 yang telah diadakan pada 6 Disember 2006. Tiga orang Ahli Lembaga Pengarah LLSB dan dua orang pegawai LLSB sebagai urus setia telah dilantik untuk menganggotai Jawatankuasa Tender. Jawatankuasa ini berperanan menguruskan urusan tender bagi semua perolehan ladang milik LLSB dan syarikat subsidiari seperti kontrak kerja mengutip biji lerai dan pembelian racun serangga.

iv) Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menjelaskan berkaitan garis panduan mengenai penubuhan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan bagi Syarikat Induk dan Subsidiari di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Antara objektif penubuhan Jawatankuasa Audit ini adalah untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan ke atas pengurusan Syarikat Induk dan semua lapisan Syarikat Subsidiari dan Syarikat Bersekutu serta memainkan peranan sebagai mekanisme penyemakan dan pengimbangan (*check and balance*) terhadap pengurusan.

Semakan Audit mendapati LLSB tidak menuahkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan. Penubuhan Jawatankuasa Audit LLSB adalah perlu bagi membantu Lembaga Pengarah Syarikat Induk mengawasi dasar dan sistem perakaunan, kawalan dalaman, laporan kewangan serta menentukan sumber kewangan syarikat Kerajaan diuruskan dengan seberapa cekap dan efektif untuk memenuhi objektif korporat. Keahlian bagi Jawatankuasa Audit hendaklah terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif Syarikat dan orang luar iaitu bukan pengarah dan bukan dari Pengurusan Syarikat Induk atau mana-mana Syarikat Subsidiari dan Bersekutu. Ahli-ahli daripada Pengurusan tidak boleh menjadi Ahli Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan ini. Selain itu,

setiausaha bagi jawatankuasa ini ialah pengurus atau pegawai audit dalaman syarikat induk. Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga bulan.

Adalah disyorkan supaya Ahli Lembaga Pengarah LLSB mengkaji semula kepentingan penubuhan dan fungsi Jawatankuasa Audit ini berpandukan kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993. Kegagalan menubuhkan Jawatankuasa ini boleh mengakibatkan pemantauan terhadap pengurusan sumber kewangan syarikat berkepentingan Kerajaan menjadi kurang berkesan. Penubuhan Jawatankuasa ini adalah perlu bagi memastikan perjalanan syarikat diuruskan dengan cekap dan efektif bagi memenuhi objektif korporat.

Pada pendapat Audit, Syarikat LLSB gagal mematuhi peraturan penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan.

Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan syarikat LLSB adalah memuaskan.

17.1.4 Pengurusan Risiko

Setiap aktiviti perniagaan terdedah kepada pelbagai risiko kewangan dan pengurusan termasuk risiko kredit, kadar faedah, pasaran, kecairan dan aliran tunai. Objektif pengurusan risiko adalah untuk mengenal pasti, mengimbangi dan mengawal risiko yang terdedah kepadanya. Justeru, kaedah atau tindakan dapat dikenal pasti bagi meminimumkan atau mengelak kerugian kesan daripada risiko tersebut serta meningkatkan pulangan. Sehubungan itu, pihak pengurusan sesebuah syarikat adalah bertanggungjawab untuk menangani risiko tersebut secara lebih teratur dengan menyediakan polisi serta prosedur bagi menguruskannya.

Hasil lawatan Audit mendapati pengurusan PPWS berhadapan dengan pelbagai jenis cabaran dan risiko terutamanya bagi pelaburan di Indonesia. Antara risiko yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

a) Rakan Kongsi

PT. Sumber Buana merupakan rakan kongsi lelap (*sleeping partner*) Pt. Pinang Witmas Sejati (PPWS). Pada peringkat awalnya PT Sumber Buana tidak memberikan sebarang bantuan kewangan dan suntikan modal tambahan. Bagaimanapun melalui temu bual dengan pegawai LLSB dan PT. Pinang Witmas Sejati, Pt. Sumber Buana mula menunjukkan minat untuk campur tangan dalam pengurusan PPWS, berikutan hasil perolehan yang semakin meningkat setiap tahun. Pengurusan PPWS yang bertanggungjawab membentangkan laporan prestasi ladang dari semasa ke semasa kepada rakan kongsi berhadapan dengan permintaan terhadap bahagian keuntungan syarikat serta berlaku pertikaian pendapat terhadap hal kewangan dan pentadbiran. Campur tangan ini boleh

membawa kepada ketegangan dan bakal memberi impak yang besar kepada masa depan LLSB sebagai peneraju utama PPWS.

b) Pekerja

Pengurusan PPWS menghadapi masalah dari segi pematuhan kepada dasar-dasar berkaitan pekerja yang sentiasa berubah dari masa ke semasa yang dikeluarkan oleh Kerajaan Indonesia melalui *Department Tenaga Kerja*. Antara dasar baru yang berkaitan termasuklah penetapan gaji minimum dan hal ehwal kebajikan. Adalah menjadi polisi Kerajaan Indonesia yang mana pihak pengurusan tidak boleh menarik mana-mana insentif yang telah diberikan kepada pekerja ladang kerana undang-undang Kerajaan Indonesia telah menetapkan sedemikian. Sesuatu pemberian hendaklah bersifat berterusan. Selain itu, pengurusan PPWS perlu memikirkan pemberian faedah dan elaun serta imbuhan kepada pekerja bagi menjamin tiada sebarang reaksi menentang ditunjukkan.

c) Undang-undang

Undang-undang dan peraturan daerah Kerajaan Indonesia merupakan satu peraturan yang sentiasa berubah dan melibatkan pelbagai peringkat kuasa yang merumitkan keadaan, meningkatkan kos serta mempengaruhi kebajikan dan keselamatan pegawai dan kakitangan Malaysia. Antara contoh dasar yang ditetapkan adalah cukai air. Ladang PPWS dikelilingi oleh sungai dan saliran semula jadi. Peraturan daerah menetapkan bahawa PPWS perlu membayar cukai air kepada penguasa daerah atas kadar air yang disedut oleh tanaman pokok kelapa sawit. Kenaan cukai ini menyebabkan kos operasi ladang meningkat. Selain itu, PPWS juga dikenakan cukai atas kemudahan generator bagi membekalkan elektrik kepada pekerjanya. Perubahan dasar atau peraturan daerah ini memberi kesan kos terhadap operasi PPWS.

d) Obligasi Sosial

Melalui temu bual dengan pihak Pengurusan PPWS, PPWS juga perlu memenuhi permintaan masyarakat setempat bagi menyediakan sebahagian keuntungan terhadap pembangunan dan kebajikan masyarakat setempat dan ia merupakan satu ketetapan oleh Kerajaan Indonesia kepada pelabur dari negara luar. Penglibatan ini mempengaruhi tahap kecairan kewangan dan keuntungan pelaburan bagi jangka masa panjang. Bagaimanapun, ia merupakan tanggungjawab sosial yang perlu dilaksanakan.

e) Agensi Tempatan

Pengurusan PPWS juga berhadapan dengan pelbagai permintaan daripada agensi tempatan seperti pejabat tanah, agensi keselamatan dan ketua kampung. Pengurusan PPWS perlu menjaga hubungan baik dengan pelbagai agensi Kerajaan Indonesia.

f) Pajakan Tanah

Pengurusan PPWS berhadapan dengan masalah hak guna usaha sama terhadap tanah dengan tempoh pajakan selama 35 tahun dan akan tamat pada tahun 2031. Sehingga kini tempoh 12 tahun telah berlalu meninggalkan baki selama 23 tahun. Risiko yang dihadapi adalah berkaitan kelulusan penyambungan pajakan oleh Kerajaan Indonesia kepada PPWS. Ketidakpastian terhadap penerimaan pemberian hak untuk terus beroperasi menjadi satu cabaran dan risiko yang amat besar memandangkan LLSB dan pengurusan PPWS telah melabur sejumlah RM124.72 juta bagi pembangunan ladang ini.

g) Bentuk Muka Bumi

Kawasan ladang ini juga berhadapan dengan masalah banjir 2 kali dalam tempoh setahun yang mengakibatkan kos pembangunan yang tinggi terhadap kerja pembaikan. Ini kerana bentuk muka bumi yang tidak rata dan bersempadan dengan sungai. Hujan yang lebat mengakibatkan air sungai melimpah dan merosakkan benteng yang dibina bagi menghalangi air masuk ke kawasan pokok kelapa sawit. Pokok kelapa sawit yang ditenggelami air dalam tempoh yang lama boleh mengurangkan kualiti buah dan kadar perahan minyak kelapa sawit seterusnya memberi impak terhadap pengeluaran minyak tahunan.

h) Kawalan Harga

Perubahan harga bahan mentah seperti baja, bahan kimia dan bahan binaan adalah di luar kawalan pengurusan PPWS walaupun kontrak kerja telah ditandatangani. PPWS terpaksa berhadapan dengan peningkatan atau perubahan pada kadar harga yang telah dipersetujui bersama kerana kebanyakan bahan mentah dikawal oleh satu pembekal secara monopoli. Perubahan harga ini menjelaskan aliran tunai serta keuntungan operasi PPWS.

i) Perubahan Nilai Mata Wang

Peningkatan kadar faedah bagi pinjaman yang diambil turut menjelaskan aliran wang tunai dan operasi PPWS. PPWS juga terdedah kepada risiko turun naik kadar faedah kerana pinjaman yang diperoleh bergantung kepada pertukaran nilai mata wang asing. Selain itu, kebanyakan urus niaga PPWS juga dibuat berdasarkan mata wang asing.

j) Isu Plasma

Peraturan Kerajaan yang baru menetapkan setiap pengusaha mewujudkan PLASMA iaitu Kebun milik Masyarakat yang dimajukan oleh pengusaha sehingga ke tahap nisbah 50:50. PWS membuka ladang ini melalui sumber kewangan sendiri dan pinjaman bank yang melibatkan modal yang besar dan risiko yang tinggi sedangkan masyarakat setempat pula mendesak secara langsung melalui Kerajaan Tempatan dan NGO supaya Ladang PWS sebahagiannya dijadikan projek PLASMA.

Pada pendapat Audit, LLSB perlu membuat satu kajian kemungkinan bagi mengenal pasti potensi, pulangan dan risiko dalam pelaburan ini. Selain itu, LLSB juga disyorkan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Pengurusan Risiko bagi mengkaji dan mengenal pasti risiko dan potensi yang ada dalam setiap pelaburan yang disertai.

17.2 PENGURUSAN STRATEGIK

17.2.1 Rancangan Korporat

Pekeling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan setiap syarikat perlu menyediakan atau mengemas kini strategi dan rancangan korporat masing-masing sebagai wawasan syarikat untuk mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Rancangan sedemikian perlu dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk. Ianya juga hendaklah selaras dengan objektif penubuhan sesebuah syarikat. Rancangan korporat ini juga penting bagi merangka strategi pelaksanaannya selain membentuk objektif dan matlamat yang lebih realistik selaras dengan misi dan keupayaan organisasi. Perancangan strategik juga boleh membantu syarikat bagi memastikan penggunaan sumber yang lebih efektif serta mewujudkan hubungan baik antara kakitangan dan pengurusan.

Perancangan Strategik memberi tumpuan kepada keseluruhan organisasi manakala Pelan Perniagaan adalah lebih fokus kepada produk dan perkhidmatan yang disediakan. Jenis perancangan strategik yang dibentuk adalah bergantung kepada kepimpinan, budaya, saiz, persekitaran dan kepakaran perancang bagi sesebuah organisasi. Semakan Audit mendapati LLSB tidak menyediakan satu rancangan korporat yang menyatakan visi, misi, objektif dan nilai utama korporat. Bagaimanapun strategi, hala tuju serta rancangan korporat jangka pendek dan jangka panjang bagi LLSB ada dinyatakan pada tahun 1996, melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan seperti di **Jadual 36**.

Jadual 36
Rancangan Korporat Ladang Lekir Sdn. Bhd.

Bil.	Aktiviti	Jangka Pendek	Jangka Panjang
1.	Ladang Lekir Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> - Menggabungkan projek semasa dengan syarikat yang baru ditubuhkan - Meningkatkan pemilikan harta tanah - Pelaburan usaha sama 	<ul style="list-style-type: none"> - Penyenaraian ke papan kedua Bursa Saham - Penglibatan dalam industri korporat dan penambahan pelaburan luar negara - Melibatkan dan menambahkan tenaga dan ekonomi korporat Melayu
2.	Dinding Oil Palm Industries Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> - Penambahan kapasiti pemprosesan minyak dan isi minyak kelapa sawit (CPO & KPO) dari 10 ke 20 tan buah tandan segar (BTS)/sejam - Menambahkan dan memantapkan rangkaian dan jalinan <i>network</i> pengusaha industri kelapa sawit dari segi sumber buah tandan segar (BTS)(peladang/estet dan <i>middle-man</i>) serta pemasaran minyak sawit 	<ul style="list-style-type: none"> - Melibatkan diri dalam projek hiliran berasaskan minyak kelapa sawit.
3.	Lawan Kuda Tropical Fish Industries	<ul style="list-style-type: none"> - Mengeksport ikan hiasan ke luar negara - Mendapatkan kelulusan tanah dari Kerajaan Negeri bagi tujuan perusahaan dan pemajakan tanah kepada pengusaha ikan hiasan 	<ul style="list-style-type: none"> - Sebagai pusat penyelidikan bagi ikan-ikan hiasan
4.	PT. Pinang Witmas Sejati (Kebun Sg. Melayu Indonesia)	<ul style="list-style-type: none"> - Mendapatkan kelulusan segera hak pemilikan pajakan tanah hak guna sama - Mempercepatkan kerja-kerja projek seperti yang telah dijadualkan - Penggunaan benih kelapa sawit yang berpotensi - Mendapatkan pinjaman bagi membiayai projek 	<ul style="list-style-type: none"> - Pembinaan 2 buah kilang kelapa sawit - Pembinaan pelabuhan kecil/jeti untuk pengangkutan minyak sawit - Pembinaan kompleks awam bagi kegunaan pekerja-pekerja di PPWS - Pelaksanaan projek hiliran berasaskan minyak sawit - Pembinaan landasan kapal terbang bagi tujuan kerja ‘aerial spray’ dan ‘fertilizer application’ dan juga pengangkutan masa depan.

Sumber: Rekod Ladang Lekir Sdn. Bhd.

Pada pendapat Audit, Rancangan Korporat LLSB adalah tidak memuaskan. Bagi memantapkan lagi pengurusan Rancangan Korporat dengan lebih berkesan, LLSB perlu menyatakan dengan jelas Visi, Misi, Objektif dan Nilai Utama Korporatnya. Selain itu, LLSB juga perlu mengkaji semula Rancangan Korporat jangka pendek dan jangka panjang bagi memastikan ia kekal relevan, berdaya saing dan mampu dicapai memandangkan terdapat syarikat subsidiari yang sudah tidak beroperasi.

17.3 PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Pengurusan Sumber Manusia memainkan peranan yang penting dalam menerajui kepimpinan dan memacu perubahan kepada sesebuah agensi. Bagi memastikan pengurusan Sumber Manusia dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan, satu garis

panduan pengurusan yang komprehensif perlu disediakan. Garis panduan ini hendaklah meliputi butiran yang jelas mengenai tatacara dalam pengisian jawatan seperti kelayakan, skim gaji, kenaikan pangkat, latihan, persaraan, faedah dan manfaat lain yang akan diperoleh. Perkara-perkara penting yang perlu diberi perhatian oleh LLSB bagi memenuhi keperluan Sumber Manusia adalah seperti berikut:

17.3.1 Perjawatan

Pengurusan LLSB perlu menetapkan saiz dan struktur syarikat yang sepatutnya sebelum menentukan bilangan dan komposisi kakitangan yang diperlukan. Keperluan LLSB dalam membuat pengambilan kakitangan hendaklah dibuat berdasarkan keperluan dan kemampuan LLSB serta kekosongan dan keperluan sesuatu jawatan itu diisi. Kelayakan akademik, pengalaman, kebolehan, sikap dan komitmen merupakan kriteria penting dalam pengambilan kakitangan bagi memastikan calon yang dipilih adalah berkelayakan dan sesuai untuk diberi tempat dalam syarikat. Pihak Audit tidak dapat menentukan jumlah perjawatan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah kerana tidak dapat menyemak minit mesyuarat berkaitan. Kedudukan perjawatan semasa bagi kumpulan LLSB pada 31 Disember 2007 adalah seperti di **Jadual 37**.

Jadual 37
Kedudukan Perjawatan Bagi Kumpulan LLSB

Bil.	Kumpulan LLSB	Pengurusan / Eksekutif	Sokongan	Pekerja Ladang	Jumlah
1.	Ibu Pejabat	2	6	-	8
2.	Ladang Sungai Selinsing	1	48	47	96
3.	Ladang Gelong Gajah	1	36	60	97
4.	PT Pinang Witmas Sejati	48*	152	1,730	1,930
5.	Dinding Oil Palm Industries Sdn. Bhd.	-	-	-	-
6.	Lawan Kuda Tropical Fish Industry Sdn. Bhd.	-	-	-	-
Jumlah		52	242	1,837	2,131

*Nota : * 5 daripada 48 Eksekutif PT Pinang Witmas Sejati merupakan pegawai LLSB yang ditempatkan secara kontrak, manakala bakinya merupakan rakyat tempatan Indonesia.*

Sumber: Rekod Ladang Lekir Sdn. Bhd.

Pengisian jawatan oleh LLSB adalah berdasarkan kepada keperluan semasa dan dibuat melalui iklan dan temu duga yang dijalankan. Pelantikan pegawai adalah berdasarkan kelayakan akademik, pengalaman dan kebolehan tertentu mengikut keperluan jawatan. Butiran kelayakan akademik eksekutif dan kakitangan sokongan LLSB termasuk 5 orang Eksekutif yang berkhidmat di PT Pinang Witmas Sejati adalah seperti di **Jadual 38**.

Jadual 38
Kelayakan Eksekutif Dan Kakitangan Sokongan LLSB

Bil.	Kelayakan	Bilangan Pegawai	Peratus (%)
1.	Ijazah	4	11.4
2.	Diploma	5	14.3
3.	Sijil Pelajaran Malaysia	13	37.1
4.	Sijil Rendah Malaysia	12	34.3
5.	Lain-lain	1	2.9
Jumlah		35	100.0

Sumber: Rekod Ladang Lekir Sdn. Bhd.

17.3.2 Skim Perkhidmatan

Pengurusan LLSB perlu menentukan skim perkhidmatan bagi pelantikan eksekutif dan kakitangan sama ada menyandang jawatan dengan lantikan secara perjawatan tetap ataupun kontrak. Skim perkhidmatan ini akan mengambil kira aspek pelantikan, tempoh percubaan, waktu kerja, gaji dan kenaikan gaji, kenaikan pangkat, pertukaran, penempatan dan persaraan, cuti, faedah perubatan, elaun dan bonus serta kelakuan dan tata tertib.

Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah LLSB telah memutuskan untuk menerima pakai skim perkhidmatan untuk Eksekutif dan kakitangan LLSB pada 31 Mei 2007 melalui mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1/2007. Skim yang diwujudkan ini dinamakan *Executives' and Staff Standard Terms Of Services For Perak SADC Group Of Companies*. Kategori perjawatan yang telah ditetapkan terdiri daripada dua kumpulan iaitu eksekutif dan kakitangan. Setiap kategori telah ditetapkan gaji permulaan dan gaji maksimum. Selain daripada gaji dan elaun bulanan yang diterima eksekutif dan kakitangan LLSB juga menerima manfaat lain sama seperti apa yang diterima oleh penjawat awam. Antara manfaat yang diterima adalah pinjaman kenderaan, elaun sewa hotel, elaun makan, elaun harian serta kemudahan rawatan, perubatan dan cuti rehat.

17.3.3 Latihan dan Kursus

Latihan merupakan aktiviti pembelajaran bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan tugas yang dipertanggungjawabkan. Perancangan dalam menyediakan latihan, kursus dan seminar hendaklah disediakan dengan mengenal pasti bidang pengkhususan mengikut perkhidmatan masing-masing bagi membolehkan semua pekerja mendapat pendedahan yang sewajarnya. Latihan adalah penting bagi kemajuan kerjaya, meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta produktiviti dan kualiti kerja. Kursus dan latihan boleh diadakan secara dalaman dan luaran di mana ia memberi manfaat kepada pegawai berkenaan dan syarikat.

Semakan Audit mendapati LLSB tidak merekodkan maklumat kursus yang dihadiri oleh Eksekutif dan kakitangannya.

Pada pendapat Audit, Pengurusan Sumber Manusia di LLSB adalah baik.

17.4 PENGURUSAN KEWANGAN

Pengauditan terhadap pengurusan kewangan LLSB dijalankan selaras dengan Seksyen 6, Akta Audit 1957. Objektif pengauditan ini adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan LLSB dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan. Pengauditan meliputi kawalan bajet, terimaan, perbelanjaan, pinjaman dan pelaburan.

17.4.1 Kawalan Bajet

Bajet tahunan adalah merupakan satu mekanisme yang digunakan oleh sesebuah syarikat bagi menentu dan mengenal pasti matlamat yang ingin dicapai, terutama dalam menetapkan hasil, perbelanjaan dan pengagihan peruntukan bagi melaksanakan program dan aktiviti yang dirancang. Objektif utama bajet LLSB adalah untuk memperkuuhkan kedudukan kewangan LLSB dengan penghasilan pendapatan yang berterusan dan pegangan aset LLSB bagi memastikan jangka hayat yang berterusan.

Semakan Audit mendapati LLSB telah menyediakan bajet tahunannya secara berasingan bagi setiap ladang dan syarikat. Ianya telah dibentangkan secara berasingan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

17.4.2 Kawalan Terimaan

Kawalan terimaan adalah bertujuan untuk memastikan segala terimaan tunai dan cek dilaksanakan dengan betul dan sistematik. Satu peraturan kawalan dalam perlu diwujudkan bagi menggariskan tanggungjawab pegawai yang menerima wang dan menyediakan resit, kemasukan wang ke bank, keselamatan wang tunai, kawalan terhadap buku resit, penyelenggaraan Buku Tunai dan penyediaan Penyata Penyesuaian Bank. Semakan Audit mendapati LLSB telah menyediakan tatacara berkaitan kawalan terimaan melalui Prosedur Kewangan dan Polisi Ladang Non Teknikal. Semakan Audit juga mendapati LLSB telah mengamalkan pengagihan kerja, penurunan kuasa yang jelas dan segala rekod telah disediakan dengan kemas kini.

17.4.3 Kawalan Perbelanjaan

Kawalan perbelanjaan merupakan aspek penting pengurusan kewangan sesebuah organisasi. Peruntukan yang diluluskan hendaklah dikawal supaya perbelanjaan dibuat mengikut tujuan yang ditentukan dan direkodkan dengan betul dan kemas kini. Selain itu, perbelanjaan hendaklah dilakukan mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan supaya perolehan dapat diuruskan dengan cekap dan tidak berlaku pembaziran. Satu peraturan kewangan perlu diwujudkan bagi menggariskan tanggungjawab pegawai, kuasa, penyelenggaraan rekod, penyediaan penyata penyesuaian bank, baucar dan rekod yang berkaitan kewangan. Semakan Audit mendapati LLSB telah menyediakan tatacara berkaitan kawalan perbelanjaan melalui Prosedur Kewangan dan Polisi Ladang Non Teknikal. Selain itu, LLSB juga mengamalkan pengagihan kerja dan telah menyelenggarakan dokumen yang berkaitan dengan kemas kini.

17.4.4 Pinjaman

Memorandum & Artikel membenarkan LLSB membuat pinjaman bagi melaksanakan aktiviti dan projek yang telah dirancang. LLSB memerlukan sumber kewangan yang besar untuk melaksanakan projek perladangan kelapa sawit di Indonesia. Sehingga 31 Disember 2007, jumlah pinjaman yang diterima oleh LLSB adalah berjumlah RM43.90 juta tidak termasuk pinjaman daripada *Export Import Bank Of Malaysia Berhad* (EXIM Bank) berjumlah USD8.10 juta. Akta Perbadanan Kekompetenan Badan Perundangan Negeri 1962, menetapkan bahawa pinjaman yang melebihi RM5 juta perlu mendapat kelulusan daripada Menteri Kewangan. Semakan Audit mendapati pinjaman LLSB belum memperolehi kelulusan daripada Menteri Kewangan. Bagaimanapun, bagi pinjaman daripada EXIM Bank, LLSB memperoleh kelulusan daripada Bank Negara Malaysia. Bagi kelulusan pinjaman yang lain, kelulusan hanya diperoleh daripada Lembaga Pengarah Perbadanan sebagai syarikat induk dan Lembaga Pengarah LLSB. Ringkasan berkaitan kedudukan pinjaman LLSB adalah seperti di **Jadual 39**.

Jadual 39
Ringkasan Kedudukan Pinjaman LLSB

Bil.	Sumber Pinjaman	Tarikh Pinjaman Diluluskan	Kadar Faedah Dikenakan %	Tempoh Bayaran Balik (Tahun)	Jumlah Pinjaman Diluluskan (RM Juta)	Baki Pinjaman Pada 31.12.2007 (RM Juta)
1.	Kerajaan Negeri	05 April 1999	4	10	8.00	3.81
2.	Perbadanan Pertanian Negeri Perak	31 Disember 1999	8	10	15.50	15.73
3.	Perbadanan Pertanian Negeri Perak	31 Oktober 2003	8	7	4.90	
4.	Perak SADC Management Services Sdn. Bhd. (Syarikat Berkaitan membuat pinjaman daripada Bank Pertanian Malaysia)	29 Disember 2000	8.6	8	15.50	6.85
5.	Export Import Bank Of Malaysia Berhad (EXIM Bank)	Oktober 2005	Cost of Fund + 2.5	5	USD8.10	USD4.29

Sumber: Rekod Ladang Lekir Sdn. Bhd.

Butiran terperinci bagi pinjaman LLSB adalah seperti berikut:

a) Pinjaman Kerajaan Negeri

Pada tahun 1999, Perbadanan telah membuat pinjaman sejumlah RM8 juta daripada Kerajaan Negeri untuk membiayai pelaburan LLSB dalam perladangan kelapa sawit di Sumatera Selatan, Indonesia. Pinjaman ini dikenakan kadar faedah sebanyak 4% setahun. Semakan Audit terhadap Daftar Pinjaman mendapati LLSB telah membuat bayaran tunggakan ansuran pinjaman dan faedah berjumlah RM6.73 juta dan baki pada akhir tahun 2007 adalah berjumlah RM3.81 juta. Selain

itu, semakan Audit seterusnya mendapati semua dokumen perjanjian telah difaikkan dengan teratur dan rekod pinjaman telah diselenggarakan dengan kemas kini.

b) Pinjaman Dari Perbadanan

Perbadanan sebagai syarikat induk telah memberi pinjaman kepada LLSB berjumlah RM15.50 juta pada tahun 1999 dan tambahan sejumlah RM 4.90 juta pada tahun 2003, menjadikan jumlah keseluruhan pinjaman adalah RM20.40 juta. Pinjaman ini bertujuan untuk menampung kos pelaburan LLSB dalam syarikat subsidiari di Indonesia, PT Pinang Witmas Sejati. Kadar faedah yang dikenakan adalah sejumlah 8% setahun. Semakan Audit mendapati sehingga Disember 2007 sejumlah RM11.80 juta pinjaman telah dijelaskan meninggalkan baki termasuk faedah berjumlah RM15.73 juta. Semakan Audit juga mendapati dokumen perjanjian telah disediakan dengan sempurna dan pembayaran telah dibuat mengikut jadual pembayaran yang telah ditetapkan.

c) Pinjaman Dari Perak SADC Management Services Sdn. Bhd.

LLSB juga mendapat pinjaman berjumlah RM15.50 juta dari Perak SADC Management Services Sdn. Bhd. (PSMS) salah sebuah syarikat subsidiari milik Perbadanan. Semakan Audit mendapati PSMS telah membuat pinjaman sejumlah RM15.50 juta dengan Bank Pertanian Malaysia bagi pihak LLSB. Tempoh bayaran balik adalah selama 10 tahun dan tempoh akhir pembayaran adalah pada tahun 2010. Kadar faedah yang dikenakan adalah 8.6% setahun dikira atas baki bulanan. Pinjaman ini juga bertujuan untuk membiayai projek pelaburan LLSB dalam syarikat subsidiari di Indonesia, PT Pinang Witmas Sejati. Sebagai jaminan LLSB telah mencagarkan 4 keping tanah miliknya. Semakan Audit terhadap Daftar Pinjaman ini mendapati LLSB telah membuat bayaran tunggakan ansuran pinjaman yang berjumlah RM13.43 juta dan baki pada akhir tahun 2007 berjumlah RM6.85 juta. Semakan Audit mendapati dokumen perjanjian telah disediakan dengan sempurna dan pembayaran telah dibuat mengikut jadual yang telah ditetapkan.

d) Pinjaman Dari *Export Import Bank Of Malaysia Berhad (EXIM Bank)*

LLSB juga mendapat pinjaman daripada *Export-Import Bank Of Malaysia* (EXIM Bank) berjumlah USD8.10 juta yang terdiri daripada pinjaman pertama berjumlah USD6 juta dan pinjaman kedua berjumlah USD2.10 juta. Pinjaman ini juga bertujuan untuk membiayai pelaburan LLSB dalam syarikat subsidiari di Indonesia, PT Pinang Witmas Sejati. Kadar faedah yang dikenakan adalah pada kos pinjaman dicampurkan 2.5% setahun. Tempoh bayaran balik bagi pinjaman ini adalah 5 tahun melalui 20 bayaran balik pada setiap suku tahun dari tarikh pengeluaran. Sebagai jaminan cagaran tanah juga dibuat. Semakan Audit mendapati sehingga Disember 2007, bayaran sejumlah USD2.82 juta telah dijelaskan meninggalkan baki sejumlah USD4.29 juta. Semakan Audit juga mendapati pembayaran telah dijelaskan mengikut jadual.

Pada pendapat Audit, pengurusan pinjaman LLSB adalah memuaskan di mana bayaran balik telah dibuat mengikut jadual yang ditetapkan. LLSB perlu mengekalkan prestasi bayaran balik ini bagi mengelakkan syarikat dikenakan caj tambahan atas kelewatian bayaran balik serta memberikan reputasi yang baik terhadap syarikat. Bagaimanapun, LLSB perlu peka kepada peraturan semasa yang menetapkan kelulusan pinjaman yang melebihi RM5 juta perlu mendapat kelulusan daripada Menteri Kewangan.

17.4.5 Pelaburan

Setiap Syarikat Kerajaan perlu mempunyai polisi dan peraturan yang jelas mengenai urusan pelaburan Syarikat. Selain itu, satu penetapan berkenaan kawalan perlu diwujudkan bagi mengurus, mengawal serta memantau transaksi dan prestasi pelaburan Syarikat. Merujuk kepada Akta Perbadanan Kekompetenan Badan Perundangan Negeri 1962, Badan Berkanun Negeri dibenarkan untuk membuat pelaburan terhadap wang yang tidak digunakan untuk pembayaran dengan syarat pelaburan tersebut tidak melebihi RM5 juta. Jika pelaburan melebihi RM5 juta, kebenaran bertulis perlu diperoleh daripada Menteri Kewangan. Berdasarkan kepada Memorandum & Artikel, LLSB dibenarkan untuk membuat pelaburan terhadap wang yang tidak digunakan untuk pembayaran.

a) Simpanan Tetap

LLSB menggunakan lebihan dana dengan membuat pelaburan melalui Simpanan Tetap di bank tempatan untuk menambahkan pendapatan. Semakan Audit mendapati pelaburan Simpanan Tetap LLSB dibuat setelah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah. Pada Disember 2007, sejumlah RM8.02 juta telah dilaburkan dalam Simpanan Tetap di 10 bank tempatan. Semakan Audit seterusnya mendapati Sijil Simpanan Tetap telah disimpan dengan selamat dalam peti besi. Selain itu, Daftar Simpanan Tetap LLSB juga telah direkodkan dengan kemas kini.

b) Pasaran Saham

LLSB juga ada membuat pelaburan dalam pasaran saham. Pada 31 Disember 2006, jumlah pelaburan LLSB dalam saham tersiar harga adalah RM85,620 pada harga pasaran dengan harga kos berjumlah RM43,800. Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1 dan 2/2007 telah memutuskan penjualan saham-saham ini.

Pada pendapat Audit, penubuhan Jawatankuasa Pelaburan LLSB adalah baik serta dapat membantu LLSB mempelbagaikan pelaburannya sekali gus memaksimumkan pulangan pendapatan daripada tunai yang tidak digunakan. Bagaimanapun, LLSB perlu menyediakan satu garis panduan dan prosedur berkaitan pelaburan ini. Ianya berperanan sebagai mekanisme kawalan dalaman serta membolehkan LLSB mengimbangi risiko dalam urusan berkaitan pelaburan.

Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan yang dilaksanakan oleh LLSB adalah baik. Bagaimanapun, ia boleh ditingkatkan dengan memperkemaskan kawalan dalam melalui peraturan kewangan sedia ada.

17.5 PENGURUSAN OPERASI

Pengurusan Operasi yang cekap akan memastikan kelancaran perjalanan syarikat dan seterusnya menjamin pencapaian objektif. Pengurusan Operasi utama LLSB merupakan ladang kelapa sawit yang terdiri daripada 2 ladang milik penuh LLSB iaitu Ladang Sungai Selinsing dan Ladang Gelong Gajah, serta sebuah Syarikat subsidiari iaitu PT Pinang Witmas Sejati. Selain itu LLSB juga turut menguruskan 2 buah Syarikat Subsidiari yang terdiri daripada Dinding Oil Palm Industries Sdn. Bhd. dan Lawan Kuda Tropical Fish Industry Sdn. Bhd.

17.5.1 Pengurusan Ladang Kelapa Sawit

Pengurusan ladang LLSB terbahagi kepada tiga pengurusan utama iaitu Ladang Sungai Selinsing, Ladang Gelong Gajah dan sebuah ladang di Indonesia, PT Pinang Witmas Sejati. Luas ladang kelapa sawit milik LLSB adalah 16,453 hektar dan 14,702 hektar daripadanya sudah di tanam dengan kelapa sawit. Manakala 9,565 hektar adalah kawasan yang sudah megeluarkan hasil. Bakinya merupakan kawasan yang belum dibangunkan atau disediakan untuk kemudahan lain di ladang. Usia pokok bagi ladang - ladang tersebut adalah di antara 0 – 25 tahun. Keluasan tanaman kelapa sawit dan usia pokok bagi setiap ladang pada tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 40**.

Jadual 40
Keluasan Ladang dan Usia Pokok Pada Tahun 2007

Bil.	Ladang	Keluasan Tanah (Hektar)	Keluasan Tanaman Berhasil (Hektar)	Usia Pokok (Tahun)
1.	Ladang Sungai Selinsing	626.8	614	23 - 25
2.	Ladang Gelong Gajah	845.7	788	07- 25
3.	PT Pinang Witmas Sejati	14,980	8,163	0 -11
Jumlah		16,452.5	9,565	

Sumber: Rekod Ladang Lekir Sdn. Bhd.

Setiap ladang diketuai oleh seorang Pengurus dan dibantu oleh sekumpulan pegawai dan kakitangan. Kedudukan pengurusan dan anggota pekerja bagi setiap ladang adalah seperti di **Jadual 41**.

Jadual 41
Kedudukan Pengurusan Dan Anggota Pekerja Pada Tahun 2007

Bil.	Ladang	Pengurus / Eksekutif	Bukan Eksekutif	Buruh Harian	Jumlah
1.	Ladang Sungai Selinsing	1	48	47	96
2.	Ladang Gelong Gajah	1	36	60	97
3.	PT Pinang Witmas Sejati	48	152	1,730	1,930

Sumber: Rekod Ladang Lekir Sdn. Bhd.

17.5.2 Pengeluaran Buah Tandan Segar Kelapa Sawit

Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, LLSB mengeluarkan di antara 20.04 hingga 21.99 tan/hektar buah tandan segar (BTS) kelapa sawit. Kedudukan pengeluaran BTS bagi Syarikat LLSB dan Laporan Lembaga Perindustrian Minyak Sawit Malaysia (MPOB) adalah seperti di **Jadual 42**.

Jadual 42
Pengeluaran Buah Tandan Segar (Tan/Hektar) Bagi Tahun 2005 Hingga 2007

Bil.	Ladang	Pengeluaran BTS (Tan/Hektar)		
		2005	2006	2007
1.	Ladang Sungai Selinsing	20.93	24.09	22.58
2.	Ladang Gelong Gajah	19.44	20.96	16.19
3.	PT Pinang Witmas Sejati	19.74	20.91	23.09
Purata Pengeluaran LLSB		20.04	21.99	20.62
Purata Pengeluaran BTS Semenanjung Malaysia (Laporan MPOB)		17.65	18.71	17.59
Peratus Melebihi Purata Pengeluaran MPOB (%)		11.93	17.53	17.23

Sumber: Rekod Ladang Lekir Sdn. Bhd.

Secara keseluruhannya pengeluaran BTS LLSB adalah baik berbanding purata pencapaian yang dicatatkan oleh industri kelapa sawit di Semenanjung Malaysia melalui laporan yang dikeluarkan oleh MPOB sebagai penanda aras.

17.5.3 Kadar Perahan Minyak Sawit

Penggunaan biji benih yang berkualiti dan pengurusan operasi yang baik termasuk proses pembajaan dan penjagaan pokok kelapa sawit yang sempurna akan menghasilkan kadar perahan minyak (OER) yang tinggi. Purata kadar perahan minyak sawit bagi syarikat Ladang Lekir adalah di antara 18.94% hingga 19.08%. Kadar ini adalah lebih rendah di antara 0.24% hingga 0.32% berbanding purata kadar perahan minyak di Semenanjung Malaysia. Ianya disebabkan kualiti buah yang menurun bagi Ladang Sungai Selinsing dan Gelong Gajah kerana usia sebahagian pokok sudah menjangkau 25 tahun dan usia pokok yang belum matang bagi Ladang PT Pinang Witmas Sejati, Indonesia. Kedudukan kadar perahan minyak sawit bagi Syarikat LLSB berbanding purata kadar perahan minyak Semenanjung Malaysia yang dikeluarkan oleh MPOB untuk tempoh 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 43**.

Jadual 43
Kadar Perahan Minyak Sawit Bagi Tempoh 2005 Hingga 2007

Bil.	Ladang	Peratus (%)		
		2005	2006	2007
1.	Ladang Sungai Selinsing	18.82	18.85	19.00
2.	Ladang Gelong Gajah	19.00	19.00	19.00
3.	PT Pinang Witmas Sejati	18.99	18.85	19.23
Purata Kadar Perahan Minyak Sawit LLSB		18.94	18.90	19.08
Purata Kadar Perahan Minyak Sawit Semenanjung Malaysia (Laporan MPOB)		19.26	19.22	19.32
Peratus Perbandingan Kadar Perahan LLSB dengan MPOB (%)		-1.66	-1.66	-1.24

Sumber: Rekod Ladang Lekir Sdn. Bhd.

Secara keseluruhannya, kadar perahan minyak sawit LLSB adalah lebih rendah berbanding kadar perahan minyak sawit Semenanjung Malaysia bagi tahun 2005 hingga 2007.

17.5.4 Prestasi Kewangan

Setiap pengurus ladang bertanggungjawab menyediakan laporan kedudukan pendapatan dan perbelanjaan ladang bagi tujuan pemantauan dan kawalan. Kedudukan prestasi kewangan secara individu bagi tiga ladang LLSB adalah seperti di **Jadual 44** hingga **Jadual 46**.

Jadual 44
Kedudukan Hasil dan Perbelanjaan Ladang Sungai Selingsing
Bagi Tahun 2005 Hingga 2007

Butiran	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Jualan Buah Tandan Segar	3.56	4.39	6.66
Pelbagai Pendapatan	0.05	0.06	0.05
Jumlah Pendapatan	3.61	4.45	6.71
Jumlah Perbelanjaan	2.67	3.85	3.92
Lebihan Pendapatan	0.94	0.60	2.79
Lebihan Pendapatan Per Hektar Tanaman Berhasil	RM1,531 Per Hektar	RM977 Per Hektar	RM4,544 Per Hektar

Sumber: Rekod Ladang Lekir Sdn. Bhd.

Jadual 45
Kedudukan Hasil dan Perbelanjaan Ladang Gelong Gajah
Bagi Tahun 2005 Hingga 2007

Butiran	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Jualan Buah Tandan Segar	4.14	4.71	5.97
Pelbagai Pendapatan	-	0.01	0.01
Jumlah Pendapatan	4.14	4.72	5.98
Jumlah Perbelanjaan	3.35	4.89	4.66
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan	0.79	(0.17)	1.32
Lebihan/ (Kurangan) Pendapatan Per Hektar Tanaman Berhasil	RM1,003 Per Hektar	(RM216) Per Hektar	RM1,675 Per Hektar

Sumber: Rekod Ladang Lekir Sdn. Bhd.

Jadual 46
Kedudukan Hasil dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2005 - 2007
Ladang PT Pinang Witmas Sejati

Butiran	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Jualan Buah Tandan Segar	47.24	57.52	94.56
Pelbagai Pendapatan	0.22	0.22	0.16
Jumlah Pendapatan	47.46	57.74	94.72
Jumlah Perbelanjaan	46.70	56.03	57.52
Lebihan Pendapatan	0.76	1.71	37.20
Lebihan Pendapatan Per Hektar Tanaman Berhasil	RM98 Per Hektar	RM220 Per Hektar	RM4,557 Per Hektar

Sumber: Rekod Ladang Lekir Sdn. Bhd.

Berdasarkan maklumat daripada jadual di atas, didapati terdapat lebihan pendapatan per hektar tertinggi pada tahun 2005 dan 2006 daripada Ladang Sungai Selinsing berbanding lebihan pendapatan per hektar yang diperoleh daripada Ladang Gelong Gajah dan Pt Pinang Witmas Sejati. Walaupun sebahagian besar daripada pendapatan LLSB diperolehi daripada Ladang Pt Pinang Witmas Sejati, namun Ladang Pt Pinang Witmas Sejati juga melibatkan perbelanjaan yang besar disebabkan sebahagian daripada ladang yang masih belum menghasilkan buah serta pokok yang belum cukup matang bagi menghasilkan pengeluaran buah kelapa sawit yang optimum. Selain itu, pengurusan Ladang PT Pinang juga terpaksa menanggung kos yang tinggi daripada perbelanjaan berkaitan susut nilai kilang, membaiki jalan dan benteng akibat banjir, tuntutan cukai daripada penguasa daerah serta kos baja yang dimonopoli serta tidak terkawal. Bagaimanapun hasil bagi Ladang Pt Pinang dijangka terus meningkat berikutan usia pokok yang masih muda dan pertambahan dalam keluasan kawasan berhasil berbanding Ladang Sungai Selinsing dan Gelong Gajah yang akan menurun kerana usia pokok telah menjangkau 25 tahun.

17.5.5 Aktiviti Syarikat

Pihak Audit juga telah membuat lawatan fizikal bagi mengesahkan aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh Syarikat LLSB. Hasil daripada lawatan tersebut mendapati perkara seperti berikut:

a) Ladang Sungai Selinsing

Ladang Sungai Selinsing terletak di Daerah Batang Padang dalam Mukim Bidor dan Sungkai. Keluasan ladang adalah seluas 626.80 hektar. Penanaman kelapa sawit di ladang ini bermula pada tahun 1982 yang mana ianya melibatkan tanah seluas 107 hektar dan diikuti dengan seluas 391 hektar pada tahun 1983 dan bakinya seluas 116 hektar ditanam dalam tahun 1984. Jumlah keseluruhan tanaman kelapa sawit adalah 614 hektar dengan usia pokok adalah di antara 23 hingga 25 tahun. Keluasan bagi bangunan dan jalan adalah 11.42 hektar dan kawasan berpaya adalah 1.38 hektar.

Hasil lawatan Audit ke Ladang Sungai Selinsing mendapati ladang diuruskan dengan baik.

b) Ladang Gelong Gajah

Ladang Gelong Gajah terletak di Jalan Bruas Kg Gelong Pepuyu Bruas. Kawasan ladang yang ditanam kelapa sawit adalah seluas 788 hektar. Pokok kelapa sawit mula ditanam pada tahun 1982 dengan keluasan 102 hektar diikuti kawasan seluas 573 hektar pada tahun 1983 dan bakinya seluas 113 hektar ditanam pada tahun 2000. Pokok kelapa sawit telah mencapai umur 25 tahun bagi kawasan seluas 675 hektar dan baki seluas 113 hektar baru berumur 7 tahun. Jenis tanah di ladang ini adalah dari jenis tanah gambut seluas 560 hektar dan tanah berbukit seluas 228 hektar. Kedudukan tanah yang berteluk mengakibatkan air banjir bertakung dan pokok kelapa sawit sentiasa di tenggelami air.

Hasil lawatan Audit ke ladang mendapati pokok kelapa sawit semuanya telah condong disebabkan faktor usia yang mencapai 25 tahun dan tanah gambut. Bagaimanapun, pokok tersebut masih dapat mengeluarkan hasil. LLSB telah merancang untuk membuat penanaman semula pokok kelapa sawit secara berperingkat. Justeru itu, LLSB telah mula menanam pokok pada tahun 2000 di atas tanah seluas 113 hektar dan pokok tersebut telah mula berbuah. Berdasarkan kepada laporan yang disediakan oleh penasihat ladang, semakan Audit mendapati kebanyakannya pokok kelapa sawit yang tumbang tidak dipotong sebaliknya diselamatkan. Sebanyak 301 pokok yang tumbang adalah disebabkan kawasan yang berpaya di mana kadar hujan adalah tinggi menyebabkan air bertakung di kawasan ladang seperti di **Foto 1**. Tindakan yang diambil oleh pihak Ladang adalah dengan memotong pokok yang merentasi lorong pelepas dan bagi pokok yang tumbang selari dengan lorong pelepas akan dipulihkan. Proses pemulihan akan mengambil masa dua tahun. Semakan Audit seterusnya mendapati pemangkasan masih belum dijalankan dan pelepas kering masih berada di pokok seperti di **Foto 2**.

Foto 1
Kawasan Air Bertakung



Foto 2
Pokok Kelapa Sawit Yang Tidak Ditangkas



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 8 April 2008
Lokasi : Ladang Gelong Gajah

Semakan Audit seterusnya mendapati punca air lambat mengalir di beberapa parit adalah disebabkan terdapat tumbuhan lalang yang tidak dibersihkan dan pengaliran air tersekat di hulu parit disebabkan pembinaan jambatan seperti di **Foto 3** dan **Foto 4**.

Foto 3
Parit Yang Ditumbuhiti Lalang



Foto 4
Saliran Air Mengalir Perlahan



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 8 April 2008
Lokasi : Ladang Gelong Gajah

c) **PT. Pinang Witmas Sejati Kebun Sungai Melayu (PPWS)**

LLSB telah membuat pelaburan dalam bidang perladangan kelapa sawit di Indonesia. Pelaburan ini dibuat secara usaha sama dengan sebuah syarikat tempatan di Indonesia iaitu PT. Sumber Buana dengan pegangan saham sebanyak 60% oleh LLSB dan 40% oleh PT. Sumber Buana. Pelaburan LLSB dibuat melalui PT. Pinang Witmas Sejati sebuah syarikat tempatan bertempat di Kebun Sungai Melayu, Sumatera Selatan, Indonesia. Modal berbayar Pt. Pinang Witmas Sejati adalah berjumlah RM10 juta dengan pajakan kawasan seluas 14,980 hektar. LLSB mendapat hak guna usaha sama terhadap tanah tersebut pada tahun 1999 dengan tempoh pajakan selama 35 tahun.

i) **Kos Pembiayaan**

Mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan telah memutuskan bahawa pembiayaan pembangunan ladang PPWS dibuat melalui pinjaman daripada Kerajaan Negeri, Perbadanan sebagai syarikat induk, Perak SADC Management Services dan *Export-Import Bank Of Malaysia Berhad* (EXIM Bank). Jumlah keseluruhan pinjaman adalah RM43.90 juta dan USD 8.10 juta. Pinjaman ini adalah untuk membiayai projek pembangunan ladang dan pembinaan kilang kelapa sawit.

ii) **Pengurusan Syarikat**

Pengurusan PPWS diterajui oleh 5 orang Pengurus dari Malaysia mewakili LLSB. Keahlian bagi ahli Lembaga Pengarah PPWS adalah terdiri daripada 3 orang wakil daripada Malaysia dan 2 orang wakil dari Indonesia iaitu rakan kongsi PPWS serta 2 ahli Dewan Komisaris masing-masing seorang mewakili Malaysia dan Indonesia. Semakan Audit terhadap kekerapan mesyuarat mendapati pada tahun 2005 dan 2006 mesyuarat diadakan sekali setahun manakala pada tahun 2007 mesyuarat diadakan sebanyak 3 kali. Mesyuarat Lembaga Pengarah membincangkan perkara mengenai bajet tahunan, tenaga pekerja, laporan kemajuan kilang dan laporan prestasi kewangan.

iii) **Undang-undang dan Peraturan**

Pengurusan PPWS ini juga tertakluk kepada peruntukan undang-undang dan peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Indonesia. Antara badan Kerajaan yang terlibat dalam mengeluarkan undang-undang berkaitan pengurusan ladang ialah Bahagian Tenaga Kerja, Percukaian dan Pentadbiran Daerah.

iv) **Prosedur Pengurusan**

Pihak PPWS juga mengeluarkan prosedur dan peraturan sebagai kawalan dalam. Antara perkara yang diberi perhatian adalah peraturan pemberian tender, prosedur pembelian dan pembayaran serta penyimpanan dan pengeluaran barang dan stok. Semakan Audit mendapati kerja perbekalan bahan kimia dan baja, serta perolehan dibuat secara tender. Pemilihan kontraktor

dibuat melalui satu jawatankuasa tender. Selain itu, PPWS juga menawarkan kontrak kerja seperti kerja angkut tanah, pengangkutan tandan buah segar, membuat parit dan cuci parit, kerja pemasatan dan kerja *greading* jalan. Semakan Audit seterusnya terhadap dokumen kontrak mendapati semua dokumen telah difailkan dengan kemas kini. Lawatan Audit di ladang mendapati kerja pengangkutan buah tandan segar dan kerja membuat parit dilaksanakan dengan memuaskan seperti di **Foto 5** dan **Foto 6**.

Foto 5

Kerja Pengangkutan Tandan Buah Segar



Foto 6

Excavator Sedang Membuat Parit



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 18 Mac 2008
Lokasi : PT. Pinang Witmas Sejati

v) Pengurusan dan Pembangunan Ladang

Projek membuka kawasan tanah bermula Jun 1996 dan sehingga kini kawasan yang telah dibuka adalah seluas 13,738 hektar daripada 14,980 hektar dengan kawasan matang seluas 7,933 hektar.

Hasil lawatan Audit ke PPWS mendapati kawasan ladang mudah bertakung air disebabkan kawasan tanah yang tidak rata dan faktor hujan yang berlebihan. Benteng yang dibina tidak mampu untuk menahan air menyebabkan melimpah masuk daripada sungai yang berdekatan. Kawasan ini sering dipenuhi air dan telah menyebabkan banyak kos pembaikan dan pembinaan benteng meningkat setiap tahun. Keadaan kawasan yang terlibat adalah seperti di **Foto 7** dan **Foto 8**.

Foto 7

Benteng Yang Menghalang Air Sungai



Foto 8

Kawasan Ladang Yang Bertakung



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 18 Mac 2008
Lokasi : PT. Pinang Witmas Sejati

vi) Kilang Pemprosesan Minyak Sawit Dan Jeti

Ladang PPWS dilengkapi dengan sebuah kilang pemprosesan minyak sawit mentah. Kerja pembinaan kilang kelapa sawit ini telah siap sepenuhnya pada bulan Oktober tahun 2004. Kilang telah menerima dan memproses bekalan buah tandan segar ladang secara sepenuhnya mulai 1 November 2004. Selain itu, pengurusan PPWS juga telah membina sebuah jeti bagi memudahkan penjualan minyak kelapa sawit dengan kos pembangunan sebanyak RM36.5 juta. Kawasan kilang dan *barge* untuk mengangkut minyak adalah seperti di **Foto 9** hingga **Foto 12**.

Foto 9
Kawasan Kilang Kelapa Sawit



Foto 10
**Kawasan Longgokan Buah Kelapa Sawit
Di Kilang**



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 18 Mac 2008
Lokasi : PT. Pinang Witmas Sejati

Foto 11
**Minyak Kelapa Sawit Di Pam
Dari Jeti Ke Barge**



Foto 12
Barge Yang Mengangkut Minyak



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 18 Mac 2008
Lokasi : PT. Pinang Witmas Sejati

d) Dindings Oil Palm Industries Sdn. Bhd.

Ladang Lekir Sdn. Bhd. menyertai ekuiti dalam Syarikat Dindings Oil Palm Industries Sdn. Bhd. (DOPI) pada tahun 1995. DOPI mempunyai sebuah kilang

kelapa sawit yang terletak di Bruas. Penyertaan ini adalah sejajar dengan matlamat Perbadanan untuk mendirikan dan memiliki kilang kelapa sawit sendiri. Saham yang dibenarkan adalah sejumlah RM5 juta dan saham berbayar adalah sejumlah RM2.93 juta. Perjanjian di tandatangani pada 15 Mac 1995 di antara LLSB dan Ong Chin Lee Associates. Pegangan saham oleh LLSB sebanyak 70% yang melibatkan kos sejumlah RM2.05 juta dan 30% oleh Ong Chin Lee and Associates berjumlah RM0.88 juta. Jumlah pembayaran oleh LLSB adalah sebanyak RM2.05 juta bagi saham dan RM0.50 juta bagi muhibah menjadikan keseluruhan pembayaran adalah sejumlah RM2.55 juta.

Keputusan untuk membuat pelaburan dalam DOPI adalah berdasarkan kepada satu kajian yang dibuat. Hasil kajian tersebut mendapati perkara seperti berikut:

- i) Kajian juru nilai profesional mendapati kos kilang adalah rendah.
- ii) Ia merupakan kilang baru dan telah beroperasi selama 5 bulan.
- iii) Kedudukan tapaknya yang strategik iaitu terletak 25km daripada Ladang Gelong Gajah dan 0.5km daripada jalan raya.
- iv) Keluasan tanah adalah mencukupi untuk pembinaan kilang memproses isirung kelapa sawit. Pada masa ini tiada kilang memproses isirung kelapa sawit di Negeri Perak dan semua hasil terpaksa dihantar ke Pulau Pinang atau Klang, Selangor.
- v) Pengambilalihan adalah daripada pemilik bukan Bumiputera.
- vi) Pulangan balik modal dijangka akan diperoleh dalam tempoh 3 tahun .

Bagaimanapun, pelaburan ini tidak berjaya. Justeru LLSB telah mencadangkan supaya syarikat dibubarkan berdasarkan kepada perkara-perkara seperti berikut :

- i) Kedudukan kilang DOPI yang tidak strategik kerana adanya kilang-kilang lain di dalam lingkungan 100 km radius
- ii) Masalah usia mesin-mesin yang lama dan lusuh menyebabkan kos kendalian meningkat
- iii) Kekurangan bekalan BTS yang mengakibatkan kilang tidak dapat mengoptimumkan masa dan keupayaan beroperasi menyebabkan peningkatan kos
- iv) Kekurangan yang kurang pengalaman untuk mengendalikan kilang
- v) Masalah pusing ganti pekerja yang tinggi
- vi) Kualiti buah yang tidak menentu menyebabkan kadar perahan rendah dan kualiti minyak mentah yang dihasilkan tidak menepati spesifikasi pasaran
- vii) Alatan makmal tidak lengkap dan mencukupi untuk membuat analisa dan penilaian terhadap kehilangan minyak
- viii) Kedudukan hutang syarikat kepada pembekal buah yang tinggi iaitu berjumlah RM10.60 juta.

Sehubungan itu, pada 21 Mei 2002 satu perjanjian jual beli kilang dan tanah telah ditandatangani di antara DOPI dan Kilang Minyak Unik Sdn. Bhd. pada harga

RM4.10 juta. Manakala pada 18 Oktober 2002 satu perjanjian pengurusan ditandatangani bagi membolehkan Kilang Minyak Unik Sdn. Bhd. menguruskan kemudahan pinjaman yang sedia ada iaitu pinjaman tetap berjumlah RM1.60 juta, pinjaman modal pusingan berjumlah RM0.50 juta dan jaminan bank berjumlah RM0.25 juta dan keseluruhannya berjumlah RM2.35 juta.

Semakan Audit seterusnya mendapati DOPI telah memberhentikan operasinya sejak tahun 2003. Laporan Lembaga Pengarah bagi penyata kewangan tahun 2006 menyatakan bahawa pihak pengurusan masih belum mempunyai perancangan masa depan bagi syarikat. Sehingga 31 Disember 2006 kerugian terkumpul syarikat adalah berjumlah RM9.42 juta.

e) Lawan Kuda Tropical Fish Industry Sdn. Bhd.

Lawan Kuda Tropical Fish Industry Sdn. Bhd. (LKTFI) ditubuhkan pada tahun 1995 dengan modal berbayar berjumlah RM0.30 juta dan modal dibenarkan adalah berjumlah RM0.50 juta. Pegangan saham LLSB adalah sebanyak 75% dan lebihan pegangan dimiliki oleh individu iaitu Encik Noor Faadi B. Ahmad Din sebanyak 15%, Encik Tahirudin B. Ahmad sebanyak 8% dan Encik Lew Kim Hoong sebanyak 2%.

Penubuhan LKTFI adalah bertujuan meneroka bidang industri ikan hiasan secara komersial yang mana Perbadanan telah diberikan kelulusan tanah bekas lombong seluas 30 hektar pada tahun 1998 untuk dimajukan sebagai tapak industri ikan hiasan. Tapak industri akan dibahagikan kepada 3 ekar tiap-tiap satu lot, diberi/jual kepada peserta untuk menternak ikan hiasan. Harga jualan satu lot adalah sejumlah RM4,000. Antara faktor yang mendorong LLSB mencebur dalam industri ini adalah:

- i) Meningkatkan tahap perkembangan dan pembangunan industri yang mempunyai potensi di pasaran tempatan dan antara bangsa.
- ii) Menjadikan industri ini berkembang dan berdaya saing di pasaran antarabangsa.
- iii) Mempelbagaikan hasil keluaran sektor pertanian.
- iv) Melahirkan usahawan Bumiputera yang aktif dalam industri ikan hiasan.
- v) Menjadikan industri ini sebagai produk pelancongan Negeri Perak.

Bagi tujuan ini syarikat telah melantik perunding bagi membangunkan industri ini. LKTFI bertanggungjawab memasarkan ikan hiasan yang diusahakan di tapak industri ke seluruh dunia melalui pelan pemasaran yang dijalankan. Pada 30 Januari 1999 Perbadanan telah melantik LKTFI sebagai agen pengurusan bagi keseluruhan projek ternakan ikan hiasan.

Semakan Audit terhadap pengurusan operasi LKTFI mendapati kelemahan seperti berikut:

- i) Wujud masalah dalam pengurusan operasi.
- ii) Masalah utama yang dikenal pasti adalah pengurusan kewangan yang lemah dan tidak telus
- iii) Syarikat berhadapan dengan masalah berkaitan bekalan ikan yang terhad dan kecurian ikan pada waktu malam. Akibatnya LKTFI telah memberhentikan operasi pembiakan ikan-ikan akuarium pada tahun 2002
- iv) Pada 15 Ogos 2007, LKTFI menandatangani perjanjian kontrak sewaan kolam ikan kepada Encik Faadi Bin Din dengan kos sewaan sejumlah RM200 untuk tiga bulan pertama dan RM500 bagi bulan seterusnya. Sehingga 31 Disember 2006 kerugian terkumpul syarikat adalah berjumlah RM1.21 juta
- v) Hasil lawatan Audit ke premis LKTFI mendapati penyewa sedang menjalankan kerja-kerja naik taraf kolam dengan meninggikan dinding kolam ikan seperti di **Foto 15** dan **Foto 16**. Kerja menaikkan dinding kolam ikan ini tidak dimaklumkan kepada LLSB. Merujuk surat perjanjian klausa bahagian tanggungjawab pihak pertama para 3, sebarang cadangan penambahan dan pindaan ke atas tujuan asas yang dibina perlu mendapat kebenaran pihak pertama.


Foto 15

Kerja Menaikkan Dinding Kolam Ikan



Foto 16

Kawasan Pembinaan Kolam Ikan



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 13 Mac 2008

Lokasi : Lawan Kuda Tropical Fish Industry S.B.

- vi) Hasil lawatan Audit seterusnya mendapati semua kolam dan 200 akuarium telah terbiar dan dipenuhi dengan air kotor tanpa ikan seperti di **Foto 17** dan **Foto 18**.

Foto 17

Kolam Yang Terbiar



Foto 18

Bekas Akuarium Yang Terbiar



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 13 Mac 2008

Lokasi : Lawan Kuda Tropical Fish Industry Sdn.Bhd.

Pada pendapat Audit, pengurusan operasi LLSB dalam perladangan kelapa sawit adalah baik dan mampu bersaing berdasarkan kepada perbandingan yang dibuat dengan Laporan MPOB. Bagaimanapun pengurusan operasi LLSB dalam DOPI dan LKFI adalah kurang memuaskan kerana pada ketika pelaburan dibuat LLSB tidak mempunyai kepakaran dan tenaga kerja yang berkemahiran, berpengalaman dan mencukupi bagi tujuan pengurusan operasi menyebabkan syarikat mengalami kerugian dan operasi tidak dapat diteruskan.

17.6 ANALISIS KEWANGAN

Analisis kewangan telah dibuat berdasarkan Penyata Kewangan Ladang Lekir Sdn. Bhd. yang telah diaudit bagi tahun 2004 hingga 2007.

17.6.1 Analisis Trend

Analisis terhadap penyata kewangan LLSB bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 mendapati keuntungan sebelum cukai LLSB menunjukkan trend yang meningkat daripada kerugian sebelum cukai berjumlah RM0.26 juta pada tahun 2005 kepada keuntungan sebelum cukai berjumlah RM2.27 juta pada tahun 2006 dan meningkat kepada RM28.63 juta pada tahun 2007. Peningkatan keuntungan ini berpunca daripada harga kelapa sawit yang tinggi pada tahun 2007 serta pertambahan dalam pendapatan yang diterima sejajar dengan pertambahan dalam kawasan matang yang menghasilkan buah kelapa sawit. Kedudukan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan LLSB bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 47**.

Jadual 47
Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2005 Hingga 2007

Butiran	Tahun		
	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Jumlah Pendapatan	58.08	67.23	103.99
Jumlah Perbelanjaan	56.85	63.67	62.83
Keuntungan Sebelum Cukai	1.23	3.56	41.16
Cukai	1.49	1.29	12.53
Keuntungan/(Kerugian) Selepas Cukai	(0.26)	2.27	28.63

Sumber : Penyata Kewangan LLSB

17.6.2 Analisis Aliran Tunai

Analisis Audit terhadap penyata aliran tunai LLSB bagi tahun 2004 hingga 2007 mendapati aliran tunai LLSB adalah positif sepanjang tempoh 2004 hingga 2007. Trend menunjukkan aliran yang menurun bagi tahun 2005 dan 2006 kemudian meningkat dengan ketara pada tahun 2007. Pada tahun 2004 tunai bersih yang dijanakan daripada operasi adalah sejumlah RM12.95 juta. Bagaimanapun, ianya menunjukkan penurunan pada tahun 2005 dengan aliran tunai adalah sejumlah RM0.99 juta dan meningkat kepada RM10.18 juta pada tahun 2006 dan RM31.99 juta pada tahun 2007. Penurunan mendadak pada tahun 2005 adalah disebabkan pembayaran cukai serta peningkatan dalam pengutang perdagangan. Manakala peningkatan ketara pada tahun 2007 adalah disebabkan pertambahan dalam penghasilan buah kelapa sawit serta peningkatan dalam harga pasaran sawit dunia.

Selain itu, analisis Audit juga mendapati tunai bersih yang digunakan bagi aktiviti pelaburan menunjukkan tunai keluar sejumlah RM18.87 juta pada tahun 2004 menurun kepada RM0.1 juta pada tahun 2005, meningkat kepada RM6.61 juta pada tahun 2006 dan RM6.03 juta pada tahun 2007.

Pada tahun 2004, pertambahan bersih dalam tunai dan setara tunai LLSB adalah sejumlah RM9.68 juta. Bagaimanapun pada tahun 2005 dan 2006 kedudukan tunai LLSB menunjukkan penurunan bersih masing-masing berjumlah RM5.60 juta dan RM3.40 juta. Pada tahun 2007 pertambahan bersih dalam tunai dan setara tunai LLSB meningkat semula sejumlah RM23.09 juta.

Secara keseluruhannya, adalah didapati perbandingan antara tunai masuk yang dijanakan dengan tunai keluar yang digunakan menunjukkan tunai adalah mencukupi bagi menampung urusan perniagaan LLSB secara berterusan walaupun trend tunai yang dijanakan adalah menurun pada tahun 2005 dan 2006 serta meningkat semula pada tahun 2007. Butiran yang berkaitan adalah seperti di **Jadual 48**.

Jadual 48
Penyata Aliran Tunai Tahunan LLSB
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2004 Hingga 2007

Butiran Penyata	Tahun			
	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Tunai Bersih Yang Dijanakan Daripada Operasi	12.95	0.99	10.18	31.99
Tunai Bersih Yang Digunakan Untuk Pelaburan	(18.87)	(0.18)	(6.61)	(6.03)
Tunai Bersih Yang Diterima (Digunakan) Untuk Pembiayaan	15.39	(10.66)	(5.28)	(6.58)
Pertambahan/ (Penurunan) Bersih Dalam Tunai Dan Setara Tunai	9.68	(5.60)	(3.40)	23.09
Tunai Dan Setara Tunai Pada Awal Tahun	7.13	16.81	11.21	7.81
Tunai Dan Setara Tunai Pada Akhir Tahun	16.81	11.21	7.81	30.90

Sumber: Penyata Kewangan LLSB

Sebagai tambahan kepada analisis terhadap penyata aliran tunai nisbah perbelanjaan modal telah dibuat bagi memahami daya maju LLSB dalam usaha berterusan perniagaannya. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan:

a) Nisbah Perbelanjaan Modal

Nisbah perbelanjaan modal merupakan pendekatan untuk menguji kekuatan kewangan sesebuah syarikat iaitu keupayaan syarikat menampung hutang selepas penyenggaraan atau pelaburan dalam loji dan peralatan. Analisis Audit mendapati pada tahun 2005 nisbah perbelanjaan modal LLSB adalah 0.64 berbanding 0.31 pada tahun 2005. Keadaan ini menunjukkan keupayaan LLSB yang lemah dalam menampung pelaburan modalnya. Bagaimanapun nisbah ini telah meningkat kepada 1.47 pada tahun 2006 dan 5.13 pada tahun 2007. Nisbah yang melebihi 1.00 menunjukkan LLSB mempunyai dana yang cukup untuk menampung pelaburan modalnya. Butiran yang berkaitan adalah seperti di **Jadual 49**.

Jadual 49
Aliran Tunai Operasi Berbanding Perbelanjaan Modal LLSB
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2004 Hingga 2007

Tahun	Aliran Tunai Daripada Operasi (RM Juta) (a)	Perbelanjaan Modal (RM Juta) (b)	Nisbah Perbelanjaan Modal (a)/(b)
2004	12.95	20.29	0.64
2005	0.99	3.22	0.31
2006	10.18	6.93	1.47
2007	31.99	6.23	5.13

Sumber: Penyata Kewangan LLSB

17.6.3 Analisis Ekuiti

Analisis ekuiti merupakan nisbah yang digunakan untuk mengukur leveraj kewangan atau menunjukkan peratusan saham ekuiti dalam Lembaran Imbangan bagi sesebuah syarikat. Nisbah yang boleh digunakan untuk tujuan ini adalah hutang atas nisbah ekuiti dan aset atas nisbah ekuiti. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan.

a) Hutang Atas Nisbah Ekuiti

Hutang Atas Nisbah Ekuiti adalah untuk mengukur keupayaan kewangan syarikat iaitu semakin tinggi nisbah, semakin tinggi risiko untuk melabur dalam syarikat tersebut. Analisis Audit bagi tahun kewangan 2004 hingga 2007 mendapati nisbah adalah di antara 1.06 hingga 2.30. Berdasarkan kepada nisbah ini terdapat peningkatan dalam pembiayaan hutang LLSB di mana pada tahun 2007 hutang LLSB dapat dibiayai oleh ekuiti syarikat. Pada umumnya dapat dirumuskan bahawa kedudukan keupayaan kewangan LLSB adalah berisiko sederhana di mana aset LLSB adalah dibiayai daripada pinjaman dan ekuiti. Kedudukan hutang atas nisbah ekuiti adalah seperti di **Jadual 50**.

Jadual 50
Hutang Berbanding Nisbah Ekuiti LLSB
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2004 Hingga 2007

Tahun	Jumlah Liabiliti (RM Juta)	Jumlah Ekuiti (RM Juta)	Nisbah
2004	78.40	37.69	2.08
2005	75.28	32.78	2.30
2006	84.10	39.96	2.10
2007	79.04	74.77	1.06

Sumber : Penyata Kewangan LLSB

b) Aset Atas Nisbah Ekuiti

Aset Atas Nisbah Ekuiti adalah untuk mengukur keupayaan kewangan dan kemampuan bayar syarikat dalam jangka panjang. Nisbah melebihi 2 menunjukkan syarikat menggunakan lebih hutang berbanding ekuiti untuk membiayai asetnya manakala nisbah kurang daripada 2 menunjukkan syarikat menggunakan kurang hutang untuk membiayai asetnya. Analisis Audit bagi tahun kewangan 2004 hingga 2007 mendapati nisbah adalah antara 2.25 hingga 3.30. Berdasarkan nisbah ini, menunjukkan kebanyakan aset LLSB adalah dibiayai melalui hutang / pinjaman dan keupayaan kewangan LLSB adalah berisiko sederhana. Kedudukan aset atas nisbah ekuiti adalah seperti di **Jadual 51**.

Jadual 51
Aset Berbanding Nisbah Ekuiti LLSB
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2004 Hingga 2007

Tahun	Jumlah Aset (RM Juta)	Jumlah Ekuiti (RM Juta)	Nisbah
2004	117.96	37.69	3.13
2005	108.06	32.78	3.30
2006	125.39	39.96	3.14
2007	168.34	74.77	2.25

Sumber : Penyata Kewangan LLSB

17.6.4 Analisis Nisbah

Sebagai tambahan kepada analisis ekuiti, analisis nisbah kewangan merangkumi nisbah semasa, nisbah kecekapan, nisbah keberuntungan dan nisbah kestabilan telah dibuat terhadap butiran pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2004 hingga 2007.

a) Nisbah Semasa

Nisbah semasa adalah digunakan untuk mengukur kecairan syarikat iaitu sejauh mana harta semasa yang ada dapat menampung tanggungan semasa syarikat. Analisis Audit bagi nisbah semasa LLSB bagi tahun kewangan 2004 hingga 2007 adalah antara 0.36 hingga 0.76. Nisbah semasa LLSB meningkat sedikit daripada 0.51 pada tahun 2004 kepada 0.52 pada tahun 2005 dan menurun kepada 0.36 pada tahun 2006 seterusnya meningkat semula kepada 0.76 pada tahun 2007. Ini menunjukkan keupayaan LLSB menampung tanggungannya semakin baik dengan peningkatan dalam jumlah aset semasa berbanding jumlah tanggungan semasa. Kedudukan harta semasa, tanggungan semasa dan nisbah antara keduanya adalah seperti di **Jadual 52**.

Jadual 52
Harta Semasa Berbanding Tanggungan Semasa LLSB
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2004 Hingga 2007

Tahun	Aset Semasa (RM Juta)	Tanggungan Semasa (RM Juta)	Nisbah
2004	27.87	54.88	0.51:1
2005	26.26	50.69	0.52:1
2006	22.23	62.24	0.36:1
2007	47.83	63.02	0.76:1

Sumber: Penyata Kewangan LLSB

b) Nisbah Kecekapan

Nisbah Kecekapan digunakan untuk menilai kecekapan pengurusan syarikat dan menunjukkan kedudukan modal kerja serta tempoh syarikat membuat kutipan dan menjelaskan hutangnya. Untuk tujuan tersebut Nisbah Pusing Ganti Akaun Belum Terima telah dipilih sebagai pendekatan bagi menilai kecekapan pengurusan syarikat. Semakin tinggi pusingan ganti, semakin baik dan cepat syarikat memperoleh kutipan dan menjelaskan hutangnya. Analisis Audit mendapat nisbah

pusing ganti Akaun Belum Terima LLSB pada tahun 2004 ialah 4.97 kali berbanding 4.93 kali pada tahun 2005, meningkat kepada 6.28 kali pada tahun 2006 dan seterusnya meningkat kepada 8.64 kali pada tahun 2007. Ini menunjukkan keupayaan mengutip hutang LLSB adalah baik dan menunjukkan peningkatan berterusan daripada tahun 2004 ke tahun 2007. Kedudukan jualan, akaun belum terima dan nisbah antara keduanya adalah seperti di **Jadual 53**.

Jadual 53
Jualan Berbanding Akaun Belum Terima LLSB
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2004 Hingga 2007

Tahun	Jualan (RM Juta)	Akaun Belum Terima (RM Juta)	Nisbah
2004	42.51	8.55	4.97
2005	54.97	11.16	4.93
2006	66.62	10.61	6.28
2007	103.56	11.98	8.64

Sumber: Penyata Kewangan LLSB

c) Nisbah Pulangan Atas Jualan

Nisbah Pulangan Atas Jualan digunakan bagi mengukur peratusan keuntungan yang diperoleh daripada setiap ringgit hasil jualan yang dipungut. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan hasil memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit terhadap Nisbah Pulangan Atas Jualan LLSB bagi tahun 2004 mendapati margin keuntungan adalah 23 sen berbanding dengan margin keuntungan berjumlah 2 sen pada tahun 2005, 5 sen pada tahun 2006 dan meningkat kepada 40 sen pada tahun 2007. Peningkatan nisbah ini menunjukkan LLSB telah meningkatkan keupayaannya bagi menjana keuntungan syarikat dengan lebih baik pada tahun 2007 berbanding tahun sebelumnya. Kedudukan nisbah ini adalah seperti di **Jadual 54**.

Jadual 54
Keuntungan Berbanding Jualan LLSB Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2004 Hingga 2007

Tahun	Keuntungan Sebelum Cukai (RM Juta)	Jualan (RM Juta)	Nisbah Untung
2004	10.97	42.51	0.23
2005	1.23	54.97	0.02
2006	3.56	66.62	0.05
2007	41.16	103.56	0.40

Sumber: Penyata Kewangan LLSB

d) Nisbah Kestabilan

Nisbah Kestabilan digunakan bagi menilai kestabilan syarikat dan perhubungan jumlah aset dengan hutang yang ditanggung. Nisbah 0.5 meletakkan syarikat dalam kedudukan yang munasabah. Kestabilan syarikat semakin meningkat dengan

penurunan nisbah. Bagi maksud ini Nisbah Hutang telah dipilih untuk menunjukkan perhubungan jumlah aset dengan hutang yang ditanggung oleh LLSB. Analisis Audit mendapati Nisbah Hutang LLSB bagi tempoh tahun 2004 hingga 2007 adalah antara 0.70 dan 0.47 dan ini menunjukkan pada tahun 2007, LLSB berada dalam kedudukan yang stabil serta mampu menjelaskan hutangnya dengan jumlah aset yang ada. Bagaimanapun LLSB masih boleh meningkatkan keupayaan kewangannya. Kedudukan jumlah hutang, jumlah aset dan nisbah antara keduanya adalah seperti di **Jadual 55**.

Jadual 55
Kedudukan Hutang, Aset LLSB Dan Nisbahnya
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2004 Hingga 2006

Tahun	Jumlah Hutang (RM Juta)	Jumlah Aset (RM Juta)	Nisbah Hutang
2004	78.40	117.96	0.66
2005	75.28	108.06	0.70
2006	84.10	125.39	0.67
2007	79.04	168.34	0.47

Sumber: Penyata Kewangan LLSB

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan LLSB adalah memuaskan. Bagaimanapun LLSB perlu meningkatkan usaha untuk memperkuuhkan kedudukan kewangannya. Pendapatan bagi Kumpulan LLSB akan terus meningkat seiring dengan pertambahan dalam pengeluaran buah tandan segar kelapa sawit yang dihasilkan serta peningkatan dalam permintaan terhadap minyak sawit di pasaran. Bagaimanapun, kos juga dijangka meningkat berikutan usia pokok yang sudah mencapai 25 tahun bagi ladang kelapa sawit bagi Sungai Selingsing dan Gelong Gajah. Justeru Syarikat perlu membuat perancangan penanaman semula kelapa sawit. Selain itu, Syarikat juga terpaksa menampung kos pengurusan bagi 2 Syarikat yang telah diberhentikan operasinya.

17.7 PEMANTAUAN

Bagi memastikan pengurusan perniagaan syarikat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, LLSB memantau melalui laporan bulanan yang disediakan oleh pengurusan dan lawatan serta mendapatkan khidmat nasihat perunding.

17.7.1 Peringkat LLSB

LLSB telah melantik wakil Kerajaan dalam menjalankan peranan dan tanggungjawab mengikut peraturan yang telah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1982. Segala laporan berkenaan perjalanan syarikat telah dibincangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah LLSB.

17.7.2 Peringkat Ladang/Syarikat

Semakan Audit mendapati LLSB memantau perjalanan aktiviti perladangan melalui lawatan ke ladang kelapa sawit di Ladang Sungai Selinsing dan Ladang Gelong Gajah. Selain itu, LLSB juga memantau perjalanan operasi syarikat melalui mesyuarat pengurusan yang dihadiri oleh pengurus ladang serta laporan prestasi ladang yang dikemukakan setiap bulan.

17.7.3 Khidmat Nasihat Perunding

Bagi menjamin kualiti pengeluaran buah kelapa sentiasa berada pada tahap yang baik, LLSB mendapatkan khidmat nasihat dan pandangan daripada Penasihat Ladang *Guthrie Plantation & Agricultural Services Sdn. Bhd.* Ianya merangkumi perkara berkaitan penggunaan baja, pembersihan kawasan, penggunaan tenaga kerja, penuaian hasil buah kelapa sawit dan rancangan penanaman semula.

Pada pendapat Audit, proses pemantauan yang dilaksanakan oleh LLSB adalah baik. LLSB perlu mengambil tindakan terhadap pandangan penasihat ladang bagi memastikan jaminan kualiti pengeluaran buah kelapa sawit.

18. RUMUSAN DAN SYOR

Secara keseluruhannya, LLSB merupakan sebuah syarikat yang berpotensi untuk terus maju terutamanya dalam bidang perladangan kelapa sawit. Ianya bersesuaian dengan objektif penubuhan LLSB untuk menjadi penggerak utama pertumbuhan industri perladangan kelapa sawit di Negeri Perak. Galakan Kerajaan kepada pembangunan sektor perindustrian berdasarkan tani serta permintaan yang tinggi terhadap hasil sawit membolehkan LLSB terus maju. Pengkhususan dalam bidang perladangan kelapa sawit harus diberi keutamaan kerana penglibatan LLSB dalam bidang lain tidak menampakkan kejayaan. Adalah disyorkan syarikat mengambil tindakan seperti berikut bagi meningkatkan lagi prestasi syarikat:

- a) Mengkaji semula rancangan korporat selaras dengan Visi dan Misi LLSB supaya relevan, berdaya saing dan mampu dicapai.
- b) Peranan dan tanggungjawab Ahli Lembaga Pengarah perlu jelas dan disediakan secara bertulis.
- c) Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan dengan lebih kerap bagi memantau syarikat dengan lebih berkesan terutama syarikat yang tidak berpotensi lagi.
- d) Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan ditubuhkan segera bagi memantau perjalanan syarikat.
- e) Menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko bagi mengkaji dan mengenal pasti risiko dan potensi syarikat.
- f) Melaksanakan Kajian Kemungkinan dengan segera terhadap pelaburan di PPWS dan mengaktifkan Jawatankuasa Pelaburan.
- g) Pembangunan kawasan baru di Indonesia perlu dikaji semula memandangkan tempoh pajakan yang berbaki kurang dari 23 tahun dan tempoh matang 4 tahun.

BAHAGIAN VI
PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM
DAN PIHK BERKUASA TEMPATAN

19. PENDAHULUAN

Selain daripada mengaudit penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Jabatan Audit Negara juga mengaudit akaun Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pengauditan meliputi semakan terhadap pengurusan kewangan dan aktiviti Agensi.

20. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN

Ketua Audit Negara bertanggungjawab melaksanakan pengauditan terhadap 14 Badan Berkanun Negeri, 1 Majlis Agama Islam dan 15 Pihak Berkuasa Tempatan. Daripada jumlah tersebut, Ketua Audit Negara telah melantik Firma Audit Swasta mengaudit 8 Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri dan 14 Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan. Pelantikan Firma Audit Swasta ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 7(3), Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk melantik pihak berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau. Kerja pengauditan yang dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta sentiasa dipantau oleh Jabatan Audit Negara melalui penyediaan Memorandum Perancangan Audit, lawatan dan perbincangan antara pihak Firma Audit Swasta dengan pegawai Jabatan Audit Negara serta penyediaan Borang Semakan yang perlu disertakan bersama Laporan Akhir yang dihantar kepada Jabatan Audit Negara.

21. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

21.1 Penyerahan Penyata Kewangan bagi 14 Badan Berkanun Negeri adalah tertakluk di bawah Enakmen yang ditetapkan. Bagi penyerahan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, ia tertakluk di bawah Seksyen 60(1), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan bagi Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak pula, termaktub di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2004. Secara keseluruhannya, kemajuan dapat dilihat dari aspek penyerahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Penyerahan Penyata Kewangan bagi Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak menunjukkan kemajuan kerana sehingga 31 Januari 2008, kesemua Agensi dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak telah mengemukakan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2006. Sehingga 31 Mei 2008, dua agensi telah mengemukakan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007.

21.2 Penyata Kewangan bagi 15 Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 telah diterima dan selesai diaudit pada 31 Disember 2007. Kemajuan ini adalah hasil usaha Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang menyelaras dan memantau secara berterusan terhadap Pihak Berkuasa Tempatan untuk memastikan penyerahan Penyata Kewangan mengikut tempoh yang ditetapkan. Sehingga 31 Mei 2008, sebanyak 2 Pihak Berkuasa Tempatan telah mengemukakan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007.

21.3 Sehingga 31 Disember 2007, sejumlah 13 Badan Berkanun Negeri, sebuah Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak dan kesemua Pihak Berkuasa Tempatan telah menyerahkan Penyata Kewangan Tahun 2006 untuk diaudit. Kedudukan terperinci mengenai penyerahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan sehingga **31 Mei 2008** adalah seperti di **Lampiran VI**.

21.4 Bagi memastikan penyata kewangan dapat disediakan dan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara mengikut tempoh yang ditetapkan oleh undang-undang, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah disyorkan mengambil tindakan berikut:

- a) Badan Berkanun Negeri mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan syarikat subsidiari dan bersekutunya mengemukakan akaun dengan lebih awal untuk membolehkan penyatuan akaun dapat dibuat sebelum bulan April tahun berikutnya, memastikan rekod kewangan sentiasa diselenggarakan dengan kemas kini dan teratur;
- b) Penyeliaan yang rapi dibuat terhadap kakitangan yang mengendalikan urusan akaun;
- c) Pemantauan hendaklah dilakukan dengan membincangkan isu pengurusan kewangan dan akaun sebagai salah satu perkara tetap dalam agenda mesyuarat;
- d) Memberikan latihan berkaitan pengurusan kewangan/ akaun yang berterusan kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan urusan kewangan dan akaun; dan
- e) Menggunakan khidmat akauntan swasta jika perlu untuk menyediakan penyata kewangan.

22. PERSIJILAN PENYATA KEWANGAN

22.1 Pada tahun 2007 sebanyak 21 Penyata Kewangan Tahun 2006 dan 11 penyata kewangan tahun 2005 serta satu penyata kewangan tahun 2004 telah diaudit dan dikeluarkan Sijil. Sebanyak 26 penyata kewangan telah diberi Sijil Audit Tanpa Teguran manakala 7 lagi telah memperoleh Sijil Audit Berteguran. Sijil Audit Berteguran dikeluarkan kepada Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan kerana tidak mematuhi piawaian perakaunan dan peraturan kewangan serta penyelenggaraan rekod perakaunan yang tidak memuaskan. Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang menerima Sijil Berteguran adalah seperti di **Jadual 56**.

Jadual 56
Badan Berkanun Negeri Dan Pihak Berkuasa Tempatan
Yang Menerima Persijilan Berteguran

Bil.	Agensi	Tahun Akaun
Badan Berkanun Negeri		
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	2004 & 2005
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	2005 & 2006
3.	Kolej Islam Negeri Perak	2005
Pihak Berkuasa Tempatan		
1.	Majlis Bandaraya Ipoh	2006
2.	Majlis Daerah Perak Tengah	2006

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

22.2 Semakan Audit terhadap Penyata Kewangan bagi Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan menunjukkan peningkatan pematuhan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Isu-isu yang dibangkitkan dalam Sijil Berteguran adalah seperti berikut:

- a) Jumlah harta di Lembaran Imbangan tidak dapat disahkan kerana ketiadaan dokumen sokongan bagi menyokong kewujudannya;
- b) Baki hutang antara syarikat dan Kumpulan tidak dapat diselaraskan semasa penyatuan Penyata Kewangan; dan
- c) Rekod perakaunan tidak disediakan seperti lejar am, lejar individu pemutang, akaun pendapatan, baucar bayaran, Daftar Harta Modal dan penyata penyesuaian.

23. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, Penyata Kewangan Agensi Negeri hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri di Negeri Perak, Penyata Kewangan bagi 9 daripada 14 Badan Berkanun Negeri perlu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Selain itu, kesemua 15 Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan tahun 2005 telah dibentangkan semasa sidang Dewan Undangan Negeri pada 22 Ogos 2007 manakala bagi Penyata Kewangan tahun 2006 masih belum dibentangkan. Butiran terperinci berkaitan Penyata Kewangan Agensi yang belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri adalah seperti di **Jadual 57**.

Jadual 57
Kedudukan Penyata Kewangan Agensi Negeri Yang Belum Dibentangkan
Di Dewan Undangan Negeri Sehingga 31 Mei 2008

Bil.	Nama Agensi	Tahun Penyata Kewangan Belum Dibentangkan	Bil. Penyata
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	1997 hingga 2006	10
2.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	2006	1
3.	Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Perak	2001 hingga 2006	6
4.	Lembaga Muzium Negeri Perak	2003 hingga 2006	4
5.	Kolej Islam Darul Ridzuan	2001 hingga 2006	6
6.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	2005 hingga 2006	2
7.	Lembaga Air Perak	2005 hingga 2006	2
8.	Yayasan Perak	2006	1
9.	Perbadanan Taman Negeri Perak	2005	1

Sumber : Rekod Jabatan

24. PRESTASI KEWANGAN

24.1 Analisis Audit terhadap Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 mendapati 10 Agensi termasuk Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak memperoleh surplus berjumlah RM172.74 juta, manakala 1 Agensi mengalami defisit berjumlah RM4.23 juta. Semakan selanjutnya mendapati harta semasa bersih bagi 14 Agensi termasuk Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak menunjukkan baki bersih antara RM0.12 juta hingga RM257.54 juta. Kedudukan terperinci mengenai prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri yang terlibat adalah seperti di **Jadual 58**.

Jadual 58

**Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2006**

Bil.	Nama Badan Berkanun Negeri/ Majlis Agama Islam	Penyata Pendapatan Berakhir 31 Disember 2006			Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2006		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Harta Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Harta Semasa Bersih (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	135.49	64.08	71.41	369.40	111.86	257.54
2.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	29.80	15.94	13.86	67.48	25.01	42.47
3.	Lembaga Air Perak	266.96	191.90	75.06	275.71	184.33	91.38
4.	Yayasan Perak	3.25	3.17	0.08	14.46	4.38	10.08
5.	Tabung kumpulan Wang Kebajikan dan Pendidikan Yayasan Perak	1.03	3.49	(2.46)	12.55	0.01	12.54
6.	Kolej Islam Darul Ridzuan	4.02	3.77	0.25	1.32	0.89	0.43
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	5.91	4.75	1.16	1.38	1.07	0.31
8.	Majlis Sukan Negeri Perak	5.07	6.44	(1.37)	7.16	0.11	7.05
9.	Lembaga Muzium Negeri Perak	0.37	0.76	(0.39)	0.31	-	0.31
10.	Lembaga Kemajuan Penanam Padi Perak	0.02	-	0.02	1.09	0.01	1.08
11.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Anak Melayu Perak	1.02	-	1.02	23.73	0.01	23.72
12.	Kumpulan Wang Biasiswa Rakyat Negeri Perak (Bukan Melayu)	-	-	-	8.32	-	8.32
13.	Amanah, Agama Khairat Sultan Idris Kuala Kangsar	0.22	0.08	0.14	0.71	0.05	0.66
14.	Perbadanan Taman Negeri	0.40	0.40	(0.01)	0.12	-	0.12
15.	Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak	38.51	28.77	9.74	60.60	4.66	55.94

Sumber : Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak Tahun 2006

TB – Tidak Berkaitan

24.2 Analisis Audit terhadap Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 mendapati 10 Majlis memperoleh surplus berjumlah RM16.59 juta manakala 5 Majlis mengalami defisit berjumlah RM6.97 juta. Semakan selanjutnya mendapati harta semasa bersih bagi 15 Pihak Berkuasa Tempatan menunjukkan baki bersih antara RM0.36 juta hingga RM38.87 juta. Kedudukan terperinci mengenai prestasi kewangan Agensi yang terlibat adalah seperti di **Jadual 59**.

Jadual 59
Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2006

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Penyata Pendapatan Berakhir 31.12.2006			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2006		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Harta Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Harta Semasa Bersih (RM Juta)
1.	Majlis Bandaraya Ipoh	114.84	108.10	6.74	53.29	14.42	38.87
2.	Majlis Perbandaran Taiping	38.89	41.67	(2.78)	17.56	9.57	7.99
3.	Majlis Perbandaran Manjung	24.65	25.89	(1.24)	11.59	4.51	7.08
4.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	12.46	13.38	(0.92)	4.41	2.38	2.03
5.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	12.81	12.58	0.23	7.35	1.78	5.57
6.	Majlis Daerah Kerian	9.49	8.74	0.75	4.88	1.17	3.71
7.	Majlis Daerah Tanjung Malim	10.55	8.07	2.48	9.15	2.00	7.15
8.	Majlis Daerah Tapah	6.59	5.37	1.22	4.77	1.64	3.13
9.	Majlis Daerah Gerik	3.13	3.11	0.02	1.11	0.36	0.75
10.	Majlis Daerah Selama	3.90	3.88	0.02	0.54	0.18	0.36
11.	Majlis Daerah Perak Tengah	6.25	8.02	(1.77)	6.56	5.04	1.52
12.	Majlis Daerah Lenggong	2.37	2.22	0.15	0.77	0.39	0.38
13.	Majlis Daerah Kinta Selatan	9.11	7.84	1.27	10.78	1.54	9.24
14.	Majlis Daerah Kinta Barat	10.20	6.49	3.71	22.07	1.09	20.98
15.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	2.01	2.27	(0.26)	1.13	0.15	0.98

Sumber : Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2006

25. ANALISIS TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN

Penyata Kewangan bagi 15 Pihak Berkuasa Tempatan menunjukkan tunggakan cukai taksiran pada 31 Disember 2006 berjumlah RM52.71 juta. Analisis terhadap tunggakan cukai taksiran mendapati 14 daripada 15 Majlis menunjukkan peningkatan tunggakan cukai taksiran antara RM0.01 juta hingga RM0.40 juta manakala Majlis Perbandaran Manjung menunjukkan penurunan sejumlah RM0.05 juta. Antara sebab peningkatan tunggakan cukai taksiran ialah bertambahnya bilangan harta dan pegangan baru di kawasan Majlis serta kegagalan pemegang harta menjelaskan cukai taksiran mengikut tempoh yang ditetapkan. Kedudukan terperinci tunggakan cukai taksiran adalah seperti di **Jadual 60**.

Jadual 60
Tunggakan Cukai Taksiran Pada 31 Disember 2006

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tunggakan Cukai Taksiran		Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
		31.12.2005 (RM Juta)	31.12.2006 (RM Juta)	
1.	Majlis Bandaraya Ipoh	23.81	24.12	0.31
2.	Majlis Perbandaran Taiping	3.88	4.20	0.32
3.	Majlis Perbandaran Manjung	4.13	4.08	(0.05)
4.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	1.39	1.78	0.39
5.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	1.14	1.16	0.02
6.	Majlis Daerah Kerian	1.38	1.70	0.32
7.	Majlis Daerah Tanjung Malim	3.76	4.16	0.40
8.	Majlis Daerah Tapah	1.76	1.92	0.16
9.	Majlis Daerah Gerik	0.19	0.24	0.05
10.	Majlis Daerah Selama	0.11	0.14	0.03
11.	Majlis Daerah Perak Tengah	1.46	1.84	0.38
12.	Majlis Daerah Lenggong	0.16	0.17	0.01
13.	Majlis Daerah Kinta Selatan	2.25	2.64	0.39
14.	Majlis Daerah Kinta Barat	4.26	4.43	0.17
15.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	0.12	0.13	0.01
Jumlah		49.80	52.71	2.91

Sumber : Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2006

BAHAGIAN VII
TINDAKAN SUSULAN TERHADAP LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

26. PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2006 YANG MASIH BELUM SELESAI

Bahagian ini melaporkan kedudukan masa kini perkara berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006. Pemeriksaan susulan dibuat terhadap 6 Jabatan dan Agensi berkenaan bagi memastikan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 61**.

Jadual 61

Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006 Mengenai Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
1.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH MANJUNG (PDTM)			
	15.1.1 b) c)	KAWALAN PENGURUSAN Manual Prosedur Kerja Manual Prosedur Kerja (MPK) tidak disediakan mengikut kehendak pekeliling yang ditetapkan. Fail Meja 27 Fail Meja tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini.	MPK telah disediakan dengan teratur. Semakan terhadap 7 daripada 27 Fail Meja mendapati Fail Meja masih belum dikemas kini.	Tindakan diambil adalah memuaskan. Tindakan proaktif perlu diambil oleh PDTM bagi memastikan fail meja teratur dan kemas kini.

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
	d) 15.1.2 a)(i) a)(ii) h)(i)	<p>Penurunan Kuasa Secara Bertulis Penurunan kuasa menulis dan menandatangani buku resit tidak dikeluarkan kepada pegawai yang menjalankan tugas kewangan.</p> <p>KAWALAN HASIL</p> <p>Buku Resit/Lesen Tidak Dikemukakan Untuk Semakan Pemeriksaan di Bahagian Pelupusan mendapati 9 buku Lesen Pendudukan Sementara dan 34 helai resit paragon (Kew.37) yang belum digunakan tidak dikemukakan untuk semakan.</p> <p>Borang Hasil Belum Guna Dan Usang 1 buku resit (P.P. 4 Borang E - Perakuan Perkahwinan) dan 1,258 helai resit paragon (Kew. 37) belum guna dan usang di Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Pelupusan masih disimpan dalam stok.</p> <p>Laporan Tuggakan Hasil Pelbagai Laporan Tuggakan Hasil Pelbagai yang disediakan tidak tepat kerana terdapat sejumlah RM5,600 hasil sewa kantin masih tidak dijelaskan oleh Kelab PETANDA sehingga 31 Disember 2005.</p>	<p>Semakan Audit mendapati surat penurunan kuasa kepada pegawai yang menjalankan tugas kewangan telah disediakan.</p> <p>Bagi 9 buku resit Lesen Menduduki Sementara (NCL 3A) laporan kehilangan telah dibuat kepada pihak Polis pada 17 Julai 2007.</p> <p>Tindakan pelupusan resit paragon (Kew. 37) telah diambil.</p> <p>Tiada tindakan diambil.</p>	<p>Tindakan diambil adalah memuaskan.</p> <p>Tindakan susulan perlu dilaksanakan.</p> <p>Perkara ini telah selesai.</p> <p>Tindakan segera perlu diambil oleh PDTM bagi memastikan Laporan Tuggakan Hasil Pelbagai adalah tepat.</p>

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
	h)(ii)	<p>Laporan Tunggakan Hasil Tanah</p> <p>Laporan Tunggakan Hasil Tanah bagi tahun 2005 dan 2006 tidak disediakan.</p> <p>Pengurusan Sewa Kantin</p> <p>Surat perjanjian sewa kantin antara Pejabat dan Kelab PETANDA tidak disediakan.</p> <p>Pejabat tidak pernah mengambil tindakan untuk mengutip jumlah sewaan yang tertunggak sejak tahun 2000.</p> <p>Sehingga tarikh semakan Audit mendapati tunggakan sewaan kantin berjumlah RM6,000 tidak dijelaskan oleh Kelab PETANDA kepada Pejabat sedangkan Kelab telah menerima hasil sewaan kantin daripada penyewa.</p> <p>Daftar bagi merekodkan maklumat penyewa dan bayaran kantin tidak di selenggara.</p>	<p>Laporan Tunggakan Hasil Tanah bagi 2005 dan 2006 telah disediakan. Bagi tahun 2007, laporan telah dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri pada 16 Julai 2007 dan 12 Feb 2008.</p> <p>Surat Perjanjian Perkhidmatan Kantin telah dibuat bagi tempoh 14 Disember 2007 hingga 30 November 2009.</p> <p>Tiada tindakan yang diambil.</p> <p>Tiada tindakan yang diambil.</p> <p>Daftar telah disediakan.</p>	<p>Tindakan diambil adalah memuaskan.</p> <p>Tindakan diambil adalah memuaskan.</p> <p>Tindakan mengutip tunggakan hendaklah dibuat segera bagi mengelakkan kerugian di pihak Kerajaan di bawah Akta Had Masa.</p> <p>Tindakan segera perlu diambil bagi memastikan sewa dibayar seperti mana mengikut surat perjanjian.</p> <p>Tindakan diambil adalah memuaskan.</p>

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
	15.1.3	<p>KAWALAN PERBELANJAAN</p> <p>d) Keluaran Pesanan Kerajaan Pesanan Kerajaan lewat dikeluarkan antara 4 hingga 66 hari.</p> <p>e) Perakuan Penerimaan Barang Terdapat Pesanan Kerajaan yang tidak ada catatan di ruangan perakuan sama ada: <i>Barang-barang yang dipesan telah diterima dan *dikeluarkan untuk terus digunakan/*disimpan dan dibukukan dalam Lejar stor No. folio.....</i> <i>Kerja yang dibutirkan di atas telah dilaksanakan dengan memuaskan.</i></p> <p>j) Panjar Khas– Tabung Bencana Negeri Perak Buku Tunai Panjar Khas mendapati buku tunai tersebut tidak diselenggara dengan teratur.</p> <p>Penyata Bulanan Panjar dan Penyata Penyesuaian Bank bagi bulan Julai hingga Oktober 2006 yang dikemukakan kepada Pejabat Kewangan Negeri tidak tepat kerana tidak menunjukkan kedudukan panjar yang sebenar iaitu RM30,000.</p>	<p>Semakan terhadap 5 sampel Pesanan Kerajaan yang terkini mendapati 2 daripada sampel tersebut menunjukkan kelewatan antara 4 hingga 9 hari.</p> <p>Semakan terhadap sampel Pesanan Kerajaan yang dipilih mendapati masih terdapat Pesanan Kerajaan yang belum diambil tindakan.</p>	<p>Pemantauan pihak pengurusan secara berterusan perlu bagi mengelakkan perkara yang sama berulang.</p> <p>Tindakan diambil adalah memuaskan.</p> <p>Tindakan segera perlu diambil.</p> <p>Penyata penyesuaian perlu disediakan dengan tepat. Latihan hendaklah diberi kepada kakitangan terbabit</p>

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
	15.1.4	<p>PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT</p> <p>Deposit Tanah</p> <p>Pembelian harta modal dan inventori pada tahun 2006 tidak di rekod dalam kad harta modal dan inventori.</p> <p>Maklumat di daftar stok bekalan pejabat tidak dicatat dengan lengkap.</p> <p>Semakan Audit terhadap senarai baki deposit tanah, deposit tunggakan cukai tanah dan deposit pra-bayar yang disediakan pada 31 Disember 2005 mendapati bakinya berbeza dengan baki buku tunai.</p> <p>Cukai Tanah tahun Pertama</p> <p>Semakan terhadap senarai baki deposit pada 31 Disember 2005 mendapati cukai tanah tahun pertama berjumlah RM2.53 juta belum dipindah ke akaun hasil.</p> <p>Deposit Tidak Bergerak</p> <p>i) Deposit RPA Semua bayaran balik ansuran telah selesai tetapi wang deposit masih belum dibayar balik kepada pendeposit berkenaan.</p>	<p>Tiada tindakan diambil.</p> <p>Maklumat masih tidak dikemas kini.</p> <p>Senarai baki deposit yang berbeza telah dibetulkan dengan baki buku tunai. Senarai deposit yang tidak bergerak telah diwartakan sebagai hasil kerajaan Negeri.</p> <p>Kesemua baki berjumlah RM2.53 juta telah dipindah ke akaun hasil.</p> <p>Tindakan permohonan untuk pewartaan telah dilakukan.</p>	<p>Tindakan merekod pembelian perlu dilaksanakan segera bagi mengelakkan kejadian tidak diingini berlaku.</p> <p>Tindakan untuk mengemas kini daftar perlu diambil segera.</p> <p>Tindakan diambil adalah memuaskan.</p> <p>Tindakan diambil adalah memuaskan.</p> <p>Tindakan diambil adalah memuaskan.</p>

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
		<p>ii) Deposit Tanah Tindakan perlu diambil untuk menyemak semula senarai baki deposit berjumlah RM3.23 juta pada 31 Disember 2005 bagi mengenal pasti keperluannya untuk mematuhi AP 162.</p> <p>15.1.5 PENGURUSAN ASET</p> <p>b) Penyelenggaraan Daftar Harta Modal, Inventori Dan Bekalan Pejabat</p> <p>Maklumat di kad harta modal dan inventori tidak dicatat dengan lengkap.</p> <p>Terdapat inventori dicatatkan di dalam kad harta modal.</p> <p>g) Penyelenggaraan Buku Log</p> <p>Salinan asal buku log tidak diasingkan atau disimpan di Pejabat untuk tujuan semakan.</p> <p>Tiada bukti buku log disemak oleh Pegawai Pengangkutan atau pegawai yang diberi kuasa.</p> <p>Ringkasan penggunaan bahan api bulanan tidak disediakan bagi 3 kenderaan.</p>	<p>Jumlah akaun deposit sehingga 12 Mac 2008 adalah RM796,939.65. Sebanyak RM104,064.50 daripada nilai tersebut telah dibuat tindakan permohonan pewartaan.</p> <p>Maklumat telah dikemas kini.</p> <p>Tiada tindakan diambil.</p> <p>Tiada tindakan diambil.</p> <p>Masih belum diambil tindakan penyemakan.</p> <p>Tindakan penyediaan ringkasan penggunaan bahan api masih belum dibuat.</p>	<p>Tindakan diambil adalah memuaskan.</p> <p>Perkara ini telah selesai.</p> <p>Tindakan memindahkan maklumat data harta modal ke daftar inventori perlu diambil dengan segera.</p> <p>Tindakan mengasingkan salinan asal buku log untuk semakan perlu diambil segera.</p> <p>Pegawai pengangkutan perlu menyemak buku log setiap minggu.</p> <p>Penyediaan ringkasan penggunaan bahan api perlu disediakan setiap bulan bagi semua kenderaan.</p>

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
	i)	<p>Nama dan tandatangan pegawai yang memberi kuasa bagi 3 kenderaan tidak dicatat.</p> <p>Buku log bagi setiap mesin seperti mesin rumput yang menggunakan bahan api tidak di selenggara.</p> <p>Kawalan Kad Inden Minyak</p> <p>Buku rekod pergerakan Kad Inden tidak di selenggara.</p> <p>Tiada bukti pemeriksaan dijalankan terhadap Penyata Pembelian Minyak Bulanan.</p>	<p>Tiada tindakan diambil.</p> <p>Tiada tindakan diambil.</p>	<p>Tandatangan pegawai yang memberi kuasa perlu bagi mengelakkan penyalahgunaan kenderaan.</p> <p>Buku log bagi mesin perlu disediakan dan penggunaan diisi berdasarkan ‘hour run’.</p>
	m)	<p>Pelupusan Harta Modal Dan Inventori</p> <p>Tiada tindakan pelupusan terhadap 17 harta modal yang berkeadaan buruk dan tidak digunakan lagi.</p>	<p>Buku rekod Kad Inden telah diselenggara.</p> <p>Tiada tindakan diambil.</p>	<p>Tindakan diambil adalah memuaskan.</p> <p>Pemeriksaan bulanan pembelian minyak perlu dilakukan bagi mengesahkan pembayaran yang dibuat.</p>
2.	JABATAN PERTANIAN NEGERI			
	19.1	<p>KAWALAN PENGURUSAN</p> <p>MPK tidak lengkap dan tidak kemas kini.</p>	<p>MPK masih tidak lengkap dan tidak kemas kini.</p>	<p>Tindakan mengemas kini MPK perlu diambil segera.</p>

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
	19.4	<p>Fail Meja tidak lengkap dan kemas kini.</p> <p>PENGURUSAN ASET</p> <p>Daftar Harta Modal dan inventori tidak diselenggara dengan lengkap.</p> <p>Pemeriksaan fizikal harta modal tidak dibuat.</p> <p>Pelantikan Pegawai Pengangkutan secara bertulis.</p> <p>Buku log kenderaan tidak lengkap.</p>	<p>Fail Meja telah lengkap dan kemas kini.</p> <p>Daftar Harta Modal dan inventori telah diselenggara dengan lengkap.</p> <p>Pemeriksaan fizikal harta modal telah dibuat.</p> <p>Pelantikan Pegawai Pengangkutan secara bertulis telah dibuat.</p> <p>Buku log kenderaan telah lengkap.</p>	<p>Tindakan diambil adalah memuaskan.</p>
3. SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI PERAK				
	19.1	<p>KAWALAN PENGURUSAN</p> <p>Fail Meja tidak lengkap dan kemas kini.</p> <p>Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun bermesyuarat sekurang-kurangnya 3 bulan sekali.</p>	<p>Fail Meja telah lengkap dan kemas kini.</p> <p>Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun telah bermesyuarat setiap 3 bulan.</p>	<p>Tindakan diambil adalah memuaskan.</p> <p>Tindakan diambil adalah memuaskan.</p>
	19.4	<p>PENGURUSAN ASET</p> <p>Daftar Harta Modal dan inventori tidak diselenggara dengan lengkap.</p> <p>Pemeriksaan fizikal harta modal tidak dibuat.</p>	<p>Daftar Harta Modal dan inventori telah diselenggara dengan lengkap.</p> <p>Pemeriksaan fizikal harta modal telah dibuat.</p>	<p>Tindakan diambil adalah memuaskan.</p> <p>Tindakan diambil adalah memuaskan.</p>

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit																	
4.	PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK																				
	<p>32.1</p> <p>32.1.1</p> <p>KAWALAN PENGURUSAN</p> <p>Struktur Organisasi</p> <p>58 daripada 298 perjawatan masih belum diisi oleh Perbadanan</p> <p>32.1.4</p> <p>Penurunan Kuasa Secara Bertulis</p> <p>Penurunan kuasa hanya dinyatakan berdasarkan jawatan.</p> <p>32.2</p> <p>a)</p> <p>KAWALAN PERBELANJAAN</p> <p>Kedudukan Aliran Tunai</p> <p>Kedudukan aliran tunai pada 31 Disember 2006 adalah berbaki defisit. Sepanjang tahun 2006 , wang di bank didapati berbaki negatif 10 dari 12 bulan.</p>	<p>Kekosongan jawatan adalah 83 daripada 298 jawatan yang diluluskan. Kekosongan disebabkan sebahagian daripada fungsi Perbadanan telah dipindahkan ke anak syarikat.</p> <p>Surat penurunan kuasa telah dikeluarkan kepada pegawai.</p> <p>Kedudukan aliran tunai sehingga 31 Disember 2007 adalah seperti berikut:</p> <table> <thead> <tr> <th>Sumber</th> <th>Jumlah RM '000</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td colspan="2">Terimaan</td> </tr> <tr> <td>Jualan Tanah</td> <td>10,093</td> </tr> <tr> <td>Anak Syarikat</td> <td>3,854</td> </tr> <tr> <td>Saham</td> <td>620</td> </tr> <tr> <td><u>Lain-lain</u></td> <td><u>1,340</u></td> </tr> <tr> <td></td> <td>15,907</td> </tr> <tr> <td><u>Bayaran</u></td> <td><u>(15,830)</u></td> </tr> <tr> <td><u>Lebihan</u></td> <td><u>77</u></td> </tr> </tbody> </table>	Sumber	Jumlah RM '000	Terimaan		Jualan Tanah	10,093	Anak Syarikat	3,854	Saham	620	<u>Lain-lain</u>	<u>1,340</u>		15,907	<u>Bayaran</u>	<u>(15,830)</u>	<u>Lebihan</u>	<u>77</u>	<p>Penstrukturan semula perlu dilakukan dan menjumudkan jawatan yang tidak perlu.</p> <p>Tindakan diambil adalah memuaskan.</p> <p>Prestasi ini perlu diteruskan.</p>
Sumber	Jumlah RM '000																				
Terimaan																					
Jualan Tanah	10,093																				
Anak Syarikat	3,854																				
Saham	620																				
<u>Lain-lain</u>	<u>1,340</u>																				
	15,907																				
<u>Bayaran</u>	<u>(15,830)</u>																				
<u>Lebihan</u>	<u>77</u>																				

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
	33.3.2 i) 32.4.3 32.5.1	Pengurusan Baucar Bil Lewat Bayar Perbadanan juga lewat membuat pembayaran bagi potongan KWSP, SOCSO, pinjaman perumahan dan potongan angkasa kakitangan Perbadanan bagi tahun 2006. Kumpulan Wang Pendahuluan Diri Laporan Terperinci Lejar Penghutang Ada pegawai yang diluluskan pendahuluan diri sejumlah RM174,453 tanpa menjelaskan pendahuluan yang lama berjumlah RM80,436. PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI Daftar Penggunaan Kad Harta Modal Dan Inventori Perbadanan tidak menggunakan daftar penggunaan kad harta modal dan inventori tetapi menggunakan Daftar Aset Tetap yang dijana dari Sistem <i>D' Project</i> .	Perbadanan telah membayar caruman KWSP, SOCSO, pinjaman perumahan dan potongan angkasa sehingga Februari 2008. Pendahuluan baru diluluskan walaupun pendahuluan lama belum dijelaskan kerana keperluan kecemasan seperti pembelian barang yang tidak menggunakan borang pesanan tempatan.	Tindakan diambil adalah memuaskan. Tatacara pembelian perlu dirombak dengan memaksimumkan penggunaan panjar wang runcit.
5.	MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH			
	36.2	KAWALAN HASIL Kawalan hasil Majlis tidak memuaskan. Kawalan borang hasil adalah tidak teratur.	Kawalan borang hasil Majlis masih tidak teratur.	Pemantauan oleh pengurusan perlu bagi kawalan

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
		Buku Tunai tidak di selenggara dengan sempurna.	Buku tunai tidak di selenggara dengan sempurna (akhir kemas kini bulan Februari 2008).	borang hasil.
		Resit tidak ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai yang berasingan.	Kelulusan khas telah dikeluarkan kepada pegawai yang menerima wang.	Buku tunai perlu diselenggarakan dengan sempurna dan disemak oleh pegawai penyelia. Tindakan diambil adalah memuaskan.
		Semakan harian tidak dibuat antara buku tunai dan resit.	Semakan telah dibuat.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
		Slip bayar masuk bank tidak disemak.	Slip bayar masuk bank masih tidak disemak.	Tindakan segera perlu diambil.
		Notis mengenai keperluan meminta resit tidak dipamerkan untuk pengetahuan awam.	Notis telah dipamerkan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
		Pemeriksaan mengejut tidak dilaksanakan terhadap wang dan barang berharga.	Pemeriksaan mengejut telah dibuat.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
		Notis E tidak dikeluarkan kepada semua pegangan yang mempunyai tunggakan.	Notis E masih tidak dikeluarkan kepada semua pegangan yang mempunyai tunggakan.	Tindakan susulan perlu dibuat.
36.6	PENGURUSAN KUMPULAN WANG AMANAH			
a)	Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan Dan Komputer			
		Daftar pinjaman tidak di selenggara dengan lengkap dan kemas kini.	Daftar peminjam telah di selenggara.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
		Salinan sijil insurans komprehensif tidak disimpan dalam fail peminjam.	Salinan sijil insurans komprehensif tidak disimpan dalam fail pinjaman.	Tindakan diambil adalah memuaskan.

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
36.7	PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI	Salinan resit pembelian tidak disimpan dalam fail peminjam.	Salinan resit pembelian untuk peminjam baru disimpan dalam fail peminjam.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
		Kad pendaftaran tidak disimpan dan tidak dicop "Hak Milik Dituntut Majlis".	Kad pendaftaran sedang dalam tindakan Fis Datalink Sdn Bhd untuk dicap tanda hak milik.	Tindakan susulan perlu dibuat bagi memastikan ia dilaksanakan dengan segera.
		Surat perjanjian pinjaman tidak dimeterai.	Surat perjanjian pinjaman masih dalam proses untuk ditandatangani dan dimeterai.	Perjanjian perlu ditandatangani segera bagi mengelakkan implikasi perundangan.
		Daftar harta modal, inventori dan daftar stok bekalan pejabat tidak di selenggara dengan lengkap dan kemas kini.	Daftar harta modal dan inventori sedang dalam tindakan kemas kini menggunakan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007.	Pemantauan pengurusan perlu dalam pematuhan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007.
		Pemeriksaan fizikal tidak dijalankan setiap 2 tahun terhadap harta modal dan inventori.	Pemeriksaan fizikal masih belum dilaksanakan.	Pemeriksaan fizikal aset perlu dilaksanakan setiap 2 tahun.
		Aset tidak mempunyai tanda pengenal "Hak Milik Majlis".	Masih belum diambil tindakan.	Tanda pengenal aset perlu dibuat segera.
		Aset tidak mempunyai nombor siri.	Masih belum diambil tindakan.	Tindakan memberi nombor siri setiap aset perlu di laksana segera.
		Kenderaan diguna dengan kelulusan Pegawai Pengangkutan.	Kenderaan diguna dengan kelulusan pengawas.	Tindakan diambil.
		Buku log tidak di selenggara dengan lengkap dan kemas kini.	Masih tidak kemas kini.	Setiap buku log kenderaan hendaklah dikemas kini.

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
6.	MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN			
	36.2	<p>KAWALAN HASIL</p> <p>Kawalan borang hasil adalah tidak teratur.</p> <p>Buku Tunai tidak diselenggara dengan sempurna.</p> <p>Resit tidak ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai yang berasingan.</p> <p>Semakan harian tidak dibuat antara buku tunai dan resit.</p> <p>Slip bayar masuk bank tidak disemak.</p> <p>Pemeriksaan mengejut tidak dilaksanakan terhadap wang dan barang berharga.</p> <p>Penyata penyesuaian hasil/bank tidak dibuat dengan betul dan kemas kin.</p>	<p>Kawalan borang hasil Majlis masih tidak teratur.</p> <p>Buku tunai tidak diselenggara dengan sempurna.</p> <p>Kelulusan khas telah dikeluarkan kepada pegawai yang menerima wang.</p> <p>Semakan telah dibuat</p> <p>Tiada bukti slip bayar masuk bank disemak.</p> <p>Pemeriksaan mengejut tidak dibuat (tarikh akhir November 2007).</p> <p>Penyata penyesuaian bank bulan Mac masih belum dibuat.</p>	<p>Pemantauan oleh pihak pengurusan perlu dalam kawalan borang hasil.</p> <p>Buku tunai perlu diselenggarakan dengan sempurna</p> <p>Tindakan diambil adalah memuaskan.</p> <p>Tindakan diambil adalah memuaskan.</p> <p>Pegawai penyelia perlu menyemak slip bayaran masuk setiap hari.</p> <p>Pemeriksaan mengejut perlu dilakukan 2 kali setahun.</p> <p>Penyata penyesuaian bank perlu dikemas kini bagi mengelakkan kehilangan wang awam.</p>

BAHAGIAN VIII

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

27. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Mengikut Seksyen 16(2) Akta Prosedur Kewangan 1957, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak hendaklah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri dengan seberapa segera yang boleh, selepas diaudit oleh Ketua Audit Negara. Perkara 107(2) Perlombagaan Persekutuan pula menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. Sehubungan itu, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi tahun 2005 dan 2006 masing-masing telah dibentangkan di sidang Dewan Undangan Negeri pada 5 April 2007 dan 20 November 2007.

28. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Pada tahun 2007, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri (Jawatankuasa) telah bermesyuarat sebanyak 5 kali untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2000 hingga 2004. Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2000 dan 2001 telah pun di bentang dalam Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat, Dewan Undangan Negeri Perak yang bersidang pada 22 Ogos 2007. Memandangkan prestasi Jawatankuasa yang lemah kerana Laporan Jawatankuasa terhadap Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2002 hingga 2006 masih belum dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri, adalah wajar takwim mesyuarat Jawatankuasa ditetapkan dengan lebih kerap lagi. Ini membolehkan Jawatankuasa membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini bagi memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri secara lebih berkesan dan relevan. Perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat Jawatankuasa adalah seperti di **Jadual 62**.

Jadual 62
Mesyuarat Dan Lawatan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri
Sepanjang Tahun 2006

Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 1/2007 30 Mac 2007	i) Pejabat Daerah Dan Tanah Kerian	Mesyuarat meminta Pegawai Daerah Kerian berusaha untuk mendapat balik tunggakan bayaran sewa traktor lanjutan daripada syor Jawatankuasa berkaitan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2000.
	ii) Jabatan Kehakiman Syariah Perak	Jawatankuasa mengadakan sesi soal jawab dengan Ketua Hakim Syarie, berhubung perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2001 berkaitan pengurusan kewangan Jabatan Kehakiman Syariah Perak.
	iii) Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Pejabat Daerah Kinta Barat	Jawatankuasa akan mengadakan lawatan untuk meninjau kemajuan projek serta sesi soal jawab berhubung Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003 berkaitan kajian Projek Penggalakan Pelancongan Desa Perlombongan Bijih Timah.
	iv) Pejabat Tanah Dan Galian Perak	Pengarah Tanah Dan Galian diminta maklumkan kedudukan terkini isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2004 berhubung bayaran royalti bahan batu kapur dan juga tindakan yang telah diambil berkaitan pemalsuan geran hak milik tanah.
Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 3/2007 25 Jun 2007	i) Pejabat Tanah dan Galian	Mesyuarat dimaklumkan royalti bahan batu kapur terlalu tinggi jika dibanding dengan negeri lain, lanjutan isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2004. Oleh itu, Mesyuarat akan membawa perkara ini ke Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang akan datang. Mesyuarat juga dimaklumkan mengenai tindakan yang telah diambil oleh Pejabat Tanah Dan Galian bagi mengatasi pemalsuan hak milik geran tanah.
Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 4/2007 19 Julai 2007	i) Majlis Daerah Kinta Barat	Mesyuarat masih membincangkan isu pulangan sebenar yang patut diterima oleh MDKB berhubung Kajian Pengurusan Projek Pembangunan Usaha Sama yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2002.

Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
	ii) Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung	Mesyuarat meminta penjelasan Pegawai Daerah Manjung dan Mesyuarat berpuas hati dengan jawapan dan penjelasan terhadap isu yang berbangkit berhubung Kajian Pengurusan Perolehan Kerja dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003. Bagaimanapun, Mesyuarat berharap isu ini tidak berulang pada masa hadapan.
Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 5/2007 28 Disember 2007	i) Majlis Daerah Kinta Barat	Mesyuarat dimaklumkan MDKB telah menerima pulangan sejumlah RM16.03 juta dalam bentuk wang tunai, aset dan harta tanah berhubung Kajian Pengurusan Projek Pembangunan Usaha Sama dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2002.
	ii) Jabatan Mineral Dan Geosains Negeri Perak	Pengarah, Jabatan Mineral dan Geosains memberi penjelasan terhadap semua isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2002 berkaitan dengan pengurusan kewangan Jabatan ini.
	iii) Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung	Mesyuarat meminta penjelasan berkaitan tarikh sebenar siap surau Desa Manjung Raya lanjutan daripada isu projek lewat siap yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003.
	iv) Majlis Daerah Lenggong	Mesyuarat membincangkan isu berkaitan Pengambilan Balik Tanah dan Perjanjian Kontrak bagi Projek Pembinaan Dewan Dan Chalet Tasik Raban II yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003.

PENUTUP

Kelemahan dalam penyediaan Penyata Kewangan dan Pengurusan Kewangan yang dilaporkan dalam laporan ini menggambarkan bahawa tahap akauntabiliti pengurusan wang awam masih perlu dipertingkatkan. Langkah pembetulan perlu diambil bagi memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan.

Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan yang dilaksanakan buat kali pertama pada tahun 2007 telah menunjukkan prestasi Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri ditahap yang memuaskan namun masih terdapat beberapa kelemahan seperti yang dilaporkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan Pengurusan Kewangan adalah kekurangan pegawai, ketiadaan penyeliaan yang rapi dan latihan yang bersesuaian tidak diberi kepada pegawai. Oleh itu, adalah disyorkan Pegawai Pengawal yang terlibat mengkaji semula keperluan pegawai, memantau kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan dan menyediakan prosedur kerja yang lengkap.

Memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan persampelan dan skop tertentu, Pegawai Pengawal dan Ketua-Ketua Agensi yang terlibat juga perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan.

**JABATAN AUDIT NEGARA
Putrajaya**

19 Jun 2008



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI PERAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 telah diperiksa dan diaudit di bawah arahan saya mengikut peruntukan-peruntukan Akta Audit 1957.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perak pada 31 Disember 2007 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sijil ini hendaklah dibaca bersama-sama laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2007.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'AB'.
(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia.

Putrajaya
19 Jun 2008

Lampiran II

Lembaran Imbangan seperti pada 31 Disember 2007

Penyata		Nota	2007 RM	2006 RM
WANG AWAM				
A	WANG TUNAI	8	75,118,666.09	94,982,964.15
B	PELABURAN	9	690,450,050.00	693,027,656.01
			765,568,716.09	788,010,620.16
DI PEGANG BAGI: KUMPULAN WANG DISATUKAN				
C	AKAUN HASIL DISATUKAN	10 – 12	507,475,462.92	535,082,904.28
D	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	13	102,046,100.00	135,145,760.00
E	AKAUN AMANAH DISATUKAN	14 - 17	156,047,153.17	117,781,955.88
			765,568,716.09	788,010,620.16

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan.

(DATO' JAMALLUDIN AL AMINI BIN HAJI AHMAD)
Pegawai Kewangan Negeri
Perak Darul Ridzuan.

(FUZIAH BINTI DERASA)
Bendahari Negeri
Perak Darul Ridzuan.

Tarikh : 28/03/08

Lampiran III

Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wangtunai

seperti pada 31 Disember 2007

	Nota	2007 RM	2006 RM
TERIMAAN			
Hasil			
Hasil Cukai	195,482,738.62		192,286,949.37
Hasil Bukan Cukai	221,866,440.23		193,098,989.59
Terimaan Bukan Hasil	<u>121,411,998.91</u>	538,761,177.76	<u>103,142,062.02</u>
			488,528,000.98
Pinjaman			
Pinjaman Dalam Negeri	110,000,000.00		197,500,000.00
Terimaan Modal			
Pelbagai Terimaan Modal	40,520,442.57	150,520,442.57	<u>38,305,713.18</u>
Jumlah Terimaan		<u>689,281,620.33</u>	<u>724,333,714.16</u>
BAYARAN			
Perbelanjaan Mengurus			
Emolumen	(176,935,425.23)		(164,838,450.68)
Perkhidmatan Dan Bekalan	(144,191,268.06)		(132,777,430.44)
Aset	(18,364,519.47)		(14,998,993.32)
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	(215,764,433.77)		(186,958,284.02)
Perbelanjaan Lain	<u>(11,112,972.59)</u>	(566,368,619.12)	<u>(12,534,059.84)</u>
			(512,107,218.30)
Perbelanjaan Pembangunan			
Langsung	(171,625,045.82)		(142,560,592.34)
Pinjaman	<u>(58,000,000.00)</u>	(229,625,045.82)	<u>(16,298,906.22)</u>
			(158,859,498.56)
Pengeluaran Pinjaman			
Pinjaman Dalam Negeri		<u>(143,099,660.00)</u>	(108,584,940.00)
Jumlah Bayaran		<u>(939,093,324.94)</u>	<u>(779,551,656.86)</u>
Tambahan / (Kurangan) Wangtunai		<u>(249,811,704.61)</u>	(55,217,942.70)
* Terimaan/(Bayaran) Bersih Amanah		229,947,406.55	140,209,287.95
Wangtunai Pada 1 Januari		94,982,964.15	9,991,618.90
WANGTUNAI PADA 31 Disember		<u>75,118,666.09</u>	<u>94,982,964.15</u>

*Nota: Jumlah Terimaan/(Bayaran) Bersih Amanah adalah termasuk pengeluaran/Penyimpanan Pelaburan

(DATO' JAMALLUDIN AL AMINI BIN HAJI AHMAD)
Pegawai Kewangan Negeri
Perak Darul Ridzuan.

(FUZIAH BINTI DERASA)
Bendahari Negeri
Perak Darul Ridzuan.


Tarikh : 28/03/08


Lampiran IV

Penyata Akaun Memorandum
seperti pada 31 Disember 2007

Penyata	Nota	2007 RM	2006 RM
ASET			
F1 Pinjaman Boleh Ditutut	19	650,638,111.15	509,986,099.16
F3 Tunggakan Hasil		202,163,518.20	193,623,338.49
TANGGUNGAN			
G1 Hutang Awam	20	760,466,139.71	677,024,410.61

Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan.


(DATO' JAMALLUDIN AL AMINI BIN HAJI AHMAD)
Pegawai Kewangan Negeri
Perak Darul Ridzuan.


(FUZIAH BINTI DERASA)
Bendahari Negeri
Perak Darul Ridzuan.

Tarikh : **28/03/08**

Lampiran V

C Penyata Akaun Hasil Disatukan
seperti pada 31 Disember 2007

	2007			2006	
	Bajet RM	Sebenar RM	Bajet %	Sebenar RM	Bajet %
BAKI PADA 1 JANUARI		535,082,904.28		558,662,121.60	
C1 HASIL					
Hasil Cukai	243,735,200.00	195,482,738.62	80.20	192,286,949.37	100.08
Hasil Bukan Cukai	193,927,207.00	221,866,440.23	114.41	193,098,989.59	94.12
Terimaan Bukan Hasil	99,637,000.00	121,411,998.91	121.85	103,142,062.02	106.79
Jumlah Hasil	537,299,407.00	538,761,177.76	100.27	488,528,000.98	98.92
C2 PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	181,358,709.00	176,935,425.23	97.56	164,838,450.68	94.90
Perkhidmatan Dan Bekalan	147,078,663.00	144,191,268.06	98.04	132,777,430.44	96.43
Aset	20,154,934.00	18,364,519.47	91.12	14,998,993.32	95.56
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	238,301,797.00	215,764,433.77	90.54	186,958,284.02	99.57
Perbelanjaan Lain	11,542,500.00	11,112,972.59	96.28	12,534,059.84	99.21
Jumlah Perbelanjaan Mengurus	598,436,603.00	566,368,619.12	94.64	512,107,218.30	97.08
Lebihan/(Kurangan) Bagi Tahun (C1-C2)	(61,137,196.00)	(27,607,441.36)		(23,579,217.32)	
BAKI PADA 31 DISEMBER		507,475,462.92		535,082,904.28	

* Butir Lanjut: Penyata C1 dan C2

NOTA KEPADA AKAUN AWAM BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007
(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersama)

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN KERAJAAN NEGERI YANG PENTING

1. Entiti Perakaunan

Entiti Perakaunan Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan adalah termasuk semua jabatan Kerajaan Negeri tetapi tidak termasuk Badan-Badan Berkanun, Pihak Berkusa Tempatan dan Syarikat Milik Kerajaan Negeri.

2. Kumpulanwang Negeri Disatukan

Mengikut kehendak Seksyen 7 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972), tiga akaun berasingan diselenggarakan di bawah Kumpulanwang Negeri Disatukan iaitu:-

- a) Akaun Hasil Disatukan (Penyata C), yang mana segala hasil yang diterima dan perbelanjaan mengurus yang terlibat dikenakan kepada akaun ini.
- b) Akaun Pinjaman Disatukan (Penyata D), yang mengakaunkan semua terimaan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan pengeluaran yang dibuat kepada Badan-Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkusa Tempatan dan juga pindahan kepada Kumpulanwang Pembangunan Negeri dan
- c) Akaun Amanah Disatukan (Penyata E), yang mana segala terimaan dan bayaran Kumpulanwang Amanah Kerajaan dan wang yang diterima oleh kerajaan untuk maksud tertentu diakaunkan.

3. Akaun Memorandum

Akaun Memorandum menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan yang bukan merupakan sebahagian dari baki Kumpulanwang Negeri Disatukan, tidak disertakan dalam Lembaran Imbangan tetapi disertakan berasingan dalam Penyata Akaun Memorandum. Penyata Akaun Memorandum yang dilaporkan dalam Penyata Kewangan terdiri dari penyata yang berkaitan dengan aset seperti Pinjaman Boleh Dituntut (Penyata F1), Tunggakan Hasil (Penyata F3) dan penyata yang berkaitan dengan tanggungan seperti Hutang Awam (Penyata G).

4. Konsep Asas

Dasar perakaunan Kerajaan Negeri adalah berdasarkan dua konsep seperti terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu:-

- a) Segala hasil atau wang yang didapatkan atau diterima; kecuali zakat, fitrah, baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya dibayar masuk ke dalam Kumpulanwang Negeri Disatukan (Fasal 97 Perlembagaan Persekutuan); dan
- b) Tiada wang kecuali perbelanjaan tanggungan tertentu, boleh dikeluarkan dari Kumpulanwang Negeri Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri (Fasal 104 Perlembagaan Persekutuan).

5. Dasar dan Asas Perakaunan

- (a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang, aturan dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Negeri.

NOTA KEPADA AKAUN AWAM BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007
(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersama)

(b) Akaun Awam disediakan berdasarkan tunai ubahsuai.

6. Tahun Kewangan

Tahun Kewangan ditetapkan oleh Seksyen 3 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) adalah suatu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

7. Aset dan Tanggungan

Aset tetap dikenakan kepada perbelanjaan pada masa ianya dibeli atau dibina. Tuntutan kewangan oleh Kerajaan Negeri seperti hasil terakru dan pinjaman boleh dituntut tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Walau bagaimanapun, Penyata Pinjaman Boleh Dituntut (Penyata F1) dan Penyata Tunggakan Hasil (Penyata F3) ditunjukkan dalam Akaun Memorandum. Tanggungan Kerajaan Negeri yang belum diselesaikan pada penutup tahun kewangan tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan.

Walaubagaimanapun, penyata mengenai hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan (Penyata G) ditunjukkan dalam Akaun Memorandum.

ASET

8. Wangtunai

Wangtunai (Penyata A) adalah terdiri dari Wangtunai Dalam Bank sebanyak RM70,735,853.17, Wangtunai Dalam Perjalanan sebanyak RM4,016,797.87 dan Wangtunai Dalam Tangan sebanyak RM366,015.05.

Wangtunai Dalam Bank menunjukkan kedudukan baki buku tunai setelah mengambil kira urusniaga yang belum disesuaikan seperti yang dilaporkan dalam Penyata Penyesuaian Bank. Baki wangtunai dalam bank pada 31 Disember 2007 berjumlah RM70,735,853.17 iaitu termasuk RM20.35juta yang tersilap diambil kira dua kali dan telah diselaraskan pada bulan Januari 2008 (tempoh Akaun Kena Bayar).

9. Pelaburan

Pelaburan (Penyata B) yang dinyatakan dalam Lembaran Imbangan terdiri dari lebihan terkumpul bagi ketiga-tiga akaun Kumpulanwang Disatukan. Pelaburan diambil kira pada nilai buku.

Nilai pasaran saham yang disenaraikan dalam Bursa Malaysia seperti pada 31 Disember 2007.

	<i>Nilai Buku (RM)</i>	<i>Nilai Pasaran (RM)</i>
Telekom Malaysia Berhad	5.00	11.20
Tenaga Nasional Berhad	4.50	9.60
Petronas Dagangan Berhad	2.80	8.65
Malaysia Airport Holdings	2.50	3.02

(Sumber: New Straits Times 2 Januari 2008)

NOTA KEPADA AKAUN AWAM BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007
(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersama)

15. Kumpulanwang Pembangunan

Kumpulanwang Pembangunan Negeri yang ditubuhkan mengikut Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, diakaunkan dalam Akaun Amanah Disatukan (Penyata E1a) Terimaan Kumpulanwang ini terdiri dari pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan bagi maksud pembangunan, caruman dari Akaun Hasil Disatukan, pemberian Persekutuan (Geran) dan ansuransewabeli rumah awam, pemberian imbuhan projek-projek tertentu oleh Kerajaan Persekutuan dan pelbagai terimaan. Wang dalam kumpulanwang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud-maksud seperti yang ditentukan dalam Akta Kumpulanwang Pembangunan dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri.

16. Kumpulanwang Amanah Awam

Kumpulanwang Amanah Awam (Penyata E2) yang ditubuhkan di bawah Seksyen (Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) terdiri dari kumpulanwang khas yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri dan wang amanah yang diterima bagi maksud tertentu.

17. Deposit

Akaun Amanah bagi Deposit (Penyata E3) mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah mana-mana undang-undang atau mengikut perjanjian.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

18. Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wangtunai

Semua penerimaan dan pembayaran wangtunai ditunjukkan dalam penyata ini. Terimaan wangtunai terdiri daripada terimaan hasil, pinjaman, modal dan terimaan-terimaan lain. Pembayaran wangtunai terdiri daripada bayaran semua perbelanjaan mengurus, pembangunan, pengeluaran pinjaman dan bayaran-bayaran lain.

AKAUN MEMORANDUM

19. Pinjaman Boleh Dituntut

Akaun ini menunjukkan baki hutang Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkusa Tempatan Negeri dengan Kerajaan Negeri yang mana pinjaman tersebut dibiayai oleh sumber negeri dan sumber Persekutuan (Penyata F1).

20. Hutang Awam

Akaun ini menunjukkan baki hutang yang terdiri dari semua pinjaman yang diambil oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek-projek pembangunan negeri dan Badan-badan Berkanun Negeri (Penyata G1).

NOTA KEPADA AKAUN AWAM BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007
(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersama)

AKAUN HASIL DISATUKAN

10. Hasil

Kutipan Hasil (Penyata C1) diakaun mengikut asas tunai dengan mengambil kira jumlah kasar hasil yang diterima. Perbelanjaan yang dilibatkan untuk mendapatkan hasil dan bayaran balik hasil yang dilakukan mengikut mana-mana undang-undang dikenakan kepada perbelanjaan. Hasil yang patut diterima tetapi sebenarnya belum diterima dalam tahun kewangan berkenaan tidak dimasuk akaunkan.

11. Perbelanjaan

Semua kenaan kepada peruntukan Belanjawan bagi barang-barang dan perkhidmatan serta bayaran pindahan seperti caruman kepada Kumpulanwang Pembangunan serta wang yang diuntukkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-badan Berkanun dan Syarikat Milik Kerajaan melalui pemberian dianggap sebagai perbelanjaan (Penyata C2).

Terimaan balik bayaran lebih yang dilakukan dalam tahun kewangan yang sama dikreditkan kepada butir perbelanjaan dari mana bayaran asalnya dibuat, manakala yang berkaitan dengan perbelanjaan tahun-tahun lepas dikreditkan kepada akaun hasil.

12. Perbelanjaan Tanggungan

Perbelanjaan tanggungan (Penyata C2) terdiri dari perbelanjaan yang wajib dikenakan ke atas Kumpulanwang Negeri Disatukan mengikut mana-mana undang-undang Negeri yang telah ditentukan. Perbelanjaan ini termasuklah penceh, pampasan, ganjaran dan perbelanjaan hutang negeri. Walaupun peruntukan bagi menampung perbelanjaan tanggungan disertakan dalam anggaran yang dikemukakan di Dewan Undangan Negeri, ianya tidak dibahaskan.

AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

13. Akaun Pinjaman

Pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan di bawah kuasa undang-undang Negeri dan terimaan ini kemudianya dipindahkan ke Kumpulanwang Pembangunan ataupun dibayar terus kepada pelbagai Agensi Kerajaan Negeri atas sifat pinjaman itu diperolehi (Penyata D).

AKAUN AMANAH DISATUKAN

14. Kumpulanwang Amanah Kerajaan

Kumpulanwang Amanah Kerajaan (Penyata E1) ditubuhkan di bawah seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) bagi maksud tertentu selaras dengan Perlembagaan Persekutuan.

**Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan
Agenzi Kerajaan Sehingga 31 Mei 2008**

Bil.	Nama Agenzi	Penyata Kewangan Yang Telah Disahkan	Penyata Kewangan Yang Telah Diterima	Penyata Kewangan Belum Diterima
(A) Badan Berkanun/Kumpulan Wang				
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	2006	-	2007
2.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	2006	-	2007
3.	Lembaga Air Perak	2006	-	2007
4.	Yayasan Perak	2006	-	2007
5.	Tabung Kumpulan Wang Kebajikan dan Pelajaran Yayasan Perak	2006	2007	-
6.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	2006	-	2007
7.	Kolej Islam Darul Ridzuan	2006	-	2007
8.	Perbadanan Taman Negeri Perak	2006	-	2007
9.	Majlis Sukan Negeri Perak	2006	-	2007
10.	Lembaga Muzium Negeri Perak	2006	-	2007
11.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Anak-anak Melayu Negeri Perak	2006	-	2007
12.	Kumpulan Wang Biasiswa Rakyat Negeri Perak (Bukan Melayu)	2006	-	2007
13.	Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Perak	2006	2007	-
14.	Amanah Agama dan Khairat Sultan Idris, Kuala Kangsar	2006	-	2007
15.	Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri	TB	-	2007
(B) Pihak Berkuasa Tempatan				
1.	Majlis Bandaraya Ipoh	2006	-	2007
2.	Majlis Perbandaran Taiping	2006	-	2007
3.	Majlis Perbandaran Manjung	2006	-	2007
4.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	2006	-	2007
5.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	2006	-	2007
6.	Majlis Daerah Kerian	2006	-	2007
7.	Majlis Daerah Tapah	2006	-	2007
8.	Majlis Daerah Gerik	2007	-	-
9.	Majlis Daerah Perak Tengah	2006	-	2007
10.	Majlis Daerah Selama	2006	-	2007
11.	Majlis Daerah Tanjung Malim	2006	-	2007
12.	Majlis Daerah Kinta Barat	2006	-	2007
13.	Majlis Daerah Kinta Selatan	2006	-	2007
14.	Majlis Daerah Lenggong	2006	-	2007
15.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	2006	2007	-
(C) Majlis Agama Islam				
1.	Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak	2006	-	2007

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

TB – Tidak Berkaitan